

**PELAKSANAAN KOPERASI PONDOK  
PESANTREN: KAJIAN DI PONDOK MODEN  
DARUSSALAM GONTOR, PONOROGO, JAWA  
TIMUR, INDONESIA**

**SYAMSURI**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2011**

**PELAKSANAAN KOPERASI PONDOK  
PESANTREN: KAJIAN DI PONDOK MODEN  
DARUSSALAM GONTOR, PONOROGO, JAWA  
TIMUR, INDONESIA**

**SYAMSURI**

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH  
SARJANA SYARIAH BAHAGIAN II  
(SECARA BERKURSUS DAN DISERTASI)**

**JABATAN SYARIAH DAN EKONOMI  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2011**

**UNIVERSITI MALAYA**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama : **Syamsuri**

No. Pendaftaran / Matrik : **IGA 080003**

Nama Ijazah : **Master Syariah Ekonomi**

Tajuk Kertas Projek :

**PELAKSANAAN KOPERASI PONDOK PESANTREN:  
KAJIAN DI PONDOK MODEN DARUSSALAM GONTOR, PONOROGO, JAWA TIMUR,  
INDONESIA**

Bidang Penyelidikan : **Ekonomi Islam**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi meksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang / penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

## **Abstrak**

Sejak mutakhir ini telah berlaku satu perubahan dalam struktur komuniti pondok pesantren di Indonesia. Pondok Pesantren Gontor telah mengorak satu perubahan dengan menubuhkan koperasi pondok pesantren. Langkah ini dirintis oleh Pondok Pesantren Gontor bagi memastikan kelangsungan jangka hayat pondok pesantren berbanding pesantren-pesantren lain yang pupus akibat ketandusan dana. Permasalahan yang berlaku dalam pengurusan koperasi pondok pesantren adalah kerana pengabaian sebahagian prinsip asas koperasi seperti anggotanya yang tiada penglibatan ekonomi dan tiada kebebasan autonomi. Pengabaian ini telah mengakibatkan kelemahan dalam pengurusan koperasi. Masalah ini berlaku kerana wujudnya pertukaran yang sering terjadi ke atas pengurus-pengurus koperasi yang terdiri dari pendokong dan pelapis pondok itu sendiri. Kajian ini telah berjaya mencari punca permasalahan yang berlaku antaranya; keahlian yang terhad kepada komuniti pondok sahaja selama mereka tinggal di pondok, pengurusan yang bersifat semi autonomi, pengagihan keuntungan yang berupa pembiayaan kemudahan bukan pembahagian peratus keuntungan dan caruman yang berupa pengorbanan ketaatan kepada institusi pondok bukan caruman kewangan. Kajian ini mencadangkan supaya pihak kerajaan terlibat sama dalam menjayakan misi koperasi pondok pesantren. Di samping itu juga koperasi pondok pesantren juga perlu diperluaskan penglibatannya kepada masyarakat setempat.

## **Abstract**

Since this date there has been a change in the community structure of a pondok pesantren in Indonesia. Pondok Pesantren Gontor has come up with a change in setting up a pondok pesantren cooperative (kopontren). This move was initiated by Pondok Pesantren Gontor to ensure continuity of pesantren life expectancy compare with other pesantren that extinct due to lack of funds. Problems that occur in management of the kopontren is a neglect of some basic principles of cooperatives as its members have no economic participation and no freedom of autonomy. This neglection resulted in weakness of cooperative management. This problem occurred due to frequent changes of cooperative managers consisting of a pillar and a coat of a pesantren itself. This study has succeeded in finding a source of problems that occurred which are limited membership to pesantren community as long as they stays at the cottage, a semi-autonomous management, percent profit sharing in term of facilities support not a dividends of profit and contribution such as loyalty to the cottage institution and not money contribution. This study suggests that the government be involved in achieving a kopontren mission. In addition, a kopontren must also expanding it's presence to the local community.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ بَارِئِ الْبَرِيَّاتِ، وَغَافِرِ الْخَطَايَا، وَعَالِمِ الْحَفَّيَا، الْمُطْلِعُ عَلَى الصَّمَائِيرِ وَالنَّيَّاتِ،  
أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَوَسَعَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَحِلْمًا.  
وَصَلَى اللَّهُ عَلَى خَاتِمِ الْأَنْبِيَاءِ، وَسَيِّدِ الْأَصْفَيَاءِ، وَإِمَامِ الْعُلَمَاءِ، وَأَكْرَمَ مَنْ مَشَى تَحْتَ أَذْيَمِ  
السَّمَاءِ، مُحَمَّدٌ نَبِيُّ الرَّحْمَةِ، الدَّاعِي إِلَى سَبِيلِ رَبِّهِ بِالْحِكْمَةِ.

Segala puji syukur penulis panjatkan sepenuhnya kepada Allah S.W.T yang Maha Pemurah, Pengasih dan Penyayang bagi semesta alam, Shalawat dan salam senantiasa terlimpahkan kepada Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat dan pengikut-pengikutnya hingga akhir zaman. Atas rahmadNya jualah penulis dapat menselesaikan karya penulisan yang tidak seberapa ini dengan tajuk Pelaksanaan Koperasi Pondok Pesantren kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia.

Penulis sedari dalam penulisan karya tulis ini banyak pihak yang telah sudi membantu untuk merampungkan penulisan hingga dapat selesai sesuai dengan perencanaan waktu penulis, baik itu dari individu maupun lembaga, berupa motivasi secara langsung maupun dalam bentuk doa. oleh kerana itu sangatlah patut kiranya penulis sampaikan berjuta-juta terimakasih yang setinggi-tingginya dan sedalam-dalamnya kepada:

1. DR. Patmawati Binti Hj Ibrahim selaku peneyelia disertasi ini yang telah banyak meluangkan waktunya, memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta sokongan

kepada penulis dalam menyiapkan karya tulis ini. Semoga kesehatan dan kemudahan serta kebahagiaan dunia dan akherat sentiasa Allah S.W.T curahkan kepada beliau dan keluarganya.

2. Penulis juga ucapan penghargaan kepada ibu tercinta Kasiyah dengan kasih sayangnya yang tiada banding, do'a restu serta sokongan beliau kepada penulis untuk selalu menimba ilmu tanpa batas waktu dan juga kepada keluarga besar di Air Sugihan ketulusan doanya hingga menghantarkan penulis ke jenjang Master dan tak lupa kepada keluarga Bapak Makmun dan putrinya Rosyidah yang selalu mengingkatkan dan memberikan motivasi untuk terus berkarya dan mengabdi untuk umat.
3. Semoga tidak mengurangi rasa hormat dan terima kasih penulis haturkan sekalung ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Bapak-Bapak Pimpinana Pondok Modern Darussalam Gontor, DR. K.H Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A, K.H Hasan Abdullah Sahal, K.H Syamsul Hadi Abdan, S.Ag dan juga Ketua YPPWPM Al-Ustadz H. Zainal Arifin Abdullah, S.Ag, ketua Kopontren La-Tansa al-Ustadz Suraji Badi', S.Ag beserta seluruh staf kopontren yang telah menyokong kami untuk menyelesaikan penulisan karya tulis ini.
4. Dalam kesempatan ini juga penulis sampaikan terima kasih kepada seluruh pensyarah mahupun staf di Jabatan Syari'ah Ekonomi di Universiti Malaya yang telah menjadi fasilitator dan motivator dalam memperoleh dan mengkaji ilmu pengetahuan dari berbagai sumber asalnya.

Di akhir kalimat penulis sedari akan kelemahan dan banyaknya kekurangan dalam penyusunan disertasi ini, oleh kerananya penulis sangatlah berharap akan saran dan kritik dari pelbagai pihak untuk menyempurnakan dan memperbaikinya. Walaupun

demikian, tiada banyak yang penulis harapakan selain kajian ini dapat memperkaya sumber rujukan keilmuan bagi studi ekonomi shariah. Semoga karya yang jauh dari kesempurnaan ini membawa manfaat bagi penulis khasnya dan para pembaca amnya. Amin ya rabbal ‘alamin.

**Syamsuri**

## **KANDUNGAN**

1	Perakuan keaslian penulisan	Iii
2	Abstrak Bahasa Melayu	Iv
3	Abstrak Bahasa Inggeris	V
4	Penghargaan	Vi
5	Senarai Jadual	Ix
6	Senarai Rajah	X
7	Senarai Carta	Xi
8	Senarai kependekaan	Xii
9	Jadual Transliterasi	Xiv
10	Kandungan	Xvii

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang Kajian	3
1.3	Persoalan Kajian	5
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Hipotesis Kajian	6
1.6	Kepentingan Kajian	7
1.7	Skop Kajian	8
1.8	Landasan Teori	8
1.9	Kajian Literatur	11
1.10	Metodologi Kajian	16

**BAB DUA:**  
**LATAR BELAKANG KOPERASI DAN APLIKASI**  
**PRINSIP-PRINSIP SYARIAH DI DALAMNYA**

2.1	Pengenalan	22
2.2	Definisi koperasi	24
2.2.1	Koperasi konvensional	24
2.2.2	Koperasi syariah	27
2.3	Bentuk dan Jenis Koperasi	29
2.3.1	Berdasarkan Jenis Usaha	30
2.3.2	Berdasarkan Sifat Anggota	30
2.4	Konsep Koperasi	31
2.4.1	Obejektif dan landasan penubuhan koperasi	31
2.4.2	Nilai asas dan nilai etika koperasi	33
2.4.3	Prinsip dan falsafah koperasi	36
2.5	Sejarah perkembangan koperasi di Indonesia	39
2.6	Perbezaan antara koperasi dengan lembaga lain	43
2.6.1	Matlamat penubuhan dan penguna perkhidmatan koperasi	43
2.6.2	Pemilik usaha dan modal	44
2.6.3	Pemangku kekuasaan tertinggi	44
2.6.4	Status keanggotaan	45
2.6.5	Pembahagian keuntungan (baki dari hasil usaha)	45
2.7	Aplikasi prinsip-prinsip syariah di dalam koperasi Islam	46
2.7.1	Prinsip Jual beli ( <i>al-Tijārah</i> )	46
2.7.2	Prinsip sewa ( <i>al-Ijārah</i> )	55
2.7.3	Prinsip perkhidmatan/jasa ( <i>al-Qard</i> )	57
2.8	Kesimpulan	60

**BAB TIGA:**  
**GAMBARAN UMUM PONDOK PESANTREN (PONPES) DAN**  
**KOPERASI PONDOK PESANTREN (KOPONTREN)**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Gambaran Pondok Pesantren	63
3.3	Unsur-Unsur Asas Pada Pondok Pesantren	65
3.4	Sistem Pendidikan Pada Pondok Pesantren	68
3.5	Pengenalan Kopontren	69
3.6	Gambaran Umum Kopontren	71
3.7	Implementasi Nilai dan Prinsip Kopontren	74
3.7.1	Nilai-Nilai Didalam Kopontren	75
3.7.2	Prinsip Dasar Koperasi Pada Kopontren	79
3.8	Matlamat Penubuhan Kopontren	83
3.9	Keanggotaan Kopontren	85
3.10	Kepengurusan Kopontren	89
3.11	Lembaga Pengawas Kopontren	91
3.12	Sumber Kewangan Kopontren	93
3.13	Kesimpulan	95

**BAB EMPAT:**  
**LATAR BELAKANG PONDOK PESANTREN GONTOR PONOROGO**

4.1	Gambaran umum Bandar Ponorogo	97
4.1.1	Struktur Penduduk Ponorogo	98
4.1.2	Kepadatan dan Jumlah Penduduk	98
4.1.3	Taraf Ekonomi Masyarakat Ponorogo	101

4.1.4	Penduduk Ponorogo dari Segi Pekerjaan	102
4.1.5	Penduduk Ponorogo dari Segi Agama	103
4.1.5	Taraf Pendidikan	104
4.2	Profil Pondok Pesantren Gontor Ponorogo	107
4.2.1	Sejarah Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo	107
4.2.2	Falsafah Pondok Moden Gontor	108
4.2.3	Visi dan Misi Pondok Moden Gontor	109
4.2.4	Lima Jiwa Pondok Moden Gontor	111
4.2.5	Lima Program Kerja Jangka Panjang Pondok Moden Gontor	113
4.2.6	Populasi Pelajar dan Pengajar	115
4.2.7	Cawangan Pondok Moden Gontor Di Indonesia	117
4.2.8	Kokurikulum Pembelajaran di Pondok Gontor	119
4.2.9	Struktur Organisasi di Pondok Moden Darussalam Gontor	120
4.3	Sejarah Pembentukan Koperasi Pondok Moden Gontor (Kopontren)	122
4.4	Hubungan antara Kopontren dengan YPPWPM.	124
4.5	Hubungan antara Kopontren dengan Pimpinan Pondok Moden Gontor	126
4.6	Kesimpulan	129

**BAB LIMA**  
**PELAKSANAAN KOPERASI PONDOK PESANTREN (KOPONTREN)**  
**DI PONDOK PESANTREN GONTOR PONOROGO**

5.1	Pengenalan	132
5.2	Analisis Anggota Kopontren Gontor	133
5.3	Analisis pengurusan Kopontren Gontor	135
5.4	Sumber Kewangan Kopontren Gontor	139

5.5	Prinsip Dalam Pengelolaan Hasil Usaha di Kopontren Gontor	141
5.6	Pengagihan Keuntungan di Kopontren Gontor	144
5.7	Aktiviti-Aktiviti Sosial di Kopontren Gontor	147
5.8	Aktiviti Usaha-Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor	149
5.8.1	Pengeluaran Padi	149
5.8.2	Kedai Serbaneka	151
5.8.3	Kedai Bahan Bangunan	152
5.8.4	Kedai Buku	153
5.8.5	Kedai Runcit Sayur-Sayuran (Pasar tani)	154
5.8.6	Percetakan Darussalam Press	156
5.8.7	Perkhidmatan Pengangkutan	158
5.8.8	Penginapan Wisma Darussalam	159
5.9	Masalah-Masalah Dalam Pelaksanaan Kopontren Gontor	161
5.9.1	Permasalahan yang berlaku di Kopontren Gontor	161
5.8.2	Cadangan Penyelesaian Masalah	164
5.10	Kesimpulan	165

## BAB ENAM

### ANALISIS PELAKSANAAN USAHA-USAHA EKONOMI DI KOPONTREN GONTOR DALAM PERSPEKTIF SYARIAH

6.1	Analisis syarat dan rukun transaksi jual beli di usaha ekonomi Kopontren Gontor di dalam perspektif syariah	167
6.1.1	Kedua belah pihak yang berakad	167
6.1.2	Barang yang diperjual belikan	168
6.1.3	Harga barang	169
6.1.4	Lafaz akad ( <i>Ijab</i> dan <i>qabul</i> )	171

6.2	Analisis Pelaksanaan Usaha-Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor dalam Perspektif Syariah	172
6.2.1	Prinsip Bay' Murābahah pada Usaha Ekonomi di Kopotren Gontor	172
6.2.2	Prinsip Bay' Salam pada Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor	174
6.2.3	Prinsip Bay' Istisna' pada Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor	176
6.2.4	Prinsip Al-Ijarah pada Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor	178
6.4	Kesimpulan	182

## BAB TUJUH

## PENUTUP

7.1	Rumusan	184
7.2	Saranan dan Cadangan	188
7.3	Kesimpulan	190

## BIBLIOGRAFI

1	Bahasa Melayu	191
2	Bahasa Arab	197
3	Temubual	197
4	Lawan Web	198

## **BAB SATU:** **PENDAHULUAN**

### **1.1. Pengenalan**

Sejarah penubuhan pondok pesantren di Indonesia bermula dengan adanya usaha individu atau kolektif untuk mengajar ilmu pengetahuan agama kepada masyarakat setempat yang bersifat pensendirian, sehingga kemudian wujud kesedaran masyarakat sekitar untuk belajar ilmu dari individu tersebut. Istilah pondok sering diertikan dalam makna yang sempit iaitu suatu tempat tinggal santri<sup>1</sup> yang dibuat dan terdiri daripada bahan-bahan yang ringkas, tidak mewah dan sederhana. Maksud pondok secara harfiyah dalam bahasa Arab adalah *būndūk* ertinya asrama atau hotel.<sup>2</sup> Manakala perkataan pesantren<sup>3</sup> sentiasa disertakan di belakang perkataan pondok, maka dikenalilah sebagai pondok pesantren (ponpes). Perkataan pesantren asalnya dari perkataan *santri*, manakala perkataan *santri* berasal dari bahasa Tamil *satri* iaitu guru mengaji.<sup>4</sup> Dikatakan juga santri berasal dari kata *cantrik* iaitu orang yang selalu mengikuti ke mana-mana gurunya tinggal.<sup>5</sup> Oleh itu pesantren boleh dimaksudkan sebagai tempat di mana seorang santri tinggal dan belajar di dalamnya untuk memperdalam ilmu agama kemudian mengajarkannya kepada masyarakat.<sup>6</sup> Namun istilah pesantren di sini mengandungi

---

<sup>1</sup> Istilah santri dipakai hanya untuk seseorang yang belajar atau mengaji di sebuah pondok pesantren, manakala murid, siswa atau pelajar dipakai untuk seseorang yang belajar di sekolah formal. A. Halim (2005) “Mengali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren”, dalam A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al. (eds), *Manajemen Pesantren*. Cet. I. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, h. 226

<sup>2</sup> Lihat Sukamto (1999), *Kepemimpinan Kiyai dalam Pesantren*, Jakarta: LP3ES, h. 43

<sup>3</sup> Erti Pesantren ialah tempat untuk tinggal dan belajar para santri. Tim penyusun Kamus Besar Indonesia (1988), *op.cit*, h. 783

<sup>4</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005)”*Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*”, Jakarta: Rajawali Press, h. 60

<sup>5</sup> Lihat Sujari (2008), “Pendidikan Pondok Pesantren Tradisional Dalam Perspektif Pendidikan Islam Indonesia”, (latihan ilmiah Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember), h. 17

<sup>6</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 61

makna *tauhid*<sup>7</sup> dan menjadi pengukuh kepada kata asalnya. Inilah yang akan membezakan antara pondok yang bukan pesantren dengan pondok pesantren yang lain di Indonesia.

Pada masa ini pondok pesantren telah mengalami perubahan yang signifikan khususnya dalam usaha mengembangkan kegiatan ekonomi. Perkembangan tersebut bermula semenjak tahun 1970an<sup>8</sup>, di mana beberapa pesantren telah melakukan pengubahsuaihan dan penyelesaian masalah sosial masyarakat seperti ekonomi, sosial dan politik. Pondok pesantren tidak hanya berfungsi sebagai lembaga yang membentuk para pemikir agama sahaja, malah lebih daripada itu pesantren berfungsi sebagai lembaga yang memiliki kekuatan dan pengaruh yang boleh dimanfaatkan masyarakat sekelilingnya. Oleh yang demikian, dapat diertikan bahawa pondok pesantren telah menjalani proses perubahan sosial, bukan lagi hanya tertumpu dalam aspek pendalamannya ilmu agama sahaja.<sup>9</sup>

Dengan kehebatan perkembangan dan kemajuan teknologi, pondok pesantren berusaha melakukan perubahan yang bertujuan untuk meningkatkan fungsi sekaligus memanfaatkan potensinya bagi kemaslahatan masyarakat sekitar pesantren. Antara langkah yang diambil pihak pesantren ialah dengan menubuhkan koperasi yang beroperasi di dalam pondok pesantren tersebut atau disebut sebagai (kopontren). Pada asasnya penubuhan koperasi disuatu pondok pensantren merupakan salah satu bentuk penerapan prinsip tolong menolong (*ta'āwun*), persaudaraan (*ukhuwah*), kerjasama

<sup>7</sup> Sukamto (1999), *op.cit*, h. 43

<sup>8</sup> Lihat Moh Ali Aziz (2005) “Pesantren dan pengembangan ekonomi umat” dalam, A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As (2005) *Manajemen Pesantren*, Cet. I. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, h. 207

<sup>9</sup> Lihat Husen Hasan Basri (2007), “Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren:Studi kasus Yayasan Pesantren tiga dimensi pangkep sulawesi selatan”, *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan*, bil:5. Oktober-desember,2007, h. 65

(*shirkah*) dan kepercayaan (*amanah*), sehingga para santri mampu melaksanakan ilmu agama yang telah ia pelajari terutama dalam bidang *mu'amalah* secara menyeluruh.

Kewujudan koperasi bagi setiap pondok pesantren telah memberikan kesan yang luar biasa terhadap pertumbuhan ekonomi pondok. Antara kesan kewujudannya boleh ditinjau melalui tiga dimensi iaitu koperasi sebagai penyokong pelaksanaan kegiatan ekonomi pondok pesantren, koperasi sebagai tempat pembinaan pelapis koperasi desa dan koperasi juga sebagai lembaga yang boleh meningkatkan ekonomi masyarakat desa di sekitar pondok pesantren.<sup>10</sup> Lebih menarik lagi apabila kopontren yang telah diwujudkan hingga sekarang, lebih mudah untuk berperan sebagai penjana ekonomi bagi setiap pondok pesantren terebut. Selain itu kewujudan kopontren di tengah masyarakat juga mampu mendedahkan kesedaran terhadap kepentingan berekonomi secara lebih aktif, menggerakkan sumber ekonomi dan sumber manusia sedia ada hingga masyarakat menjadi lebih produktif.<sup>11</sup>

## 1.2. Latar belakang kajian

Koperasi dalam sebuah pertubuhan seperti pondok pesantren mempunyai peranan yang penting dalam meyokong kejayaan pondok pesantren itu sendiri. Ini kerana keperluan penubuhan kopontren mempunyai perbezaan daripada penubuhan koperasi umum yang lain. Kopontren ditubuhkan mempunyai matlamat khusus iaitu untuk merealisasikan bahawa pondok pesantren mampu berdiri sendiri dari segi ekonomi dan menjadi pusat latihan bagi santri dan pengajarnya untuk belajar mengelola perniagaan. Secara tidak langsung akan melatih minat dalam bidang keusahawanan dengan penuh

<sup>10</sup> Lihat Burhanuddin (2006), “Evaluasi Program Pendidikan dan Latihan pada Koperasi Pondok Pesantren”, *Jurnal Pengkajian Koperasi dan UKM*, jil:2. Bil. 2, 2006, h. 1

<sup>11</sup> Miftah Arifin (2004), “Peran Koperasi Pondok Pesantren Dalam Pemberdayaan Ekonomi di Kabupaten Jember”, *Jurnal Penelitian STAIN Jember “Fenomena”*, jil. 3. bil. 3, 2004, h.1

keikhlasan, kejujuran, kesungguhan, tanggung jawab, berani berkorban, dan tanpa balasan. Sehingga hasil keuntungan daripada kegiatan keusahawanan tersebut dapat dikongsi bersama antara santri, oleh santri, dan untuk para santri. Walau bagaimanapun kopontren belum dapat melaksanakan prinsip dan falsafah koperasi sebagaimana yang seujarnya dilaksanakan secara sepenuhnya. Kopontren juga belum mampu bersaing dengan koperasi yang lain dan kelemahan yang ketara adalah daripada kelemahan sumber manusia samada individu mahupun secara kolektif.<sup>12</sup> Secara umumnya disebabkan adanya kelemahan dalam pentadbiran organisasi, pengembangan modal usaha serta kesukaran dalam pemasaran produk.<sup>13</sup>

Organisasi berbentuk koperasi seharusnya mempunyai enam asas utama, iaitu: (a) keahlian terbuka yang bersifat suka rela, (b) pengurusan secara demokratik, iaitu secara nyata melakukan usaha bersama dan saling bantu membantu untuk kebaikan keadaan ekonomi dan sosial mereka, (c) bekerjasama dengan koperasi yang lain, (d) keuntungan dari perniagaan diagihkan secara adil, (e) setiap ahli mendapat faedah keuntungan atas modal saham, (f) penggalakan pendidikan dan latihan mengenai koperasi.<sup>14</sup> Walau bagaimanapun, pelaksanaan kopontren tidak mengandungi enam asas utama tersebut, contohnya keahlian kopontren hanya dihadkan bagi santri dan pengajar yang tinggal di pondok pesantren sahaja dan terdapat juga peranan dan pengaruh Kiai yang begitu kuat dalam menentukan polisi arah pegembangan usaha ekonomi pondok<sup>15</sup> yang menyebabkan sistem dalam pengurusan kopontren tidak bersifat demokratik.

<sup>12</sup> Lihat Akhmad Faozan (2006) “Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi”, *Jurnal Ibda'*, Purwokerto, jil:4, bil.1

<sup>13</sup> Saudin Sijabat (2008) “Potret Iklim Usaha Pemberdayaan UMKM”, *Jurnal Infokop*, Jakarta: Vol. 16, September 2008, h. 6-9

<sup>14</sup> Idris Ismail & Mohd Safaai Said (2003) *Pengenalan Koperasi*. Cet. I. Kuala Lumpur: Maziza SDN. BHD, h. 9

<sup>15</sup> Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998), “Studi Pengembangan Usaha Koperasi Pondok Pesantren”, (Departemen Koperasi dan PPK), h. 2

Perkara-perkara di atas itu disebabkan adanya hubungan antara Kiai dengan santri yang terhad. Seorang Kiai di mata santri merupakan guru besar yang dihormati dan ditaati seluruh fatwanya.<sup>16</sup> Selain daripada itu, para pengurus kopontren dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pengurus dilakukan sebagai aktiviti sampingan. Oleh kerananya kopontren dalam melaksanakan aktiviti ekonominya belum mampu menunjukkan peranan secara optimal. Sehingga terdapat halangan dan masalah, samada halangan itu datang dari dalaman mahupun halangan dari luar yang mempengaruhi pertumbuhan dan perkembangan kopontren tersebut.<sup>17</sup> Oleh yang demikian, kajian ini wajar dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat baru tentang mekanisme pelaksanaan koperasi pondok pesantren yang merangkumi prinsip dasar kopontren, masalah-masalah yang dihadapi serta mengenalpasti usaha kopontren untuk mengatasi masalah-masalah tersebut.

### **1.3. Persoalan kajian**

Persoalan berkaitan koperasi pondok pesantren yang diketengahkan dalam kajian ini ialah:

- 1) Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan aktiviti-aktiviti koperasi pondok pesantren dilaksanakan ?
- 2) Apakah prinsip-prinsip dasar koperasi pondok pesantren ?
- 3) Apakah masalah yang dihadapi dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti koperasi pondok pesantren ?

---

<sup>16</sup> Lihat Sujari (2008) “Pendidikan Pondok Pesantren Tradisional Dalam Prespektif Pendidikan Islam Indonesia” (Kertas projek, Fakulti Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember), h. 50

<sup>17</sup> Lihat Jannes Situmorang (2006), “Kaji Tindak Peningkatan Peran Koperasi Dan UKM Sebagai Lembaga Keuangan Alternatif”, *Jurnal Keuangan*, Vol.2.no: 20, h. 1, [www.smeeda.com](http://www.smeeda.com). 19 juni 2009

- 4) Apakah usaha-usaha yang dilakukan bagi mengatasi masalah-masalah koperasi pondok pesantren?
- 5) Adakah usaha-usaha ekonomi di Kopontren Gontor dilaksanakan sesuai dengan konsep syariah Islam ?

#### **1.4. Objektif Kajian**

Matlamat utama kajian yang dibuat adalah untuk memahami dan mengenalpasti segala permasalahan yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti koperasi pondok pesantren. Kajian ini telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai, iaitu seperti berikut:

- 1) Mengkaji mekanisme pelaksanaan aktiviti-aktiviti koperasi pondok pesantren .
- 2) Menganalisis prinsip-prinsip dasar pada koperasi pondok pesantren.
- 3) Mengenalpasti masalah dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti koperasi pondok pesantren.
- 4) Menghuraikan cadangan penyelesaian terhadap masalah-masalah di koperasi pondok pesantren.
- 5) Menganalisis usaha-usaha ekonomi di Kopontren Gontor dari perspektif syariah.

#### **1.5. Hipotesis kajian**

Koperasi pondok pesantren mampu menggerakkan sumber ekonomi dan sumber manusia pesantren.

## **1.6. Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan kajian ini ialah untuk mendapatkan gambaran tentang mekanisme pelaksanaan koperasi pondok pesantren khasnya di Kopontren Gontor yang berbeza berbanding koperasi-koperasi yang lain. Faktor ini disebabkan oleh sejarah penubuhan koperasi pada pondok pesantren yang mempunyai matlamat yang berbeza berbanding dengan koperasi selain kopontren. Oleh itu kajian ini akan memberikan input untuk makluman para pentadbir koperasi secara amnya.

Kajian ini juga penting bagi mengetahui prinsip-prinsip dasar dalam koperasi pondok pesantren yang berbeza dengan koperasi konvensional. Oleh kerana, prinsip dasar pada kopontren mengandungi nilai-nilai ajaran Islam, kerana para pengurus dan anggota kopontren semuanya beragama Islam yang memiliki keyakinan bahawa apa yang dilakukan akan mendapatkan balasan yang serupa dari Allah SWT.

Di samping itu, kajian ini akan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir kopontren dalam melaksanakan aktivitinya, sekaligus menghuraikan cadangan penyelesaian terhadap permasalahan-permasalahan tersebut. Setelah mengenalpasti konsep dan cara yang sesuai untuk digunakan di kopontren, diharapkan prinsip dan dasar yang dilaksanakan di kopontren akan menjadi salah satu alternatif baru yang boleh dilaksanakan oleh orang Islam dalam usaha meningkatkan perkembangan ekonomi umah.

## **1.7. Skop Kajian**

Untuk mendapatkan gambaran sebenar mengenai pelaksanaan koperasi pondok pesantren, kajian ini akan menumpukan kepada perbincangan pelaksanaan koperasi pondok pesantren yang akan dilihat dari segi mekanisme operasional berdasarkan prinsip dan dasar amalan koperasi.

Terdapat banyak kopontren di Indonesia. Walau bagaimanapun, koperasi pondok pesantren di Pondok Modern Darussalam Gontor (pusat) Ponorogo Indonesia dipilih sebagai lokasi utama kajian, kerana atas kecemerlangannya. Ia juga merupakan pondok pesantren moden terbesar di Indonesia yang memiliki 14 cawangan di seluruh Indonesia,<sup>18</sup> dengan kekuatan seramai 15,300 orang santri di Pondok Modern Gontor<sup>19</sup> dan memiliki kopontren yang melibatkan 30 jenis aktiviti ekonomi yang aktif.<sup>20</sup>

## **1.8. Definisi tajuk**

Perkataan koperasi, pada asalnya bukanlah perkataan asli dari khazanah bahasa Melayu. Pengertian koperasi berasal dari bahasa latin iaitu “*co-operate*”, manakala dalam bahasa Inggeris sebagai “*cooperation*”. *Co* bererti bersama dan *operation* bererti bekerja, dan *cooperation* bererti berkerjasama.<sup>21</sup> Oleh itu dapatlah difahami bahawa koperasi merupakan usaha dari kumpulan individu-individu yang mewujudkan tujuan-tujuan

<sup>18</sup> Tim Penyusun Wardun 2006 (2006) *Wardun Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*, Ponorogo – Jawa-Timur: Darussalam Press, h. 72

<sup>19</sup> Republika Online, <http://republika.co.id/berita/>, 4 September 2009

<sup>20</sup> Balai Pendidikan Pondok Modern Darussalam Gontor, <http://gontor.tripod.com/kopontren.htm> /, 4 September 2009

<sup>21</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) *Kamus Inggeris – Melayu Dewan*, Selangor: Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur, h. 307

umum dengan melaksanakan aktiviti ekonomi secara bersama untuk dimanfaatkan secara bersama juga.<sup>22</sup>

**a. Secara bahasa**

*Koperasi* bermakna syarikat kerjasama atau hal-hal mengenai bantu membantu.<sup>23</sup>

Manakala koperasi dalam bahasa Arab berasal dari perkataan *musyarakah* yang bererti mencampur. Maksud mencampur disini adalah mengenai mengabungkan satu modal dengan modal yang lain sehingga tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain.<sup>24</sup>

Manakala perkataan *pondok* selalu diertikan sebagai tempat tinggal santri yang dibuat daripada bahan-bahan sederhana atau tidak mewah dan secara harfiyah ianya berasal dari perkataan *fundukan* (bahasa Arab) ertinya asrama atau hotel.<sup>25</sup> *Pesantren* bila di lihat dari sejarah pendidikan Islam di Indoneisa ia merupakan institusi pendidikan Islam yang pertama wujud di Indonesia.<sup>26</sup> Oleh yang demikian pondok pesantren boleh diertikan sebagai suatu lembaga pendidikan yang mengajarkan mengenai agama Islam dan para pelajarnya duduk dan tinggal di asrama yang telah dibina oleh lembaga tersebut.

**b. Secara istilah**

Koperasi pada dasarnya dibahagi menjadi dua iaitu koperasi sosial dan koperasi ekonomi. Kedua-duanya memiliki matlamat yang sama dan tujuannya adalah bagi mewujudkan persatuan individu yang berautonomi dengan secara sukarela bersatu untuk

<sup>22</sup> Arifin Sitio, Halomoan Tamba (2001) *Koperasi Teori dan Praktik*, Jakarta: Erlangga, h. 16

<sup>23</sup> Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, c.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, h.705

<sup>24</sup> Forum dan Komunikasi Koperasi Syari'ah. <http://koperasisyariah.com/>, 6 september 2009

<sup>25</sup> Lihat Sukamto (1999) *Kepemimpinan Kiai dalam Pesantren*. Jakarta: LP3ES, h. 43

<sup>26</sup> Lihat Tim penyusun (2004), *Ensiklopedi Islam*, Selanggor:Dewama sdn.Bhd. h. 100

memenuhi keperluan bersama di bidang ekonomi, sosial, budaya dan aspirasi menerusi pertubuhan yang dimiliki bersama dan dikawal secara demokrasi.<sup>27</sup> Pernyataan itu disokong dengan pendapat H. Clvert yang mengatakan bahawa koperasi merupakan organisasi bagi manusia yang melibatkan diri secara sukarela berasaskan persamaan dan kepentingan ekonomi.<sup>28</sup>

Manakala erti koperasi pula merujuk pada dasar undang-undang nombor 12 tahun 1967 bab I pasal I, dikatakan koperasi ialah perkumpulan rakyat Indonesia atau badan-badan hukum Indonesia yang membenarkan orang menyertainya sebagai ahli atau menamatkan keahliannya. Tujuan utama koperasi ialah bagi membangunkan sumber-sumber berbentuk kebendaan (material) para ahlinya iaitu sebagai salah satu faktor ekonomi dan diusahakan secara bersama berdasarkan atas kekeluargaan.<sup>29</sup> Koperasi juga boleh didefinisikan sebagai suatu pertubuhan berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya mereka yang mempunyai matlamat yang sama melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993.<sup>30</sup>

Dapat disimpulkan dari pengertian koperasi di atas iaitu: koperasi adalah satu kumpulan individu yang mempunyai keperluan dan kepentingan ekonomi yang sama, melalui pembentukan perusahaan bersama yang diuruskan dan diawasi secara demokrasi dan koperasi dianggap sebagai suatu usahasama, di mana individu-individu yang berkumpul dan tujuan utamanya bukan untuk menyatukan modal atau wang, tetapi kerana adanya kesamaan keperluan dan kepentingan ekonomi antara satu sama lain.

<sup>27</sup> Lihat Bahri Nurdin (1993) *Perkenalan dengan beberapa Konsep Ekonomi Koperasi*. Jakarta: Salemba. Hal: 9

<sup>28</sup> Idris Ismail & Mohd Safaai Said. *Op.cit*, h. 2

<sup>29</sup> Bahri Nurdin., *op.cit*, h.21

<sup>30</sup>Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) <http://www.skm.gov.my>, 6 September 2009

Manakala maksud koperasi pondok pesantren pula adalah sebuah perkumpulan individu yang tinggal di pondok pesantren kerana memiliki keperluan dan kepentingan ekonomi yang sama, serta setiap individu dari mereka mempunyai keperluan-keperluan yang perlu dipenuhi secara bersama melalui pembentukan koperasi tersebut yang diurus dan diawasi secara demokrasi.

### **1.9. Kajian Literatur**

Terdapat banyak kajian yang berkaitan dengan koperasi secara umum samada itu dalam bentuk tesis, disertasi peringkat pengajian siswazah, pasca siswazah mahupun kajian dalam bentuk jurnal. Antara kajian-kajian berkaitan dengan koperasi pondok pesantren di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia, adalah seperti latihan ilmiah yang disusun oleh Noor Hidayat Binti Abd Kadir. Beliau mengkaji tentang peranan koperasi dalam meningkatkan taraf sosio ekonomi ahli koperasi yang ditumpukan kajiannya di Koperasi Pekan Rabu Alor Star Malaysia, kajian beliau mendapati latar belakang penubuhan koperasi adalah untuk menjadikan sebuah wadah atau tempat bagi para petani memasarkan dan menjual hasil keluaran mereka, maka rancangan dan aktiviti yang dijalankan untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi para ahlinya terhad kepada aktiviti perniagaan. Oleh kerana itu koperasi ini menyediakan kemudahan ruang bermiaga. Di samping itu, koperasi ini menjalankan program-program kebajikan seperti khairat kematian ahli, kematian keluarga ahli, memberikan bantuan untuk melanjutkan pelajaran ke IPT, meringankan beban hidup ahli yang sakit ataupun

ditimpa kemalangan hingga kepada aktiviti kebajikan berupa bantuan untuk menunaikan ibadah haji.<sup>31</sup>

Miftah Arifin, mengkaji tentang peranan koperasi pondok pesantren dalam mengembangkan ekonomi di daerah Kabupaten Jember Jawa Timur Indonesia. Dalam kajiannya beliau sependapat dengan kajian di atas, di mana terbukti bahawa kopontren ditubuhkan kerana adanya kesulitan para pelajar di pesantren untuk memenuhi keperluan asasnya. Dengan tertubuhnya kopontren diharapkan seluruh keperluan-keperluan santri dapat dipenuhi. Di samping itu ia juga mendapati bahawa keahlian pada kopontren kerana atas kerelaan sendiri, dan jenis usaha ekonomi yang dilakukan di kopontren tidak melibatkan sistem pinjaman berbentuk wang tunai, akan tetapi hanya berbentuk kedai runcit yang menjual keperluan santri sahaja.<sup>32</sup>

Husen Hasan Basri, telah mengkaji tentang model pengembangan ekonomi pesantren, di daerah Pangkep Sulawesi Selatan. Dalam kajianya didapati pelbagai model yang diterapkan oleh Yayasan Pesantren Tiga Dimensi mempunyai kaitan dengan pengembangan ekonomi pesantren. Beberapa pondok pesantren telah berkembang pesat hingga dapat diisyiharkan sebagai Lembaga Pengembangan Swadaya Masyarakat (LPSM). Manakala model yang dilaksanakan oleh pesantren dalam rangka pengembangan ekonomi bersama masyarakat boleh di lihat daripada terhasilnya lembaga-lembaga yang ditubuhkannya, iaitu Usaha Bersama Simpan Pinjam (UBSP) dan Usaha Kesihatan Masyarakat Santri (UKMS).<sup>33</sup>

<sup>31</sup> Noor Hidayah Binti Abd Kadir (2004), “Peranan Koperasi Pekan Rabu Alor Star Dalam Meingkatkan Taraf Sosio Ekonomi Ahli Koperasi” (Latihan Ilmiah, Jabatan Sastera, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>32</sup> Miftah Arifin (2004) “Peran Koperasi Pesantren dalam Pemberdayaan Ekonomi di Kabupaten Jember”. *Jurnal Penelitian*, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember, jil: 3. bil.3, 2004

<sup>33</sup> Husen Hasan Basri (2007), “Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren: Studi Kasus Yayasan Pesantren Tiga Dimensi Pangkep Sulawesi Selatan”, *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan*. jil:5.bil.4. 2007

Apabila merujuk kepada tujuan pengembangan ekonomi pondok pesantren menurut Akhmad Faozan, dalam kajiannya tentang pondok pesantren dan pengembangan ekonomi, beliau menyatakan bahawa penubuhan kopontren adalah berasaskan kepada keinginan untuk berdiri sendiri dalam hal ekonomi, ianya disebabkan adanya imej bahawa pesantren merupakan sebuah lembaga yang meminta-minta bantuan baik pada institusi formal atau non formal. Oleh itu tidak menghairankan jika terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh kopontren dalam mengembangkan ekonominya. Antara punca masalah adalah kerana wujudnya suatu kelemahan dari segi sumber manusia samada secara individu mahupun secara kolektif yang berpengalaman dan berkemahiran.<sup>34</sup> Oleh kerana itu pengurusan koperasi dianggap perlu untuk didedahkan lagi di pondok pesantren.

Kajian yang dibuat Arman D. Hutasuhut, manajemen koperasi menuju kewirausahaan koperasi, menurut beliau koperasi iaitu sebuah organisasi yang dianggotai oleh beberapa individu kerana atas kerelaan sendiri tanpa ada paksaan serta wujud kesamaan tujuan dalam ekonomi, dan juga agihan yang adil dari segi risiko atau manfaat yang diperolehi. Oleh itu konsep pengurusan di lembaga koperasi sepatutnya mengarah kepada pengurusan secara bersama yang boleh meliputi matlamat kebersamaan dan keterbukaan. Oleh itu, setiap anggota koperasi samada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung akan mempunyai rasa tanggung jawab secara bersama dalam pengurusan demi kejayaan organisasi koperasi.<sup>35</sup>

---

<sup>34</sup> Akhmad Faozan (2006), “Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi”, *Jurnal Ibda*. Purwokerto: jil:4.bil.1,2006

<sup>35</sup> Arman D. Hutasuhut, (2001), “Manajemen Koperasi Menuju Kewirausahaan Koperasi”, *Jurnal Manajemen dan Bisnis*, Fakulti Ekonomi Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, Jil: 1. Bil.1, 2001

Pernyataan di atas turut diperkuatkan lagi dengan hasil kajian Choirul Saleh, tentang strategi pengembangan perekonomian rakyat dan koperasi di daerah. Beliau mengambil kira bahawa strategi pengembangan perekonomian rakyat pada umumnya meliputi beberapa bidang iaitu pengembangan ekonomi sektor informal, industri kecil, industri menengah dan koperasi. Oleh yang demikian langkah utama yang sesuai dalam strategi pengembangan ekonomi rakyat dan koperasi adalah dengan memperhatikan secara cermat dan teliti akan lingkungan selanjutnya baru faktor-faktor yang lainya. Seperti mengenal punca masalah, penentuan penyusunan alternatif hingga pada tahap akhir berupa pelaksanaan dan evaluasi perubahan semasa.<sup>36</sup>

Di samping itu terdapat juga beberapa pengkaji yang mengkaji kajian mengenai koperasi konvensional iaitu seperti kajian yang telah dibuat oleh Amrullah Nangolah, tentang operasi dan pelaksanaan Koperasi Beringin Palembang, Sumatera Selatan Indonesia. Beliau mendapati bahawa Koperasi Beringin dalam operasionalnya terbukti banyak membantu masyarakat menengah dan kebawah dan menjadi penghubung dalam mempereratkan tali hubungan silaturrahim antara ahli-ahlinya. Demi menggalakkan kemajuan ekonomi anggota dan masyarakat Islam amnya Koperasi Beringin menjalankan perniagaan seperti kedai runcit, pembiayaan barang secara kredit, penjualan minyak tanah dan aktiviti peminjaman wang kepada anggota yang memerlukan pinjaman kewangan. Walau bagaimanapun, Koperasi Beringin melaksanakan caj tambahan sebanyak lima peratus (5 %) daripada jumlah hutang, oleh itu terbukti koperasi tersebut telah melaksanakan urusniaganya berdasarkan riba.<sup>37</sup>

<sup>36</sup> Choirul Saleh, (2000), “Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat dan Koperasi di Daerah”, *Jurnal Administrasi Negara FIA*, Universitas Brawijaya, Malang, Jil:1.Bil. 1, 2000

<sup>37</sup> Amrullah Nangolah (2006), “Operasi Pelaksanaan Koperasi Beringin Palembang Sumatera Selatan, Indonesia Menurut Perspektif Islam” (Disertasi Ijazah Sarjana Syari’ah, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya).

Kajian Ruzana bt Ariffin, mengenai pendekatan koperasi dalam sistem perbankan islam, kajian di Bank Rakyat. Dalam kajiannya didapati bahawa lokasi koperasi di pelbagai tempat seluruh Negara masih sedikit bilangannya, hal ini disebabkan kerana skop perkhidmatan koperasi yang terhad lebih diperuntukkan untuk ahli koperasi sahaja, ditambah lagi dengan cara operasional koperasi yang lambat serta ketidakaktifan bank-bank tersebut dalam perekonomian di peringkat antara bangsa.<sup>38</sup>

Manakala Azma Binti Che Seman, dalam kajianya koperasi: dasar dan pelaksanaanya dalam sistem ekonomi Islam, mendapati bahawa koperasi Islam dapat memenuhi kehendak sistem ekonomi Islam, dengan alasan prinsip, dasar dan operasional yang dilakukannya dapat memberikan kesan positif ke atas margin keuntungan bahkan dapat membentuk satu perpaduan dan kesefahaman sesama umat Islam tanpa mengira kedudukan dan keturunan.<sup>39</sup>

Melihat kepada hasil kajian lepas yang dinyatakan di atas, pondok pesantren adalah lembaga pendidikan yang kurang mendapat perhatian dan bolehlah disimpulkan bahawa tidak ramai para ilmuwan yang membuat kajian mengenainya. Perkara itu disebabkan kerana beberapa faktor. *Pertama*, pendidikan yang berlaku di negara Indonesia hingga sekarang masih belum mampu secara sepenuhnya melepaskan diri dari pengaruh golongan elit yang diwarisi dari pendidikan penjajah. *Kedua*, kesulitan untuk mengenal pesantren dengan lebih dekat sebagai sebuah lembaga pendidikan yang ditubuhkan semula untuk mengembangkan ilmu-ilmu pengetahuan agama. *Ketiga*, kesulitan dalam mengenalpasti ciri-ciri pesantren, dan *keempat*, pendekatan yang diambil

<sup>38</sup> Ruzana bt Ariffin (2002), “Pendekatan Koperasi dalam Sistem perbankan Islam: kajian di Bank Rakyat Malaysia”, (latian Ilmiah Ijazah sarjana Muda Syari’ah, Fakulti Syari’ah dan pengurusan, bahagian Syari’ah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

<sup>39</sup> Azma binti Che Seman (2000), “Koperasi: Dasar dan Pelaksanaannya dalam system Ekonomi Islam”, (Latihan Ilmiah, Fakulti Syari’ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

dalam pelaksanaan dan plan pembangunan di desa atau pedalaman masih mempunyai kelemahan dan tidak teratur.<sup>40</sup>

Melalui kajian ini peneliti berusaha untuk mencuba mendedahkan mekanisme pelaksanaan koperasi pondok pesantren sekaligus menambah khazanah keilmuan di nusantara, hal itu disebabkan belum ada penelitian yang membincangkan secara dalam mengenai pelaksanaan usaha-usaha ekonomi di kopontren. Oleh itu, penelitian yang akan dilaksanakan ini sangat-sangat relevan dan penting untuk di laksanakan.

## **1.10. Metodologi Kajian**

### **a. Kaedah pengumpulan data**

Dalam pengumpulan dan mencari data-data, kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua bahagian iaitu data sekunder dan data primer:

#### **1) Data Sekunder**

Bagi mendapatkan maklumat awal mengenai gambaran umum tentang pondok pesantren, koperasi pondok pesantren dan mengenalpasti pandangan-pandangan sarjana mengenai prinsip dasar koperasi konvensional dan koperasi syariah, maka pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini akan dilaksanakan dengan cara mengumpulkan bahan-bahan rujukan dalam bentuk dokumentasi yang berkaitan dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, sumber-sumber primer dan sekunder akan dikaji. Ianya akan melibatkan kajian terhadap bahan-bahan bercetak seperti buku-buku, risalah-

---

<sup>40</sup> Lihat Abdurrahman Wahid (2001) *Menggerakan Tradisi Esai-Esai Pesantren*. Yogyakarta: LKiS, h. 76

risalah, kertas kerja ilmiah, artikel ilmiah, akhbar, jurnal dan data-data yang berkaitan dengan kopontren sebagai rujukan.

Setelah semua data serta maklumat yang dikehendaki berjaya dikumpulkan, kesemua maklumat tersebut akan dikaji dan dianalisis agar ianya menepati dan bersesuaian dengan keperluan kajian.

## **2) Data Primer**

Kajian ini akan melaksanakan kajian lapangan secara langsung sesuai tajuk yang dipilih untuk dibuat kajian. Oleh yang demikian untuk mendapatkan ketepatan data-data dan juga maklumat yang tepat, pemerhatian ke tempat yang dikaji akan dibuat iaitu pada Pondok Pesantren Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia. Maka dalam kajian ini untuk mendapatkan data primer penelitian akan menggunakan tiga metod yang difikirkan sesuai untuk dilaksanakan dalam mengupas data-data yang di perlukan di dalam penyelidikan ini;

### (1.) Metode Dokumentari

Metode ini lebih terfokus pada data-data yang ada dilapangan, terutamanya data-data yang tidak diterbitkan yang terdapat di objek yang dikaji.

### (2.) Metode Temubual

Temubual yang dimaksudkan ialah menemu bual individu-individu tertentu terutama yang berautoriti di dalam satu-satu bidang dalam penelitian ini. Kajian ini telah memilih beberapa individu untuk ditemubual iaitu ketua Yayasan Perluasan dan Perkembangan Wakaf Pondok Moden Gontor, pengarah Kopontren Gontor, 5 dari para pelajar Pondok Moden Gontor, 10 ustaz yang

menjadi pengurus di bahagian usaha ekonomi Kopontren Gontor, dan beberapa pelanggan dari masyarakat tempatan yang menjadi anggota daripada Kopontren Gontor. Ia digunakan untuk mendapatkan maklumat yang di perlukan terutama mengenai mekanisme pelaksanaan aktiviti-aktiviti Kopontren Gontor, mengenalpasti masalah yang sering dihadapi oleh responden dan cadangan penyelesaian terhadap masalah yang telah berlaku di Kopontren Gontor.

**Rajah. 1.1 Senarai responden yang telah ditemubual adalah seperti berikut:**

No	Nama Responden	Jabatan Responden
1	Ustaz Zaenal Arifin	Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Darussalam Gontor
2	Ustaz Suraji Badi'	Pengarah Koperasi Pondok Modern Darussalam Gontor
3	Ustaz Abdul Rauf	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Wiswa Darussalam
4	Ustaz Agus	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Penggilingan padi
5	Ustaz Husni Mubarak	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Jasa Kenderaan
6	Ustaz Muhammad Aldo Redo	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian kedai runcit sayur-sayuran
7	Ustaz Nazih Ibadillah	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Percetakaan buku Darussalam
8	Ustaz Abdul Qayyim	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian kedai buku La-Tansa
9	Ustaz Syahron	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Distributor Centre
10	Ustaz Wahyu Diantoro	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian kedai bangunan

11	Ustaz Rfki	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian Darussalam Computer Centre
12	Ustaz Muhammad Atho'	Pengurus Kopontren Gontor di bahagian UKK (Usaha Kesejahteraan Keluarga Pondok)
13	Encik Anto	Pelanggan di Kopontren Gontor dari masyarakat sekitar pondok
14	Encik Fadli	Pelanggan di Kopontren Gontor dari masyarakat sekitar pondok
15	Encik Paiman	Pelanggan di Kopontren Gontor dari masyarakat sekitar pondok
16	Cik Jaenah	Pelanggan di Kopontren Gontor dari masyarakat sekitar pondok
17	Cik Zulaikha	Pelanggan di Kopontren Gontor dari masyarakat sekitar pondok
18	Muhammad Afdhol	Pelanggan di Kopontren Gontor dari pelajar pondok
19	Salman al-Farisi	Pelanggan di Kopontren Gontor dari pelajar pondok
20	Agus Suyantoni	Pelanggan di Kopontren Gontor dari pelajar pondok dari pelajar pondok

### (3.) Observasi

Observasi dilakukan selama 30 hari di Kopontren Gontor berlangsung, bermula dari tarikh 29 September hingga 30 Oktober 2009. Untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di Kopontren Gontor secara langsung dan mendapat data yang tepat di lapangan, pengkaji turut serta menjadi penjual atau menjaga kedai di beberapa bahagian usaha ekonomi di Kopontren Gontor. Metod ini dilakukan bagi mengetahui secara langsung pelaksanaan Kopontren Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya.

## **b. Kaedah analisis data**

Data-data yang diperoleh akan diproses menggunakan metode-metode berikut:

### 1) Metode Induktif

Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat secara berkelanjutan untuk membuat suatu kesimpulan umum dengan memasukan bukti-bukti khusus yang diperoleh dari sumber data. Kaedah ini akan digunakan semasa menganalisis aktiviti pelaksanaan koperasi pondok pesantren untuk mengenalpasti apakah kaedah-kaedah yang dilaksanakan berupaya menjana ekonomi pondok. Kaedah ini akan digunakan dalam bab 6 iaitu analisis kajian terhadap aktiviti-aktiviti usaha ekonomi yang dilaksanakan dalam koperasi pondok pesantren.

### 2) Metode Deduktif

Kaedah ini juga secara ringkasnya boleh disimpulkan atau rumusan umum kepada kes-kes yang khusus. Dalam hal ini pembentukan kesimpulan akan dilakukan berdasarkan kepada satu teori atau prinsip asas Koperasi umum yang menjadi landasan. Prinsip asas itu tersebut adalah keanggotaan sukarela dan terbuka, pengurusan yang demokratik, pulangan terhad atas modal yang disumbangkan oleh anggota-anggota, pembahagian keuntungan dengan saksama, penggalakan pendidikan koperasi, kerjasama aktif di kalangan koperasi-koperasi berdaftar. Dengan berteraskan kepada prinsip-prinsip koperasi tersebut prinsip dasar Kopontren dan mekanisme pelaksanaannya sekali lagi akan dikaji. Kaedah ini

yang akan digunakan di dalam bab tiga dan bab lima dan dijangkakan kajian ini akan mendedahkan nilai dan prinsip kopontren terhadap aktiviti yang dijalankan.

University Of Malaya

**BAB DUA:**  
**LATAR BELAKANG KOPERASI DAN APLIKASI PRINSIP-PRINSIP SYARIAH**  
**DI DALAMNYA**

### **2.1. Pengenalan**

Koperasi ditubuhkan sebagai alat untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan dari ekonomi kapitalis.<sup>41</sup> Di Eropah, awal penubuhan koperasi yang pertama ditubuhkan adalah pada dua ratus tahun lalu iaitu ketika adanya penggunaan jentera oleh kilang-kilang di akhir abad ke-18. Di samping itu, disokong dengan idea dari seorang pemimpin masyarakat pada ketika itu yang bernama Robert Owen. Beliau berpendapat bahawa perlu ada suatu sistem masyarakat yang lebih dinamik serta perkhidmatan yang adil untuk diberikan kepada pekerja kilang. Oleh yang demikian, tahun 1844 dikatakan adalah tahun penubuhan gerakan koperasi dunia, dikatakan pada tahun tersebut terdapat sekumpulan masyarakat di pekan England telah berjaya menubuhkan sebuah koperasi pengguna kecil.<sup>42</sup>

Tujuan dari penubuhan koperasi pada waktu itu ialah untuk membekalkan barangas asas kepada penduduk-penduduk yang terdiri dari pekerja-pekerja kilang, seperti tepung, gula, oatmeal dan mentega, manakala pembinaan kedai bagi urusan pengagihan barang keperluan ini telah menjadikannya sebagai kedai koperasi pengguna terawal di dunia.<sup>43</sup> Tidak hairan apabila gerakan koperasi telah diterima di seluruh dunia sebagai suatu cara hidup yang berdikari dan tolong-menolong di antara satu sama lain.

<sup>41</sup> Masngudi (1990), *Penelitian Tentang Sejarah Perkembangan Koperasi di Indonesia*, Jakarta: Badan Penelitian Pengembangan Koperasi Departemen Koperasi, h. 1

<sup>42</sup> Lihat W. M. Chik (1990) *Bagaimana mengendalikan Koperasi*, Kuala Lumpur, Selangor: Sri Nakhoda Sdn. Bhd, h. 4 - 6

<sup>43</sup> Musa Bin Nasri (tt) “Gerakan Koperasi Pengguna Satu Cabaran Masa Kini Dan Akan Datang”, dalam *Koperasi: Membina Minda Rakyat Melalui Koperasi*. Kuala Lumpur, h. 72

Sehingga kini terdapat 320 juta manusia dalam kira-kira 70 buah negara di dunia telah melibatkan diri dalam pertubuhan-pertubuhan koperasi yang bermatlamatkan pencapaian kehendak-kehendak bersama dalam bidang ekonomi dan sosial berlandaskan tradisi bantudiri dan muafakat sesama ahli atas dasar keahlian dan kerjasama.<sup>44</sup>

Kewujudan koperasi di kalangan masyarakat awam sangatlah diperlukan, hal ini kerana sejarah penubuhan koperasi sendiri adalah atas sebab keinginan untuk meningkatkan taraf hidup dan ekonomi, sehingga ianya boleh menyelesaikan masalah mereka seperti kemiskinan dan ketidakupayaan dalam memenuhi keperluan asasnya. Untuk mewujudkan terciptanya matlamat di atas, maka kerjasama yang erat antara ahli-ahli koperasi dalam bentuk kesetiaan, dan rasa bertanggungjawab terhadap koperasi sangat-sangatlah diperlukan.

Sebahagian masyarakat awam ada yang menganggap bahawa koperasi merupakan suatu organisasi sosial yang melakukan aktiviti ekonomi yang tidak mementingkan keuntungan, bahkan dikatakan kewujudan koperasi hanya diperuntukkan bagi anggotanya sahaja. Anggapan-anggapan itu semua salah dan tidak benar, kerana hakikatnya koperasi adalah usaha yang bergerak dalam bidang ekonomi di mana anggota koperasi boleh bertindak sebagai pengeluar, pengguna dan bahkan menjadi pemilik.<sup>45</sup> Sifat keahlian koperasi terbuka dan sukarela bagi masyarakat am tidak ada batasan dan diskriminasi dalam bentuk apapun dan diperuntukkan bagi siapa sahaja yang memiliki matlamat yang sama<sup>46</sup>. Salah faham tentang erti dan definisi koperasi membawa kesan pada perilaku dan anggapan masyarakat terhadap kewujudan koperasi di sekitar mereka. Bab ini akan

<sup>44</sup> Jabatan Pembangunan Koperasi (1977) “Pembangunan Koperasi di Malaysia”, (Dalam Seminar Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)), Kuala Lumpur, h. 8

<sup>45</sup> Lihat, Subandi (2009) *Ekonomi Koperasi, Teori Dan Praktik*. Bandung: Alfabeta, h.18

<sup>46</sup> Hidiyanto (2002) *Koperasi: Ideologi dan Pengelolaannya*, Jakarta: Proyek peningkatan penelitian pendidikan tinggi direktorat jenderal pendidikan tinggi departemen pendidikan nasional, h.70

mendedahkan takrif yang mencakupi erti koperasi jenis-jenis koperasi dan pelaksanaan prinsip-prinsip syari'ah di dalamnya.

## **2.2. Definisi Koperasi**

Definisi koperasi asalnya dari bahasa Inggeris iaitu *co-operation* atau *cooperative* yang bermaksud bekerjasama.<sup>47</sup> Dapat difahami bahawa setiap usaha yang dilaksanakan secara bersama-sama boleh disebut sebagai koperasi. Secara khususnya, koperasi yang dimaksud dalam kajian ini ialah suatu bentuk usaha yang memiliki tujuan untuk memajukan kesejahteraan anggota dan masyarakat pada umumnya di mana keanggotaan bersifat sukarela, diuruskan secara demokratik, dan bersifat berdikari ditubuhkan oleh kumpulan orang-orang tertentu untuk melakukan aktiviti-aktiviti tertentu demi mencapai kejayaan bersama.<sup>48</sup>

### **2.2.1 Definisi Koperasi Konvensional**

Erti koperasi mengikut pasal 33 UUD 1945 dan UU No. 25 tahun 1992 mengenai koperasi, pasal 33 ayat (1) menjelaskan bahawa koperasi adalah usaha ekonomi yang disusun sebagai usaha bersama berdasarkan kepada asas kekeluargaan, dan ayat (4) ekonomi nasional diselenggarakan berdasarkan atas demokrasi ekonomi dengan prinsip kebersamaan, kecakapan, berlaku keadilan, berkelanjutan, kesefahaman dengan lingkungan, berdikari, serta dengan menjaga keseimbangan.<sup>49</sup> Manakala menurut pasal 1 UU No. 25 tahun 1992, koperasi bermakna suatu badan usaha yang dianggotai oleh

<sup>47</sup> John M. Echols (1996) *KAMUS INGRIS - INDONESIA*, c. 23. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama. h.147

<sup>48</sup> Lihat Hudiyanto (2002), “Koperasi: Ideologi dan Pengelolaannya” (kertas ilmiah, projek peningkatan penelitian Pendidikan Tinggi, Departemen Pendidikan Nasional Indonesia), h. 69

<sup>49</sup> Lihat Subandi (2009) *op.cit*, h. 19

orang-perseorangan atau badan hukum koperasi manakala aktivitinya adalah berdasarkan prinsip koperasi sekaligus sebagai gerakan ekonomi rakyat yang bersandarkan atas asas kekeluargaan.<sup>50</sup>

Menurut kaedah sains koperasi di Jerman Barat, bila di lihat dari sudut ekonomi koperasi merupakan sebuah organisasi yang sekurang-kurangnya mengandungi empat ciri berikut:

- (1) Sekumpulan manusia yang disatukan oleh sekurang-kurangnya satu kepentingan yang sama bagi semua ahli-ahli berkumpulan
- (2) Tujuan daripada ahli-ahli individu dan kumpulan koperasi tersebut adalah untuk mempertingkatkan kepentingan bersama melalui kegiatan berkumpulan yang berdasarkan kepada semangat setiakawan dan saling bantu-membantu di antara mereka
- (3) Cara untuk mencapai tujuan yang dipersetujui adalah melalui penubuhan satu syarikat yang dimiliki, dibiayai dan diuruskan secara bersama-sama
- (4) Dan tujuan utama syarikat tersebut adalah untuk mempertingkatkan kepentingan ekonomi ahli-ahlinya.<sup>51</sup>

Manakala pengertian koperasi mengikut kongres tahun 1996 yang diterima secara internasional dalam konferensi buruh internasional ILO (*International Labor Organization*) di dalam penerbitannya mengenai “*cooperative management and administration*” maksud koperasi mengandungi unsur-unsur berikut:

1. Merupakan perkumpulan individu-individu
2. Bergabung secara sukarela

---

<sup>50</sup> *Ibid*, h. 20

<sup>51</sup> Hans. H. Munkner (1988) *Sepuluh Kuliah Undang-Undang Koperasi*, t. Abu Bakar Sidek, Petaling Jaya: Koperasi Malaysia Bhd, h. 29

3. Untuk mencapai matlamat ekonomi bersama
4. Organisasi sosial yang dilaksanakan secara demokrasi
5. Agihan yang adil terhadap modal yang diperlukan
6. Menanggung risiko dan kerugian serta menerima bahagian keuntungan secara adil.<sup>52</sup>

Disebabkan terdapat beberapa ciri yang mentakrifkan erti koperasi secara am, maka dapatlah disimpulkan apa-apa yang menjadi ciri umum yang lazimnya terkandung di dalam pengertian koperasi adalah seperti berikut:

- (1) koperasi ialah suatu pertubuhan yang didirikan oleh orang-orang yang memiliki kemampuan ekonomi terbatas, yang bertujuan untuk memperjuangkan peningkatan kesejahteraan ekonomi anggotanya.
- (2) Keahlian bersifat terbuka dan sukarela, iaitu kesungguhan dari segi dasarnya untuk menerima kemasukan ahli-ahli yang baru di atas persamaan hak tanpa sebarang batasan yang sengaja diadakan.<sup>53</sup>
- (3) Masing-masing anggota koperasi berkewajiban untuk mengembangkan serta mengawasi usaha koperasi.
- (4) Setiap anggota koperasi memiliki hak dan tanggungjawab yang sama
- (5) Kerugian dan keuntungan koperasi ditanggung dan dibahagi secara adil.<sup>54</sup>

Melihat kepada lima unsur yang sepatutnya terdapat pada organisasi koperasi seperti di atas, maka boleh difahami bahawa koperasi merupakan alat bagi pembangunan ekonomi masyarakat di mana kepentingan pribadi dan kelompok bergabung di dalamnya. Sehingga melalui aktiviti kumpulan, kepentingan peribadi anggota berupaya menjadi

<sup>52</sup> Masngudi (1990)" Penelitian Tentang Sejarah Perkembangan Koperasi di Indonesia", Jakarta:Badan Penelitian Pengembangan Koperasi Departemen Koperasi

<sup>53</sup>*Ibid*, h. 21

<sup>54</sup> Subandi (2009), *op.cit*, h. 19

sebuah kekuatan yang akan memberikan manfaat kepada seluruh anggota kumpulannya. Atau boleh diertikan koperasi sebagai organisasi yang ditubuhkan dengan matlamat utama untuk meyokong ekonomi ahlinya dengan melalui suatu aktiviti yang dilaksanakan secara bersama-sama.<sup>55</sup>

### **2.2.2 Definisi Koperasi Syari'ah**

Perkataan koperasi dalam bahasa Arab ialah *sharaka* bermakna bekerjasama dalam kegiatan atau berkongsi<sup>56</sup> dan merupakan *ism masdar* bererti percampuran dua nasib yang tidak ada perbezaan antara satu dengan yang lain.<sup>57</sup> Kemudian berubah lafaz menjadi *shirkah* kerana disebabkan adanya akad yang dipengaruhi oleh percampuran tersebut. Tidak hairan apabila takrif *shirkah* itu sendiri ditakrifkan dengan maksud yang pelbagai dan berbeza-beza mengikut pendapat para ulama'.

Menurut al-Hanabilah mentakrifkan *shirkah* sebagai perkumpulan seseorang dalam pemilikan dan penggunaanya pada suatu benda, dan menurut al-Shāfi'iyyah adanya ketetapan hak/pemilikan terhadap suatu benda yang dimiliki oleh dua orang atau lebih dalam bentuk pemilikan bersama. Manakala al-Hanafiyah mendefinisikan adanya kesepakatan akad oleh dua orang penkongsi dalam modal dan keuntungan.<sup>58</sup> Sebagaimana definisi koperasi pada amnya bahawa koperasi ialah sebuah organisasi sosioekonomi yang dianggotai, dimodali dan ditadbir oleh sekumpulan manusia

<sup>55</sup> Lihat Tiktik Sartika Partomo, Abd Rachman Soejoeno (2004) *Ekonomi Skala Kecil/Menengah dan Koperasi*, c. 2. Bogor: Ghalia Indonesia, h. 51

<sup>56</sup> Abu Abdullah Hanafi bin Hj Dollah (2006) *Kamus Al-Khalil*, c. 2, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, prospecta printers Sdn. Bhd, h. 319

<sup>57</sup> Syeikh Hassan Ayob (2008) *Fiqh Muamalah*, c.1. t. Abdurrahman Saleh Siregar, Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd, h. 322

<sup>58</sup> Wahbah al-Zuhaily (1985) *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, c.2. Damaskus : Dar al-Fikr, h. 792

berasaskan semangat dan usaha kerjasama untuk memajukan kepentingan ekonomi ahli-ahlinya.

Syariah Islam adalah satu syariat yang sempurna meliputi segenap ruang lingkup kehidupan manusia. Ia sentiasa menjaga kemaslahatan dan kepentingan manusia secara umum di dunia ini mahupun ukhrawi. Syariah Islam secara konsisten dalam semua aktiviti kehidupan manusia memberikan aturan-aturan untuk menjana keselamatan manusia sepanjang hidupnya, keselamatan agama, keselamatan diri (jiwa dan raga), keselamatan akal, keselamatan harta benda, mahupun keselamatan nasab keturunan. Ini amatlah jelas sekali bahawa syari'at Islam berasaskan kepada objektif kerahmatan, kebaikan, keadilan, dan kesucian.<sup>59</sup> Oleh yang demikian timbul ikatan antara umat Islam satu dengan yang lainnya untuk saling tolong-menolong dan saling bantu-membantu untuk mencapai matlamat kebahagian dunia dan akhirat. Sebagaimana firman Allah swt,

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَىِ الْإِثْمِ وَالْعُدُوانَ، وَأَتَقُولُوا اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ  
الْعِقَابِ

Maksudnya:

*“Dan hendaklah kamu saling tolong menolong untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-menolong pada melakukan dosa dan pencerobohan, dan bertaqwalah kepada Allah sesungguhnya azab Allah sangatlah pedih”*

Surah al-Maidah (5): 2

Koperasi syariah sebagai lembaga ekonomi masyarakat yang berasaskan kepada syari'ah Islam, maka dalam pelaksanaan urusan perniagaan dan aktivitinya sentiasa

<sup>59</sup> Lihat. Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid dan Paizah Hj Ismail (2006) *Pengantar Pengajian Syari'ah*, c. 2. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd, h. 180

berpandukan syariat yang telah ditetapkan dalam ajaran Islam. Objektif daripada koperasi syariah ialah:

- (1) Mengelak daripada amalan riba
- (2) Mengamalkan amalan muamalat Islam
- (3) Melahirkan sifat tolong menolong dan kebajikan sesama muslim.<sup>60</sup>

### **2.3. Bentuk dan Jenis Koperasi**

Apabila melihat kembali pada keputusan Undang-Undang No. 25 Tahun 1992 pasal 5, Koperasi di Indonesia boleh berbentuk samada sebagai Koperasi Primer atau Koperasi Sekunder.<sup>61</sup>

#### **1. Koperasi Primer**

Koperasi primer ialah koperasi yang ditubuhkan oleh individu, yang dibentuk sekurang-kurangnya terdiri daripada 20 individu yang memiliki tujuan sama.

#### **2. Koperasi Sekunder**

Manakala koperasi sekunder ialah koperasi yang ditubuhkan oleh gabungan dari beberapa koperasi primer yang dibentuk sekurang-kurangnya dari tiga koperasi.<sup>62</sup>

Manakala jenis koperasi di Indonesia sebagaimana tertulis pada pasal 6 UU No. 25 Tahun 1992, adalah berdasarkan jenis koperasi pada kesamaan kegiatan ataupun kepentingan ekonomi anggotanya. Manakala dasar untuk menentukan jenis koperasi ialah

<sup>60</sup> Zainal Abidin Hashim (1997). *Koperasi di Malaysia asas dan pergerakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 46

<sup>61</sup> Kementerian Koperasi dan UKM, Deputi bidang pengkajian Sumberdaya UKMK Republik Indonesia, [http://www.smeecdacom/Files/infosmeecdacom/uu\\_permen/UU25.htm](http://www.smeecdacom/Files/infosmeecdacom/uu_permen/UU25.htm), 28 July 2010.

<sup>62</sup> *Ibid*, [www.smeecdacom](http://www.smeecdacom).

kesamaan aktiviti, kepentingan dan keperluan ekonomi para anggotanya.<sup>63</sup> Jenis-jenis koperasi sebagaimana yang dijelaskan tersebut, dapatlah dibahagikan menjadi beberapa jenis iaitu:

### **2.3.1. Berdasarkan Jenis Usaha:**

#### **(1.) Koperasi Pengguna**

Koperasi pengguna ialah koperasi yang berusaha membekalkan barang keperluan harian, seperti makanan, pakaian dan peralatan rumah, serta segala bentuk perkhidmatan untuk anggotanya samada sebagai aktiviti khas atau tambahan.<sup>64</sup>

#### **(2.) Koperasi Pengeluar**

Koperasi Pengeluar ialah koperasi yang menjalankan aktiviti pengeluaran hasil dan juga membeli hasil yang dikeluarkan oleh ahli.<sup>65</sup>

#### **(3.) Koperasi simpan dan pinjam wang.**

Koperasi Simpan dan pinjam wang ialah koperasi yang menyediakan perkhidmatan peminjaman dan penyimpanan wang untuk para anggotanya.<sup>66</sup>

### **2.3.2. Berdasarkan Sifat Anggota Koperasi:**

#### **(1.) Koperasi Unit Desa (KUD)**

Koperasi Unit Desa atau koperasi kampung ialah koperasi yang terletak di desa dan anggota koperasi terdiri daripada masyarakat yang tinggal di desa tersebut. Aktivitinya

<sup>63</sup> [www.smeecd.com](http://www.smeecd.com), op.cit

<sup>64</sup> Zainal Abidin Hashim (1997) *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 71

<sup>65</sup> Ibid, h. 78

<sup>66</sup> Damanik (1962) *Pelajaran Koperasi Indonesia*, Medan: Sriwidjaja, h. 52

iaitu menyediakan keperluan para masyarakat am yang tinggal di desa, terutamanya pada keperluan barang pertanian.

(2.) Koperasi Pasar

Koperasi pasar ialah Koperasi yang mempunyai keanggotaan daripada kalangan para pedagang di pasar.

(3.) Koperasi Sekolah

Koperasi sekolah ialah Koperasi yang terdiri daripada para pelajar-pelajar sekolah, pekerja dan guru yang ada di sekolah tersebut.

(4.) Koperasi Pegawai Kerajaan

Koperasi pegawai kerajaan ialah koperasi yang mempunyai keahlian daripada kalangan para pegawai kerajaan.<sup>67</sup> Contoh koperasi ini adalah seperti, Koperasi Pegawai Negeri (KPN), Koperasi Angkatan Darat (KOPAD), Koperasi Angkatan Laut (KOPAL), Koperasi Angkatan Udara (KOPAU), dan Koperasi Angkatan Kepolisian (KOPAK).

## 2.4. Konsep Koperasi

### 2.4.1. Objektif Dan Landasan Penubuhan Koperasi

Koperasi berbeza daripada organisasi yang selalu diamalkan dalam sistem ekonomi terbuka, penubuhan koperasi lebih mementingkan kepada perkhidmatan untuk masyarakat berbanding dengan motif untuk mendapat keuntungan yang biasanya menjadi objektif utama organisasi perniagaan permodal-pemodal persendirian.<sup>68</sup> Walaupun demikian ini bukanlah bermakna koperasi tidak berupaya mendapat keuntungan,

<sup>67</sup> Kementerian Koperasi dan UKM, Deputi bidang pengkajian Sumberdaya UKMK Republik Indonesia, “Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 25 Tahun 1992, Tentang Perkoperasian.” <http://www.deptan.go.id/bdd/admin/uu/UU-25-92>, 28 July 2010

<sup>68</sup> Bahagian Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1977), “Peranan Belia dalam Pembangunan Koperasi”, (Kertas kerja dalam Seminar Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) Kuala Lumpur), h. 3

sebaliknya sesuatu koperasi perniagaan jika diuruskan dengan bijak dan teratur akan berupaya mendapat keuntungan sama seperti yang diperolehi oleh mana-mana syarikat pemodal persendirian.

Koperasi juga mempunyai konsep yang berbeza dengan lembaga ekonomi selain koperasi iaitu lebih terbentuk konsep kekeluargaan yang berfungsi untuk mewujudkan sebuah usaha bersama, yang akhirnya dapat mengeratkan silaturahim antara satu anggota dengan yang lainnya seakan-akan satu keluarga yang memiliki tujuan sama. Kajian mendapat terdapat ciri-ciri dan sifat kebersamaan yang boleh dilihat daripada objektif penubuhan koperasi khususnya terhadap konsep kekeluargaan. Ciri-ciri persamaan tersebut adalah seperti berikut:

(1) Kebersamaan antara anggota

Kebersamaan antara anggota bermaksud adanya kesamaan hak satu orang satu suara, serta adanya ketentuan pembahagian keuntungan tidak berdasarkan pada tingkat penyertaan modal, tetapi lebih pada niat untuk menjalankan usaha atas dasar kekeluargaan untuk mencapai kesejahteraan bersama dan bukan bertujuan mengaut keuntungan individu secara besar-besaran.

(2) Kebersamaan dengan pengelola

Dalam koperasi kepentingan pekerja dan pengusaha diintegrasikan menjadi satu berdasarkan penentuan peratus dari baki hasil usaha.

(3) Kebersamaan dengan pengguna

Kebersamaan dengan pengguna dapat dilihat dalam penerapan prinsip pembahagian keuntungan yang ditentukan mengikut sumbangan yang diberikan samada berupa

pulangan dalam bentuk urusniaga kredit koperasi iaitu dengan potongan harga pembelian barang atau kemudahan kredit.

(4) Kebersamaan dengan sesama usaha<sup>69</sup>

Dalam hal ini koperasi sentiasa menjaga hubungan baik dengan para koperasi lain, walaupun antara mereka terdapat persaingan pasaran, akan tetapi komitmen atas kesepakatan bahawa penetapan harga pasaran harus sesuai dengan harga pasaran. Oleh itu prinsip menjaga kualiti sangat penting kerana kriteria tersebut dititik beratkan dan kemahiran khusus terhadap promosi dan pemasaran berjalan dengan persaingan yang sihat yang akhirnya koperasi-koperasi tersebut berupaya menyediakan perkhidmatan yang netral dan yang sepatutnya diterima oleh para pengguna.

#### **2.4.2. Nilai Asas Dan Nilai Etika Koperasi**

Koperasi sebagai sebuah organisasi sosio-ekonomi sangatlah mementingkan nilai-nilai moral dalam setiap aktivitinya. Dan memastikan setiap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan adalah berasaskan ajaran-ajaran yang mengandungi unsur moral dan kerohanian. Kerana Koperasi ditubuhkan dengan tujuan yang murni untuk memberi sepenuh bakti kepada ahli-ahlinya dengan jujur, tanpa penyelewengen dan penipuan. Akhirnya koperasi juga dianggap sebagai pusat perniagaan yang menggalakkan usaha-usaha yang jujur dan amanah. Hal ini dapat ditinjau dari Undang-Undang Koperasi No 12 Tahun 1967 dalam bab 3, bahagian 1, pasal 3 yang memberikan maksud bahawa koperasi merupakan usaha ekonomi berwatak sosial yang diusahakan atas dasar kebersamaan

---

<sup>69</sup> Lihat Hudiyanto (2002) "Koperasi Ideologi dan Pengelolaannya", (Dalam Proyek peningkatan Penelitian Pendidikan Tinggi Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi. Departemen Pendidikan Nasional. Jakarta), h. 60- 61

dalam sifat kekeluargaan dengan tekad gotong royong yang diertikan sebagai suatu pencerminan adanya kesedaran semangat bekerjasama dan tanggungjawab bersama. Ianya terhasil daripada urusniaga tanpa memikirkan kepentingan diri sendiri, melainkan untuk kebahagiaan bersama.<sup>70</sup>

Gagasan gerakan koperasi yang telah diasaskan para pelopor terdahulu juga memiliki cita-cita yang sama iaitu mahu melihat suatu dunia baru yang memiliki nilai-nilai moral,<sup>71</sup> maka di sinilah letaknya perbezaan nilai asas dan nilai etika yang terdapat pada konsep Koperasi. Boleh disimpulkan nilai asas pada koperasi adalah seperti berikut:

1. Nilai asas bekerjasama memajukan koperasi
2. Bertanggungjawab keatas keputusan mesyuarat agung, mesyuarat lembaga dan mesyuarat jawatankuasa
3. Memiliki hak yang sama dalam menentukan perkembangan koperasi
4. Perpaduan antara individu tanpa adanya batasan agama maupun jantina dalam usaha untuk menjayakan koperasi
5. Kesamaan dalam membuat keputusan
6. Memiliki hak suara yang sama dalam setiap undian suara.<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup> Lihat Bahri Nurdin (1993), *op.cit.* h. 26

<sup>71</sup> Lihat W. M. Chik (1990), *op.cit.* h. 17

<sup>72</sup> Ahmad Marzuki Ismail (2005) *Kepimpinan Koperasi Memimpin dan Dipimpin*, Selanggor Kuala Lumpur: Kim Guan Press Enterprise Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 5

**Jadual: 2.1 Kesimpulan daripada Nilai Asas di Koperasi**

Nilai Asas	Huraian
Bekerjasama	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keazaman dan kesungguhan dalam memajukan kegiatan koperasi</li> <li>- Pengorbanan anggota dari segi masa dan tenaga</li> </ul>
Bertanggungjawab	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bertanggung jawab keatas keputusan mesyuarat agong, mesyuarat lembaga dan mesyuarat jawatankuasa</li> <li>- Membantu meningkatkan sosioekonomi koperasi</li> <li>- Menunjukkan kesetiaan terhadap koperasi</li> <li>- Sentiasa berurus niaga di koperasi</li> </ul>
Demokrasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai hak yang sama</li> <li>- Tidak ada sekatan atau halangan</li> <li>- Menentukan perjalanan koperasi</li> </ul>
Perpaduan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengerakkan perhubungan sesama anggota tanpa mengira agama, kaum dan jantina</li> </ul>
Kesaksamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Keadilan dalam setiap aktiviti</li> <li>- Tidak berat sebelah dalam membuat keputusan</li> </ul>
Persamaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mempunyai hak dan tanggungjawab yang sama</li> <li>- Mempunyai undi yang sama (1 undi).</li> </ul>

Sumber: *diubahsuai dari kepemimpinan koperasi memimpin dan dipimpin (2005), Ahmad Marzuki Ismail.*<sup>73</sup>

---

<sup>73</sup> Ahmad Marzuki Ismail (2005)" *Kepemimpinan koperasi memimpin dan dipimpin*" Selangor Kuala Lumpur: Kim Guan Press Enterprise Sdn. Bhd, h. 5

Manakala nilai etika dalam koperasi mengandungi sifat-sifat berikut:

1. Sifat *Sadiq*, bererti menunjukkan sikap kebenaran dalam semua tindakan yang diambil.
2. *Amanah* bermaksud jujur dalam melaksanakan tugas, sebagaimana yang ditentukan terhadap modal, harta dan kepercayaan.
3. Ketulusan dalam menjalankan tugas dengan ikhlas dan tidak mengharapkan sebarang ganjaran.
4. Sikap penyayang dalam bantu-membantu antara satu sama lain.<sup>74</sup>

Kedua nilai asas dan etika tersebut apabila diterapkan dalam lembaga koperasi akan memiliki hubungkait yang sangat erat antara satu dengan yang lainnya untuk mencapai kejayaan. Oleh yang demikian kemurnian dan kemurnian yang terdapat dalam kedua-dua nilai tersebut dapat membangun keperibadian dan pemikiran anggotanya, iaitu melalui:

- (1) Kesukarelaan anggota menyumbangkan tenaga, idea dan modal.
- (2) Amalan berkoperasi yang adil dan demokratik.
- (3) Anggota bertanggung jawab memastikan sistem pentadbiran dan pengurusan koperasi bergerak dengan betul.
- (4) Anggota yang prihatin dalam perkhidmatan koperasi.<sup>75</sup>

#### **2.4.3. Prinsip Dan Falsafah dalam Koperasi**

Koperasi merupakan suatu lembaga ekonomi yang memiliki prinsip dan falsafah tersendiri, ia berbeza berbanding dengan lembaga ekonomi selain koperasi, Prinsip dan

---

<sup>74</sup> Ahmad Marzuki Ismail (2005) op.cit, h. 6

<sup>75</sup> Ahmad Marzuki (2004) *Pejalar Dalam Gerakan Koperasi Sekolah*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 6

falsafah ini sangat penting untuk difahami oleh setiap anggota koperasi dengan tujuan untuk mengetahui matlamat sebenar penubuhan koperasi. Pengabaianya akan menyebabkan anggota koperasi tidak faham etika berkoperasi, seterusnya tidak berminat menyertai aktiviti koperasi, hanya menunggu pengumuman pemberian dividen dan apabila tidak berpuas hati mereka akan mudah mengeluarkan kenyataan yang negative di media cetak dan media elektronik. Padahal sepatutnya konsep koperasi berasaskan pada “Bekerja Bersama-sama Demi Manfaat Bersama”.<sup>76</sup> Maka Koperasi dijalankan berpandukan kepada prinsip-prinsip berikut:

(1) Keanggotaan sukarela dan terbuka

Maksud sifat sukarela ianya perlu bebas daripada sebarang unsur paksaan dari mana-mana pihak. Manakala maksud sifat terbuka pula adalah terbuka untuk siapa sahaja yang berminat menjadi ahli koperasi tanpa ada pembatasan dan diskriminasi, dan tidak terhad samada lelaki atau perempuan.<sup>77</sup>

(2) Kawalan demokrasi anggota

Kawalan menunjukkan bahawa pergerakan koperasi akan bergerak dengan hala tujunya sendiri tanpa dipengaruhi oleh badan luar. Dan kawalan di sini bertujuan untuk mengawal agar warga koperasi ada hak dan kuasa yang sama. Manakala demokrasi melambangkan anggota koperasi dilindungi dan diberi hak yang sama tanpa mengira jumlah pengangan syer dalam membuat dasar keputusan dan menentukan perjalanan koperasi.<sup>78</sup> Prinsip ini menunjukkan bahawa pengelolaan

<sup>76</sup> Lihat Ahmad Marzuki Ismail (2004) *Jati Diri Koperasi*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 41

<sup>77</sup> Lihat Ahmad Marzuki Ismail (2004) *Tadbir Urus Koperasi Sekolah*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 12

<sup>78</sup> Lihat Ahmad Marzuki Ismail (2004) *Panduan Asas Gerakan Koperasi Sekolah Di Malaysia*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Yeoh Princo Sdn. Bhd, h. 21

koperasi diasaskan atas kehendak dan keputusan dari mesyuarat anggota tahunan. Dan para anggota itulah yang memegang dan melaksanakan kuasa tertinggi.

(3) Penglibatan ekonomi anggota

Setiap anggota koperasi menyumbangkan modal secara saksama dan mengawal modal koperasi itu secara demokrasi. Sekurang-kurangnya sebahagian daripada modal itu menjadi harta bersama koperasi.

(4) Autonomi dan kebebasan

Koperasi adalah organisasi berautonomi dan berdikari yang dikawal oleh anggotanya. Apabila koperasi membuat perjanjian dengan organisasi lain termasuk kerajaan, atau mendapat modal daripada sumber luar, maka ia harus memelihara prinsip kawalan demokrasi oleh keanggotaan dan dalam masa yang sama autonomi koperasi itu dikekalkan.<sup>79</sup>

(5) Pendidikan latihan dan maklumat

Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan untuk anggotanya, wakil yang dipilih, pengurus serta kakitangan supaya mereka boleh memberikan tenaga secara berkesan kepada pembangunan koperasi mereka. Pihak koperasi juga memberi maklumat tentang koperasi kepada rakyat umum khasnya kepada remaja dan pemimpin masyarakat.

(6) Kerjasama di antara koperasi

Koperasi juga sentiasa menjaga hubungan baik antara lembaga ekonomi lain, dan ia juga memperkuatkannya gerakan koperasi jika berupaya bekerja bersama-sama dengan struktur koperasi lain, setempat, nasional, serantau atau antarbangsa.

---

<sup>79</sup> *Ibid*, h. 21

(7) Prihatin terhadap masyarakat.<sup>80</sup>

Koperasi bukan hanya sebuah usaha yang bermatlamatkan mencari keuntungan semata-mata untuk para anggotanya sahaja, akan tetapi koperasi juga berusaha untuk memperolehi pembangunan berkekalan bagi masyarakat melalui dasar-dasar yang dipersetujui oleh anggotanya.<sup>81</sup> Kerana kembali pada tujuan penubuhannya sebuah koperasi adalah untuk menjamin kesejahteraan bersama, mencapai tingkat kemakmuran dan kejayaan masyarakat secara meluas.

## 2.5. Sejarah Perkembangan Koperasi Di Indonesia

Sejarah perkembangan koperasi di Indonesia tidak boleh dipisahkan dengan kehadiran para penjajah yang bertujuan untuk bermiaga di Indonesia. Akan tetapi selepas mereka mengetahui kemakmuran negara Indonesia serta wujudnya rasa ingin menguasai rangkaian perniagaan, timbulah penindasan oleh kaum Eropah terhadap rakyat-rakyat kecil yang lemah. Wujudnya kelemahan inilah yang mendorong para tokoh-tokoh pejuang Indonesia bersatu untuk bangkit, bekerjasama membentuk kekuatan-kekuatan ekonomi lemah untuk menolong diri sendiri. Kesan dari kerjasama tersebut membawa pertubuhan sebuah kekuatan ekonomi rakyat lemah iaitu berupa koperasi. Bermula dari itulah koperasi menjadi suatu dasar ekonomi sekaligus unsur asas dalam pembangunan ekonomi negara Indonesia.<sup>82</sup>

Pada tahun 1908 seorang tokoh pejuang Indonesia bernama Raden Soetomo, melalui perkumpulan Budi Utomo mencuba mengembangkan koperasi rumah tangga.

<sup>80</sup> Yusof bin Hj Samsudin (2006), “Pembangunan Ekonomi Negara Melalui Gerakan Koperasi dan Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN)” (Di dalam Simposium Serantau Pembangunan Ekonomi Melalui Gerakan Koperasi Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Pembangunan Koperasi), h. 3

<sup>81</sup> Lihat Ahmad Marzuki (2004). *Op.cit*, h. 8

<sup>82</sup> Lihat Bahri Nurdin (1993), *op.cit*, h. 10

Walaupun program di bahagian koperasi bermaksud mensejahterakan rakyat miskin yang dimulai dengan wujudnya koperasi industri kecil dan kerajinan, tetapi usaha itu belum berhasil. Hal itu disebabkan kurangnya sokongan dan kesedaran dari masyarakat tentang koperasi.<sup>83</sup>

Syarikat Dagang Islam (SDI) pada tahun 1913 juga berusaha untuk menubuhkan koperasi industri kecil dan kerajinan, akan tetapi usaha itu juga gagal. Kegagalan adalah disebabkan rendahnya tingkat pendidikan, kurangnya kesedaran masyarakat dan kurangnya pemimpin koperasi pada masa itu. Di samping itu, wujudnya hambatan dari pemerintah Belanda yang menerapkan peraturan koperasi No 431 tahun 1915, yang mengandungi; syarat penubuhan koperasi yang rumit dan ketat termasuk syarat keizinan untuk menubuhkan koperasi dan pembiayaan aktiviti usaha koperasi.<sup>84</sup>

Selepas kemerdekaan Republik Indonesia dari para penjajah pada tarikh 17 ogos Tahun 1945, terdapat usaha yang menyokong supaya koperasi dapat berjalan sesuai dengan harapan pasal 33 Undang-Undang Dasar 1945, maka perkembangan koperasi pada masa itu mendapat sambutan yang baik dari masyarakat.<sup>85</sup> Walaupun dalam pelaksanaan koperasi mengalami masalah ketidak jelasan, disebabkan adanya kesan dari perkembangan politik yang berlaku pada saat itu, serta akibat penerapan sistem demokrasi liberal. Akan tetapi usaha untuk pengembangan koperasi sentiasa berterusan, buktinya pada tahun 1958: UU No. 70/1958 telah lahir UU tentang koperasi yang pada dasarnya mengandungi penubuhan koperasi, pentadbiran koperasi berdasarkan prinsip Rochdale.<sup>86</sup>

---

<sup>83</sup> Lihat Tiktik Sartika Partomo, dan Abd. Rachman Soejoedono (2004) *Ekonomi Skala Kecil dan Menengah dan Koperasi*. C.2. Bogor: Ghalia Indonesia, h. 49

<sup>84</sup> Subandi (2009) *op.cit*, h. 13

<sup>85</sup> *Ibid*, h.14

<sup>86</sup> Tiktik Sartika Partomo & Abd. Rachman Soejoedono (2004), *op.cit*, h. 49

Walaupun ketika Indonesia mengalami krisis multidimensi pada tahun 1997 hingga tahun 1998, kewujudan koperasi tetap stabil dan terbukti mampu bertahan untuk menyelesaikan masalah krisis tersebut. Hal ini menjadi sebuah wacana perjalanan koperasi di Indonesia yang terus berkembang. Indikasi hal itu, kerana adanya perubahan perundangan koperasi dari UU No. 12/1967 dengan UU nombor 25/1992. Pada Undang-Undang yang baru tidak disebutkan secara jelas adanya unsur sosial walaupun hal itu tetap menjadi prinsip dan asas koperasi.

Oleh yang demikian koperasi semakin berkembang dan di anggap sama dengan bentuk badan usaha lain, sehingga dalam usahanya koperasi mampu bersaing dengan lembaga usaha selain koperasi. Kesan dari komitmen kerajaan untuk menyokong kejayaan ekonomi rakyat lemah seperti koperasi cukup besar. Hal itu nampak wujudnya peraturan pemerintah pada tahun 2007 tentang pengembangan koperasi iaitu dengan mewajibkan pelajar untuk berkoperasi.<sup>87</sup> Manakala perkembangan koperasi di Indonesia lima tahun terakhir dari tahun 2005 hingga tahun 2009 boleh diperhatikan seperti jadual berikut:

**Jadual : 2.1 Perkembangan Koperasi di Indonesia Lima tahun terakhir Dari tahun 2005 hingga tahun 2009**


No	Uraian	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	Tahun 2008	Tahun 2009
1	Jumlah Koperasi	134,963	141,326	149,793	154,964	166,155
2	Koperasi aktif	94,818	98,944	104,999	108,930	118,616
3	Kop. tidak aktif	40,145	42,382	44,794	46,034	47,539

*Sumber data: Laporan dinas koperasi yang membidangi KUKM Selindo<sup>88</sup>*

<sup>87</sup> Akhmad Syakhroza (2007) “Membangun Ekonomi Kerakyatan” *Jurnal Usahawan*. Jil. 2 Bil 36, 2007, h. 20

<sup>88</sup> Kementerian Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (2008) “Analisis Kinerja Koperasi Tahun 2008”. Jakarta Selatan, h. 10

**Rajah 1: Perkembangan Koperasi Indonesia dari tahun 2005 – 2009**



Sumber data: diubahsuai dari laporan Kementerian Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (2008).

Dari jadual 2.1 tersebut dapat difahami koperasi dalam masa lima tahun akhir ini, setiap tahunnya mengalami peningkatan signifikan yang ketara mulai dari tahun 2005 hingga tahun 2009 menunjukkan koperasi sentiasa berkembang. Koperasi semenjak tahun 2005 dari 134,963 unit koperasi meningkat 4.7 peratus atau menjadi 141,326 unit koperasi di tahun 2006. Dan pada tahun 2007 koperasi juga mengalami peningkatan yang lebih baik lagi naik 5.9 peratus atau menjadi 149,79 unit koperasi. Hingga pada akhir bulan Desember tahun 2009 jumlah koperasi di Indonesia sentiasa meningkat dari 154,964 pada tahun 2008 naik sebanyak 7.2 peratus. Ertinya perkembangan koperasi di setiap tahun mengalami peningkatan yang baik,

Walaupun perkembangan koperasi yang begitu pesat selepas masa reformasi, namun masih terdapat masalah-masalah yang dialaminya, hal itu disebabkan adanya beberapa faktor dalaman mahupun luaran, indikasi dari faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

1. Faktor dalaman
  - (1) Kurangnya permodalan
  - (2) Kemahiran manusia yang terbatas

- (3) Lemahnya jaringan usaha dalam pasar
2. Faktor luaran
    - (1) Iklim urusniaga belum sepenuhnya kondusif
    - (2) Terbatasnya fasiliti usaha
    - (3) Autonomi daerah yang sangat mempengaruhi pelaksanaannya
    - (4) Adanya perdagangan bebas
    - (5) Akses pasaran yang terbatas.<sup>89</sup>

## **2.6. Perbezaan antara koperasi dengan lembaga lain**

Pada dasarnya aktiviti suatu usaha boleh dirumuskan kepada dua bahagian, iaitu usaha yang dilaksanakan oleh swasta atau individu dan usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan.<sup>90</sup> Manakala koperasi pada umumnya mengikut dalam bahagian usaha swasta. Akan tetapi negara Indonesia dalam hal ini menjadikan koperasi sebagai organisasi tersendiri iaitu koperasi bukan termasuk usaha swasta atau usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh yang demikian di sinilah terdapat perbezaan antara koperasi dengan lembaga selain koperasi. Hal itu boleh dilihat dari beberapa segi seperti berikut:

### **2.5.1. Matlamat penubuhan dan pengguna perkhidmatan koperasi**

Koperasi di dalam melaksanakan aktivitinya lebih mementingkan kepentingan anggota dan juga kesejahteraan masyarakat sekitar. Manakala matlamat penubuhan lembaga ekonomi lain lebih terhad pada peningkatan hasil produksi barang mahupun perkhidmatan untuk memperolehi keuntungan yang sebesar-besarnya tanpa menghiraukan masyarakat sekitar. Oleh yang demikian, pengguna perkhidmatan pada

<sup>89</sup> Lihat. Muhammad Jafar Hafsah (2004), "Upaya Pengembangan Usaha Kecil dan Menengah", *Jurnal Infokop.* Bil. 25 tahun 20, 2004, h. 41- 43

<sup>90</sup> Subandi (2009), *op.cit.*, h. 99

koperasi terbuka bebas kepada sesiapa sahaja yang memiliki keperluan dan tujuan yang sama antara anggota koperasi.

### **2.5.2. Pemilik usaha dan modal**

Modal awal yang diperoleh oleh koperasi diambil daripada simpanan pokok para anggotanya, selain itu koperasi juga berusaha untuk menambah modal usahanya dari pelbagai macam sumber lainya.

Manakala modal awal daripada lembaga lain selain koperasi berasal dari penyertaan pertama yang dilakukan pemiliknya sesuai dengan jumlah modal penubuhan. Dalam pengembangannya ia dapat menambah modal tersebut dengan cara penjualan sebahagian saham syarikat kepada masyarakat umum.

### **2.5.3. Pemangku Kekuasaan tertinggi**

Autoriti tertinggi dalam koperasi sepenuhnya pada mesyuarat anggota. Kerana setiap anggota memiliki hak bersuara untuk turut serta menentukan kemajuan koperasi. Hasil keputusan yang dipersetujui oleh setiap anggota dalam mesyuarat anggota menjadi rujukan yang harus ditaati oleh pengurus yang akan dipertanggungjawabkan dari masa ke semasa.

Pada lembaga selain koperasi, pemegang kuasa tertinggi ialah pemilik saham. Oleh yang demikian jumlah pemilikan saham sangat memberi kesan untuk menentukan polisi yang akan dilaksanakan oleh pengurusan syarikat.

#### **2.5.4. Status keanggotaan**

Status anggota koperasi bersifat terbuka bagi siapa sahaja yang berminat untuk menyertai perkumpulan itu, tanpa melihat gender dan sosiobudaya. Hal itu disebabkan tidak adanya syarat-syarat tertentu dalam keahlian koperasi. Dalam struktur status antara koperasi dengan anggota bersifat secara langsung, sehingga setiap anggota berhak untuk melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan dan pengawasan urusniaga koperasi. Manakala lembaga lain hubungan antara aktiviti perusahaan dengan pemilik saham bersifat tidak langsung kerana adanya had antara fungsi pemikiran dan fungsi pengurusan.<sup>91</sup>

#### **2.5.5. Pembahagiaan keuntungan (baki dari hasil usaha)<sup>92</sup>**

Keuntungan pada koperasi terbahagi dua, iaitu keuntungan berupa wang (*monetary profit*) dan keuntungan berupa kepuasan bukan wang (*non monetary profit and satisfaction*). Sebagai contoh keuntungan bukan wang iaitu pemberian perkhidmatan dan kemudahan kepada para ahlinya dan masyarakat sekitar. Oleh yang demikian apabila ada baki dari hasil usaha, maka dalam pembahagiannya sesuai dengan penjelasan pasal 34 Undang-Undang No 12 Tahun 1967 iaitu para anggota koperasi hanya akan menerima baki dari hasil usaha yang dilaksanakan untuk anggota koperasi sebanyak 45 peratus, manakala baki dari hasil usaha yang berasal dari selain anggota tidak dibahagikan kepada anggota koperasi, akan tetapi digunakan untuk pembiayaan-pembiayaan tertentu seperti memberikan sumbangan kepada masyarakat iaitu berjumlah 50 peratus.<sup>93</sup> Manakala pembahagian keuntungan di lembaga selain koperasi, dibahagikan sesuai dengan besar peratusan atau saham yang dimiliki oleh masing-masing pemegang sahamnya.

---

<sup>91</sup> Lihat, Tiktik Sartika Partomo dan Abd. Rachman Soejono (2002), *op.cit*, h. 57

<sup>92</sup> Subandi (2009), *op.cit*, h. 105

<sup>93</sup> Lihat Kartasapoetra (1991), *op.cit*, h. 56

## **2.7. Aplikasi Prinsip-Prinsip Syariah Di Dalam Koperasi Islam**

Tidak semua peniaga muslim dalam melaksanakan aktiviti urusniaganya tertumpu kepada duniawi semata-mata, mereka juga memperhatikan aspek akhirat atau beribadah. Sehingga ada sebahagian yang menjadikan bermiaga merupakan suatu perkara duniawi sahaja, tanpa memperhatikan sisi *muamalah* yang berprinsip dan berdasarkan pada ajaran Islam, lebih mengejar keuntungan semata-mata. Maka tidak hairan bila prinsip-prinsip syari'ah lebih diabaikan dalam aplikasi *mu'amalah*. Perkara itu terjadi kerana pandangan sekularisme telah menjadi budaya di sebahagian negara muslim. Dalam ajaran sekularisme itu ditanamkan bahawa urusniaga tidak boleh dihubungkaitkan dengan perkara agama.<sup>94</sup>

Sepatutnya umat Islam dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti walau apapun bentuknya ianya perlu berdasarkan kepada nilai ibadah, samada itu ibadah *mahdah* atau *ghairu mahdah*,<sup>95</sup> dilaksanakan secara individu ataupun berkumpulan, dalam bentuk *mu'amalah* dengan manusia maupun *mu'amalah* dengan Allah. Ada beberapa prinsip yang dilaksanakan dalam koperasi Islam sesuai dengan konsep syariah untuk mencapai matlamat tersebut misalnya berupa jual beli, sewa atau perkhidmatan awam.

### **2.6.1. Prinsip Jual Beli**

Erti jual beli secara bahasa (البيع) ialah mengambil sesuatu dan mengambilan dengan sesuatu.<sup>96</sup> Manakala secara *shar'an* iaitu bermaksud pergantian sesuatu harta

<sup>94</sup> Lihat Muslich (2007) *Bisnis Syari'ah*. Yogyakarta: Unit penerbit dan percetakan Sekolah Tinggi Ilmu Manajemen YKPN, h. 9

<sup>95</sup> Ibadah mahdah iaitu ibadah khusus yang syarat dan rukunnya telah ditentukan dan ditetapkan oleh syariat Islam manakala ibadah *ghairu mahdah* iaitu ibadah yang berbentuk umum, boleh bercampur dengan perbuatan-perbuatan duniawi contohnya muamalah.

<sup>96</sup> Ḫolīḥ bin Fauzan bin ‘abdul Allah al-Fauzani (2011) *Min Fiqh al-Mu’āmlāt*, Riyad: Dār Ishbiliā, h. 11

benda atau sesuatu yang bermanfaat dengan sesuatu yang sama nialainya<sup>97</sup> dan masing-masing dari dua pihak tersebut melakukan akad untuk mengambil dan memberikan sesuatu.<sup>98</sup> Manakala menurut Dr Rafiq Yūnan al-Miṣri jual beli bererti pertukaran suatu harta benda dengan harta benda atau penyerahan sesuatu benda yang dikehendaki dengan benda lain. Seperti saya menjual sesuatu kepada fulan, ertinya transaksi jual beli telah sempurna tanpa mendapatkan keredhaan dari penjual. Jual beli juga dianggap sah apabila benda tersebut memungkinkan mendatangkan manfaat bagi keduanya dengan bentuk yang khusus, baik secara perkataan (*iżāb* dan *Qabūl*) maupun perbuatan (transaksi).<sup>99</sup> Sebahagian ulama' mengatakan pengertian jual beli ialah tukar menukar harta walaupun dalam kemanfaatan yang mubah dengan sesuatu yang setara dengan keduanya untuk memberikan secara tepat.<sup>100</sup> Manakala menurut al-Baedowi mengertikan jual beli iaitu adanya permintaan keuntungan dari transaksi tersebut.<sup>101</sup>

Dari pengertian jual beli di atas terdapat kesamaan yang mengandung maksud bahawa Jual beli merupakan amalan yang dilakukan oleh dua pihak yang saling tukar menukar dalam bentuk benda atau sesuatu yang dihukumi seperti benda, dan benda tersebut mendatangkan manfaat antara kedua belah pihak. Sesuatu yang tidak berupa benda atau harta tidak sah untuk dijual beli dan juga adanya kepemilikan antara kedua pihak atas sesuatu yang diserahkan.

Manakala Prinsip jual beli sendiri sangatlah jelas disyariatkan oleh agama Islam sesuai dengan firmanya:

<sup>97</sup> Ṣolih bin Fauzan bin ‘abdul Allah al-Fauzani (2011) *Opcit*, h. 244

<sup>98</sup> Lihat. Wahbah al-Zuḥāelī (2004) *al-Fiqh Al- Islāmī Wa Adillatuhu*. J.5. c. 4. Damashq: Dār al-Fikr, h. 144

<sup>99</sup> Muhammad Najib Hamadi al-Jau’ani (2005) *Dawabit al-Tijarah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Bayrūt Libanon: Dār al-Kutub al-‘Alamiyah, h. 63

<sup>100</sup> Syekh Abdurrahman as-Sa’di, dkk (2008) *Op.cit*, h.

<sup>101</sup> Abu al-Futūḥ Muhammad Basūnī (1988) *al-Huriyah al-Iqtisadiyah fī al-Islāmi wa Āثارuhā fī al-Tanmiyah*. Dar al-Wafaa Li Ṭaba’ah wa al-Nashar wa al-Tauzi’ al-Mansūrah, h. 501

لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ.

Maksudnya:

*“Janganlah engkau makan harta di antara kalian dengan cara bathil (tidak benar) kecuali dengan cara jual beli yang kalian sepakati bersama”.*

Surah al-Nisa' (4):29

ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا، وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

*“Dan orang-orang kafir itu mengatakan bahawa jual beli seperti Riba, dan ketahuilah Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan transaksi Riba.”*

Surah al-Baqarah (2): 275

Daripada firman Allah di atas jelas bahawa agama Islam membolehkan aktiviti ekonomi yang dapat membawa kejayaan dan mampu membangunkan taraf hidup masyarakat serta meningkatkan semangat bekerjasama untuk mendapatkan kejayaan di dunia dan akhirat. Agama Islam juga melarang amalan buruk dan *mu‘āmalah* haram yang dapat merosak akhlak perilaku manusia serta melemahkan ekonomi. Di antara amalan yang diperbolehkan Allah yang dimaksud di sini ialah jual-beli. Manakala *mu‘āmalah* yang dilarang bahkan diharamkan adalah riba. Hal itu berdasarkan kepada ijma’ ulama’ yang membenarkan jual beli, kerana wujudnya keperluan manusia yang saling memerlukan dengan saudara lainya untuk memenuhi keperluan asas dalam kehidupan sehari-hari dan juga mampu menjadikan suatu tempat bersilaturrahim antara sesama muslim.<sup>102</sup>

<sup>102</sup> Lihat. Wahbah al-Zuhāelī (2004), *op.cit*, hal. 346

Dan pada dalil terakhir iaitu penjelasan kaum kafir yang menyamakan antara jual beli dengan riba, kenyataan persamaan itu sangatlah lemah. Kerana antara jual beli dan riba terdapat beberapa perbezaan yang jelas, iaitu:

- (1) Jual beli merupakan transaksi amalan yang dihalalkan Allah swt, sedangkan riba termasuk amalan yang dimurkai. Maka sewajarnya bagi hamba yang berakal untuk melakukan yang hak dan meninggalkan yang bathil.
- (2) Keuntungan yang diperoleh oleh sipenjual merupakan impak dari kemahiran dan kesungguhan penjual, manakala keuntungan yang diperoleh dari transaksi riba tidak memerlukan kemahiran.
- (3) Di dalam jual beli terdapat amalan tukar menukar yang boleh mendatangkan manfaat bagi kedua pihak, sedangkan riba hanya memberikan keuntungan pada sebelah pihak sahaja.<sup>103</sup>

Dilihat daripada akad jual beli menurut para pengikut al-Hanafiyah syarat akad yang harus ada ialah adanya (*ijāb* dan *qabūl*), manakala menurut pendapat ulama' jumhur ada tiga iaitu *sīghah* atau lafaz antara penjual dan pembeli, *al-'aqid* adanya orang yang mengakadkan transaksi tersebut, dan *al-Ma'qud 'alaehi* benda yang diakadkan.<sup>104</sup>

Kesimpulan daripada pendapat-pendapat di atas tentang akad jual beli secara amnya ialah wujudnya :

- (1) Pihak Penjual (*Bāy'*)
- (2) Pihak Pembeli (*Mushtari*)
- (3) Barang / benda (*Mabi*)
- (4) Harga (*Tsaman*)

---

<sup>103</sup> Lihat. Syekh Abdurrahman as-Sa'di, dkk (2008), *op.cit*, h. 148

<sup>104</sup> Muhammad Najib Hamadie al-Jau'ani (2005), *op.cit*, h. 65

(5) Ijab Qabul (*Sīghah*)<sup>105</sup>

Untuk menyokong dan mengawal kejayaan transaksi jual beli agar tidak terjadi unsur penipuan serta mencegah dari perilaku kezaliman dan riba maka Islam menerapkan beberapa syarat-syarat seperti berikut;

- (1) Kerelaan antara kedua belah pihak penjual dan pembeli, iaitu tidak ada unsur paksaan.<sup>106</sup>
- (2) Penjual dan pembeli adalah orang yang memang berhak dan diperbolehkan melakukan transaksi ini. Ertinya mereka sihat secara minda, merdeka, mukalaf dan dapat membelanjakan hartanya dengan baik.<sup>107</sup>
- (3) Barang yang dijual beli haruslah; boleh diketahui dengan cara melihat atau mengetahui sifat dan cirinya, dapat digunakan secara mutlak atau tidak diperbolehkan menjual sesuatu yang tidak memiliki nilai manfaat, merupakan milik penuh sibenjual atau ia mendapatkan izin perwakilan dari pihak lain dalam akad transaksinya dan boleh diserahkan kepada pembeli.<sup>108</sup>
- (4) Harga mestilah dipersetujui antara kedua belah pihak ketika akad berlangsung.<sup>109</sup>

---

<sup>105</sup> Naṣir Farīd Muhammad Wāṣil (1998) *Fiqh al-Mu‘āmalāt al-Madaniyyah wa al-Tijāriyyah Fī al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*, al-Qāhirah: al-Maktabah al-Taufiqiyah, h. 57

<sup>106</sup> Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007) *Ensiklopedi Islam al-Kamil*. t. Achmad Munir Badjeber dkk. C.3. Jakarta: Darus Sunnah Press, h. 870

<sup>107</sup> Naṣir Farīd Muhammad Wāṣil (1998), opcit, h. 58

<sup>108</sup> Lihat. Naṣir Farīd Muhammad Wāṣil (1998), opcit, h. 69

<sup>109</sup> Naṣir Farīd Muhammad Wāṣil (1998), opcit, h. 73

Akad jual beli yang selalu digunakan dalam koperasi Islam, di antaranya ialah:

### 1. *Bay' al-Murābahah*

Kalimat *al-Murābahah* berasal dari bahasa arab yang asal katanya *rabiha yarbaḥu*<sup>110</sup> bermaksud memberikan kelebihan berupa pulangan terhadap sesuatu benda. Manakala menurut mu'jam al-Iqtishad al-Islami *bay' al-Murābahah* bermakna transaksi jual beli dengan adanya tambahan atas harga pembelian.<sup>111</sup> Menurut istilah *bay' al-Murābahah* ialah jual beli barang pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang dipersetujui.<sup>112</sup> atau boleh dikatakan penjualan sesuatu barang kepada pembeli dengan kos asal barang tersebut, manakala kadar keuntungan adalah mengikut kesepakatan antara kedua belah pihak dan pembayaran harga barang boleh secara tangguh atau tunai.<sup>113</sup>

Dapat difahami bahawa *bay' al-Murābahah* pada hakikatnya ialah penjual menawarkan barang kepada pembeli dengan harga pembelian yang diketahui antara mereka, seolah-olah penjual mengatakan kepada pembeli, "saya membeli sesuatu dengan harga beli RM 100.00 dan saya jual kepada kamu dengan keuntungan RM 10.00." Walaupun pada dasarnya akad transaksi *bay' al-Murābahah* seperti ini merupakan penganti daripada syarat faedah atau riba yang jelas diharamkan oleh Islam.<sup>114</sup>

Melihat daripada *bay' al-Murābahah* itu sendiri merupakan salah satu amalan cawangan transaksi jual beli yang diperbolehkan oleh Islam, maka syarat dan rukun pada

<sup>110</sup> Luwis Ma'lūf (1992) *Al-Munjid fi Lughah wa A'lam*. Lebanon, Birut: Dar el-Machreq Sarl Publishers, h. 244

<sup>111</sup> Ahmad Al-Sharbasi (1981) *al-Mu'jam al-Iqtishad al-Islami*. Dar al-Jael, h. 415

<sup>112</sup> Muhammad Syafi'I Antonio (2001) *Bank Syari'ah dari Teori ke Praktik.c.2*. Jakarta: Gema Insani press, h. 45

<sup>113</sup> Joni Tamkin Bin Borhan (1998) "bay' al-Murabahah in Islamic Commercial law" *Jurnal Syari'ah*. JIL. 6, 1998, h. 53

<sup>114</sup> Ahamd Hidayat Buang (1995), "Pemasukan Syarat di Dalam 'Aqd" *Jurnal Syari'ah*. Jil 3. Bil. 2, 1995, h. 269

*bay' al-Murābahah* pun juga mengikut pada syarat dan rukun yang berlaku pada *bay'*, sebagaimana penjelasan di atas.

Walau bagaimanapun *bay' al-Murābahah* mempunyai beberapa syarat yang khusus iaitu:

- (1) Penjual memberitahu kos modal awal kepada pembeli, kerana ini merupakan syarat sahnya *bay'*.
- (2) Keuntungan haruslah jelas atau ditentukan sesuai dengan kesepakatan antara kedua belah pihak. Kerana pemberitahuan kos modal pembelian merupakan syarat sah.
- (3) Modal pembelian haruslah dari ukuran yang dapat diukur, seperti berupa ukuran timbangan berat.
- (4) Kontrak haruslah terlepas dari unsur riba<sup>115</sup>
- (5) Penjual haruslah menjelaskan kepada pembeli bila terjadi cacat atas barang sesudah pembelian
- (6) Penjual haruslah menyampaikan semua perkara-perkara yang berkaitan dengan pembelian, misalnya jika pembelian itu dilakukan secara hutang.<sup>116</sup>

## 2. *Bay' as-Salam*

*Bay' salam* merupakan transaksi jual beli yang dilakukan oleh pembeli terhadap suatu barang dengan pembayaran pendahuluan manakala barang disewakan diwaktu diakhir urusniaga.<sup>117</sup> Atau akad pembelian pada suatu barang yang sesuai dengan

<sup>115</sup> Lihat. Wahbah al-Zuhālī (2004) *al-Fiqh Al- Islāmī Wa Adillatuhu*. J.5. c. 4. Damashq: Dār al-Fikr, h. 3767 - 3770

<sup>116</sup> Muhammad Syafī'I Antonio (2001) *op.cit.* h. 102

<sup>117</sup> Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rusyd (1998) *Bidāyah Mujtahid wa Nihāyah Muqtaṣid*. Bīrut: Dār al-Qalam, h. 124

perjanjian.<sup>118</sup> Pelaksanaan transaksi ini banyak dilakukan para pelaku pasaran, kerana ianya merupakan bentuk usaha untuk mengelakan dari perilaku riba atau penambahan keuntungan yang tidak jelas.

Para ulama' bersepakat keharusan transaksi *bay' salam* ini<sup>119</sup>, selari dengan firman Allah dalam surah al-Baqarah: 282

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَآعْتُمْ بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمَّى فَاكْتُبُوهُ

Maksudnya:

*Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menulisnya”*

Surah al-Baqarah (2): 282

Di samping itu terdapat juga banyak hikmah lain disebalik transaksi ini. Seperti memenuhi keperluan manusia terhadap sesuatu, dan keperluan itu dirasai oleh samada pelaku industri mahupun petani kecil yang memerlukan harta/aset. Maka dalam hal ini peranan koperasi adalah meminjamkan harta/aset untuk digantikan dengan barang yang sesuai dengan kesepakatan antara kedua belah pihak dikemudian hari. Untuk tujuan tersebut perhatian perlu ditumpukan kepada beberapa perkara yang berhubungkait dengan transaksi *bay' salam* iaitu:

- (1) Tidak diperbolehkan barang salam tersebut berupa makanan, kerana sesuatu yang syarat penjualannya harus diterima adalah makanan
- (2) Akad selalu boleh rosak dengan adanya pembatalan persetujuan.<sup>120</sup>

<sup>118</sup> Muhammad Najib Ḥamīdī al-Jau'īnī (2005) *Qawāidu al-Tijārah fī al-Iqtisād al-Islāmī*. C.1. Beirut-Libanon: Dar al-Kutub al-'Alamiyah, h. 116

<sup>119</sup> Muhammad Najib Ḥamīdī al-Jau'īnī (2005), *op.cit.* h.116

<sup>120</sup> Lihat. Syekh Abdurrahman as-Sa'di (2008) *Fiqh Jual Beli Panduan Praktis Bisnis Syari'ah*. Jakarta: Senayan Publishing, h. 54

- (3) Barang yang ditransaksikan haruslah boleh diakui sebagai hutang
- (4) Barang haruslah boleh diidentifikasi secara jelas untuk mengurangi kesalahan akibat kurangnya pengetahuan dan maklumat mengenai macam barang tersebut
- (5) Penyerahan barang dilakukan dikemudian hari
- (6) Boleh menetapkan tarikh, waktu tertentu pada masa akan datang untuk penyerahan barang.<sup>121</sup>

Dalam akad *bay' salam* terdapat syarat-syarat lain selain yang disyaratkan pada jual beli, di antaranya ialah:

- (1) Jenis barang yang diakadnya sepatutnya jelas terlepas dari barang yang diharamkan, seperti *khamr* atau *Khinzir*.
- (2) Barang yang dijadikan penganti mestilah berbeza atau tidak sama, sehingga tidak terjadi riba *fadl* atau riba *Nisā'*.
- (3) Penjual mestilah mampu menyerahkan barang<sup>122</sup>
- (4) Harga barang harus jelas
- (5) Wang diserahkan dalam majlis akad secara langsung
- (6) Menjelaskan sifat barang secara jelas supaya bebas dari salah faham
- (7) Ditentukan waktu dan tempat penyerahan barang.
- (8) Apabila pembeli meninggal dunia maka rosaklah akadnya.<sup>123</sup>

---

<sup>121</sup> Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.* h. 110

<sup>122</sup> Rafiq Yūnan al-Miṣr () *Fiqh al-Mu'amalāt al-Māliyyah*, Damashqu: Dār al-Qalam, h. 169

<sup>123</sup> Abd al-Samī' al-Miṣrī (1986) *al-Tijarah fi al-Islāmī*. Al-Azhar: Dar al-Taufiq al-Namūdzajiyah. Hal: 70 dan lihat. Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007), *op.cit.* h. 890

## 2.6.2. Prinsip Sewa (*al-Ijārah*)

*Al-Ijārah* secara bahasa diambil dari kalimat *ista'jara* bermakna mengambil upah.<sup>124</sup> Manakala *al-Ajru* ialah berupa balasan terhadap amal perbuatan<sup>125</sup> makna *al-Ijārah* secara istilah banyak para ulama' yang memberikan definisi berbeza antara satu dengan yang lainya. Menurut al-Ḥanafiyah *al-Ijārah* bererti akad pemindahan hak guna atas barang dengan pembayaran balasan, yang dikenal dengan istilah jual perkhidmatan dengan syarat barang yang digunakan itu tidak mengalami pemindahan pemilikan.<sup>126</sup> Menurut al-Malikiyah termasuk di dalamnya syeikh al-Qādī ‘Yād *al-Ijārah* iaitu jual beli pada suatu barang yang jelas bermanfaat dengan pengantian sesuatu yang jelas. Dapat disimpulkan dari definisi tersebut *al-Ijārah* merupakan suatu akad pemindahan hak guna pakai atas suatu barang ataupun perkhidmatan, melalui pembayaran balasan sewa, tanpa diikuti pemindahan pemilikan keatas barang itu sendiri.

Kedudukan akad *al-Ijārah* dalam syari'at Islam sangatlah diperbolehkan sesuai dengan kesepakatan para ulama' dan berasaskan pada al-Qur'an;

...قَالَ لَوْ شِئْتَ لَتَخَذُّلَتْ عَلَيْهِ أَجْرًا

Maksudnya:

“...Jika kamu berkehendak mengapa tidak mengambil upah darinya”

Surah al-Kahfi (18):77

Maksud daripada ayat tersebut ialah diperbolehkan seseorang untuk mengambil upah atas usaha yang telah ia lakukan terhadapnya. Sesuai dengan pendapat ulama'

<sup>124</sup> Luwis Ma'lūf (1992) *op.cit*, h.4

<sup>125</sup> Ahmad al-Sharbāṣī (1981), *Op.cit*, h: 16

<sup>126</sup> Syeikh Hassan Ayob (2008) *op.cit*, h. 311

bahawa pembolehan akad ini kerana keperluan manusia terhadap penggunaan perkhidmatan yang dinisbahkan pada keperluan manusia terhadap barang.<sup>127</sup> Oleh yang demikian ketika benda atau barang itu boleh dijual beli, maka barang itu juga boleh disewakan.

Prinsip *al-Ijārah* yang berlaku di Koperasi Islam tidaklah sebanyak macam yang ditawarkan di bank-bank Islam, seperti *bay' wa al-Ijārah*, *al-Ijārah wa al-Ijārah*, *al-Ijārah al-Muntahiya Bi al-Tamlīk*, dan *al-Rahn wa al-Ijārah*<sup>128</sup>, akan tetapi prinsip sewa di koperasi hanya terhad kepada penyewaan barang atau aset yang dimiliki pihak koperasi seperti kereta, bus mini, alat photo copy dan lain-lainnya kepada anggota untuk memanfaatkan benda-benda tersebut dengan membayar upah sesuai dengan kesepakatan yang telah disetujui bersama. Dalam pelaksanaannya pihak koperasi menyediakan keperluan-keperluan yang menjadi kebiasaan para anggotanya, anggota koperasi memanfaatkan aset tersebut untuk memenuhi keperluannya dan diakhiri sewa ia harus mengembalikan aset tersebut dengan membayar biaya untuk perawatan dan penjagaannya.

Ada beberapa syarat sewa menyewa secara umumnya. Seperti adanya orang yang berakad, benda yang diakadkan dan sighah atau ijab qabul,<sup>129</sup> manakala syarat khusus agar sewa menyewa itu sah ialah sebagai berikut:

- (1) Diketahui benda yang disewa

---

<sup>127</sup> Syeikh Hassan Ayob (2008). *Op.cit*, h. 313

<sup>128</sup> *Bay' wal ijarah* bermaksud pembelian barang secara tunai yang dilakukan oleh pihak Bank kepada pemasok untuk memenuhi keperluan nasabah yang kemudian barang tersebut disewakan kepada nasabah dengan pembayaran secara akad sewa, *Ijarah wal Ijarah* iaitu di mana bank menyewakan manfaat sewa atas aset suatu benda kepada pihak lain. Dalam hal ini yang disewakan bukanlah objek benda itu akan tetapi manfaat dari bendanya. *Ijarah Muntahiya Bi Tamlīk* (IMB) pihak Bank menyewakan manfaat sewa atas aset yang bukan miliknya kepada pihak nasabah, dan diakhiri dengan perpindahan kepemilikan secara hibah diakhir masa sewa. Sedangkan *Rahn wal Ijarah* di mana bank meminjamkan kepada nasabah dengan jaminan yang dipegang oleh bank. Opcit. Lihat Sunarto Zulkifli (2004)

<sup>129</sup> Abd al-Rahman Muhammad Muhammad Abd al-Qādir (1993), *op.cit*, h. 32

Benda yang disewakan haruslah jelas wujudnya dan boleh dimanfaatkan oleh penyewa. Apabila dalam bentuk perkhidmatan seperti memandu kereta haruslah jelas dari satu tempat tertentu ke tempat lain yang tertentu pula.

(2) Diketahuinya masa

Menurut pendapat ulama' sewa terbahagi kepada dua bahagian iaitu sewa yang berkaitan dengan masa dan sewa yang berkaitan dengan pekerjaan. Kedua-duanya memerlukan batasan waktu yang jelas. Bila sewa itu berkaitan dengan pekerjaan maka masa sewa boleh dengan batasan hingga selesai atau dengan masa tertentu, akan tetapi bila sewa itu tidak berdasarkan pada pekerjaan maka ia wajib dibatasi dengan waktu.<sup>130</sup>

(3) Upah /*ujrah*

Pada transaksi sewa menyewa untuk upah disyaratkan berupa wang atau barang yang ditimbang dan disukat ukurannya. Persetujuan untuk memudahkan kedua belah pihak dengan standard ukuran bila barang itu berlaku dan layak untuk diperjual belikan maka ia pun boleh untuk dijadikan alat pembayar atau upah.

### 2.6.3. Prinsip Perkhidmatan jasa (*Qard Hasan*)

*Qard* secara amnya ia termasuk *bay'* (jual beli), kerana *qard* merupakan pemilikan harta terhadap suatu harta.<sup>131</sup> Secara bahasa *qard* bermakna *al-Qad'* memotong, memotong sebahagian dari harta untuk diberikan dan dikembalikan kemudian hari seperti sediakala.<sup>132</sup> Manakala secara isitlah, *qard* bererti pemberian harta kepada orang lain yang ingin memanfaatkannya dan boleh dituntut kembali, atau meminjamkannya tanpa balasan dengan harapan pahala dari Allah pada kedua kondisi

<sup>130</sup> Lihat Syeikh Hassan Ayob (2008) *Op.cit*, h. 314

<sup>131</sup> Wahbah al-Zuhailī (2004) *Op.cit*, h. 3785

<sup>132</sup> Ahmad al-Sharbāṣī. (t.t) *Op.cit*. h.356

tersebut.<sup>133</sup> Syafi'i Antonio mendefiniskan *qard* sebagai pemberian harta kepada orang lain yang dapat ditagih atau diminta kembali dengan kata lain meminjamkan sesuatu tanpa mengharapkan balasan.<sup>134</sup> Dapat difahami dari makna tersebut *qard* bererti sesuatu yang kita pinjamkan berupa benda yang bernilai kepada seseorang yang suatu saat kita boleh memintanya kembali.

Secara syar'i perilaku ini mendapat keabsahan kerana amalan tersebut merupakan perilaku yang mulia hal ini berdasarkan firman Allah swt.

مَنْ ذَا لِذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَاعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً

Maksudnya:

*“Barangsiapa yang mau meminjamkan kepada Allah pinjaman yang baik, Allah akan melipatgandakan (balasan) pinjaman itu untuknya dan dia akan memperoleh pahal yang banyak.”*

Surah al-Baqarah (2): 245

Para ulama' bersepakat bahawa amalan ini boleh dilakukan. Kesepakatan ulama' ini didasarkan pada fitrah manusia yang tidak boleh hidup sendiri, kerana tidak ada satu makhluk pun yang mampu memenuhi keperluannya tanpa pertolongan orang lain. Oleh kerana itu bentuk *qard* sangat digalakkan oleh agama Islam, kerana Islam adalah agama yang memperhatikan keperluan umatnya.

Pelaksanaan *qard* dalam koperasi Islam merupakan bentuk pelengkap perkhidmatan yang diberikan kepada para pelanggan maupun anggotanya untuk memotivasi kesetiaan dalam penggunaan. Adapun dana *qard* kerana ia diambil dari

<sup>133</sup> Syaikh Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007), *op.cit*, h. 897

<sup>134</sup> Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *Op.cit*, h. 131

modal koperasi awal atau boleh juga ia diambilkan dari dana *shadaqah*, zakat maupun infaq dari para muhsinin.

Terdapat beberapa manfaat daripada pelaksanaan *qard*, dapat kita lihat pada beberapa keadaan seperti berikut:

- (1) Dapat membantu pada pelanggan ataupun anggota yang sedang mengalami kesulitan dalam hal finansial untuk mendapatkan wang dengan segera
- (2) Bentuk *qard* ini juga merupakan salah satu ciri yang membezakan antara koperasi konvensional dengan koperasi Islam kerana di dalamnya terkandung misi sosial.
- (3) Kerana adanya misi sosial ini secara tidak langsung dapat meningkatkan kesetiaan para anggota dan citra baik di mata masyarakat terhadap koperasi Islam.<sup>135</sup>

Manakala rukun yang sepatutnya dipenuhi dalam transaksi *qard* ini ialah:

- (1) Pihak yang meminjamkan (*muqtariq*)
- (2) Pihak yang memberikan pinjaman (*muqtarad*)
- (3) Dana (*qard*)
- (4) Ijab dan Qabul (*Sighat*)<sup>136</sup>

## 2.8. Kesimpulan

Koperasi merupakan salah satu organisasi sosial masyarakat. Tujuan daripada Penubuhannya lebih mementingkan kepada perkhidmatan untuk masyarakat bukan motif mendapatkan keuntungan semata-mata. Oleh yang demikian konsep yang dilaksanakan

---

<sup>135</sup> Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *op.cit*, h.134

<sup>136</sup> Sunarto Zulkifli (2004), *op.cit*, h. 28

dalam koperasi berupa konsep kekeluargaan yang berfungsi menciptakan sebuah usaha bersama, seterusnya dapat menumbuhkan keakraban dan kedekatan antara anggota satu dengan lainnya yang memiliki tujuan sama, bekerja bersama untuk kepentingan yang sama. Sehingga koperasi menjadi alat untuk pembangunan ekonomi masyarakat am, iaitu melalui aktiviti kumpulan, kepentingan pribadi anggota dapat menjadi sebuah kekuatan yang memberikan manfaat bagi seluruh anggota kumpulannya.

Prinsip dan falsafah yang terdapat pada koperasi menunjukkan bahawa adanya perbezaan antara koperasi dengan lembaga selain koperasi. Prinsip dan falsafah itu di antaranya ialah keanggotaan bersifat sukarela, kawalan demokrasi anggota, adanya penglibatan ekonomi anggota, autonomi dan kebebasan, kerjasama antara koperasi, adanya latihan dan pendidikan untuk para ahlinya serta sikap prihatin terhadap masyarakat. Didukung dengan etika yang ditanamkan dalam koperasi berupa sifat şadiq, amanah, sifat ketulusan, dan sifat penyayang antara sesama. Hal ini sangat penting untuk difahami setiap anggota koperasi supaya dapat mengetahui matlamat sebenar penubuhan koperasi. Pengabaianya boleh menyebabkan anggota koperasi tidak faham etika berkoperasi, menyebabkan tidak berminat untuk menyertai aktiviti koperasi.

Manakala kewujudan koperasi Islam kerana adanya beberapa faktor iaitu untuk mengelak daripada amalan ribawai dan untuk mengamalkan amalan muamalah Islam serta untuk menumbuhkan sifat tolong menolong dan kebajikan sesama muslim, maka dalam pelaksanaan operasionalnya koperasi Islam tidak jauh berbeza dengan konsep *Musharakah al-Inan*.<sup>137</sup> Adapun prinsip-prinsip Islam yang dilaksanakan dalam koperasi syariah ialah prinsip *al-Tijārah* berupa *bay' al-Murābahah* dan *bay' as-Salam*, prinsip *al-Ijārah* dan prinsip *al-Qard al-Hasan* yang bermatlamatkan untuk membantu para ahli

<sup>137</sup> *Musharakah al-Innan* yakni kerjasama atau percampuran dana antara dua pihak atau lebih dengan porsi danan yang tidak harus sama.

dan pelanggannya pada bila-bila masa ia memerlukan modal dengan segera atau ketika terlibat dengan kecelakan/musibah.

University Of Malaya

**BAB TIGA:**  
**GAMBARAN UMUM PONDOK PESANTREN (PONPES) DAN**  
**KOPERASI PONDOK PESANTREN (KOPONTREN)**

**3.1 Pengenalan**

Kewujudan pondok pesantren tidak boleh dinafikan dari sejarah pendidikan Islam di Indonesia. Pondok pesantren merupakan lembaga pendidikan Islam tradisional tertua dan pertama muncul di Indonesia dan telah wujud sejak abad ke-13 masehi.<sup>138</sup> Pondok pesantren juga merupakan lembaga yang mewujudkan proses perkembangan sistem pendidikan nasional di Indonesia, kerana dilihat dari sejarah pesantren tidak hanya mengandungi erti keislaman sahaja tetapi pesantren merupakan ciri khas keaslian Indonesia. Oleh yang demikian lembaga seperti pesantren telah ada pada masa kekuasaan Hindu dan Budha. Manakala ajaran Islam meneruskan dan mengislamkannya.<sup>139</sup> Pernyataan itu sesuai dengan kalimat pesantren yang di ambil dari bahasa Hindi iaitu *Shastri* bermaksud orang-orang yang tahu buku-buku suci agama Hindu, atau seorang sarjana ahli kitab suci Agama Hindu.<sup>140</sup>

Kehadiran pondok pesantren dalam dunia pendidikan Islam di Indonesia memberikan kesan cukup besar. Walaupun Pondok pesantren tumbuh dan berkembang di desa, bersatu dengan kehidupan masyarakat atau disebut lembaga sosial masyarakat. Akan tetapi, dari pondok pesantren inilah sejarah madrasah atau sekolah Islam mula

---

<sup>138</sup> Mubin dan Hidayat (2006) “Kinerja Manajemen dan proses pembelajaran pada pondok pesantren Ibnu Amin Pamangkiyah Rasyidiyah Khaudiyah Amuntai dan Darussalam Martapura” *Jurnal Fikrah*, Jil. 5 Bil. 2, July – Desember, 2006, h. 1

<sup>139</sup> Nurcholish Madjid (1985) Merumuskan kembali Tujuan Pendidikan Pesantren dalam “*Pergulatan Dunia Pesantren Membangun dari Bawah*”, dalam Dawan Rahardjo (eds), Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, Media Pertama Offset, h. 3

<sup>140</sup> Sri Harningsih (2008) “Peran Strategis Pesantren, Madrasah Dan Sekolah Islam Di Indonesia” *Jurnal el-Tarawwi, Jurnal Pendidikan Islam*, jil. 1 bil. 1, 2008, h. 30

berkembang. Pada abad ke-20 dunia pendidikan di Indonesia mulai berkembang dari pesantren ke madrasah atau sekolah Islam. Ianya disebabkan wujudnya keinginan masyarakat untuk menyempurnakan sistem pendidikan pesantren yang hanya terhad pada fardhu ‘ain sahaja, penyesuaian dengan sistem pendidikan barat, adanya faktor pembaharuan Islam dan respon terhadap politik pendidikan Hindia Belanda.<sup>141</sup>

### 3.2 Gambaran Pondok Pesantren

Takrif pondok pesantren sebagaimana dijelaskan pada bab satu, iaitu pondok pesantren merupakan sebuah asrama tempat tinggal para santri dan pengajar-pengajarnya tinggal di dalamnya. Setiap individu dari mereka memiliki rasa untuk menjaga samada kebersihan maupun keamanan agar mereka dapat belajar dan menuntut ilmu dengan selesa. Oleh sebab itu pondok pesantren berbeza dengan hotel.<sup>142</sup> Berdirinya hotel kerana adanya keinginan seseorang untuk mendapatkan keuntungan dari apa yang telah ia tubuhkan. Manakala pondok pesantren tumbuh dan berkembang daripada keinginan masyarakat untuk mempunyai lembaga yang boleh menjadi tempat menuntut ilmu agama (*tafaqquh fī al-dīn*), sekaligus pondok pesantren juga sebagai tempat untuk membina dan mendidik generasi muda muslim dengan bekalan ilmu-ilmu agama, ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pelbagai ketramplinan hidup yang dapat menjadikan mereka pemimpin umat.<sup>143</sup>

<sup>141</sup> Sri Harningsih (2008) “Peran Strategis Pesantren, Madrasah Dan Sekolah Islam Di Indonesia” *Jurnal el-Tarbawi, Jurnal Pendidikan Islam*, jil. 1 bil. 1, 2008, h. 32

<sup>142</sup> Imam Zarkasyi (1939), “Pekan Perkenalan di Kulliyatu al-Mu’allimīn al-Islāmiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia” (Diktat kuliah Umum dalam pekan perkenalan dari tahun ke tahun), h. 7

<sup>143</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2009), “Membina Pesantren yang Mandiri; Pengalaman Pondok Modern Darussalam Gontor” (kertas kerja seminar Multaqi Institusi Tahfiz Kebangsaan Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur, Kuantan, 3 – 5 Mac 2009), h.1

Kejayaan pondok pesantren dari awal tertubuhnya pesantren hingga sekarang memberikan kesan yang cukup penting untuk sentiasa diteliti. Indikasi daripada itu kerana pondok pesantren memiliki sifat berdikari (berdiri sendiri), samada berdikari dalam kurikulum, pengurusan dan pentadbiran, kewangan ataupun perkara-perkara yang mendasar berkenaan dengan orientasi, tujuan dan nilai-nilai yang dilaksanakannya.<sup>144</sup> Pondok pesantren juga disebut sebagai alat transformasi budaya.<sup>145</sup> Nilai-nilai pendidikan yang diajarkan di pesantren mengarah kepada pembinaan manusia sebagai insan muslim yang berbekal iman, akhlak mulia dan mengajarkan pelbagai kemahiran untuk mengembangkan diri dalam pelbagai kemungkinan yang akan berlaku di masyarakat nantinya.<sup>146</sup> Oleh itu sehingga kini, kewujudan pondok pesantren sentiasa dipertahankan dan dikembangkan agar dapat memberikan sumbangan bagi kejayaan umat Islam, samada di dunia maupun diakhirat kelak dengan cara meningkatkan kualiti dan kuantitinya.

Manakala model pondok pesantren dewasa ini terbahagi kepada empat jenis model iaitu:

1. Pesantren yang mempertahankan keaslian identitinya sebagai tempat menuntut ilmu agama (*tafaqquh fī al-dīn*) bagi para santrinya. Iaitu pelajaran yang diajarkan terhad pada kitab-kitab klasik berbahasa arab yang ditulis para ulama' abad pertengahan (7 -13).
2. Pesantren yang mengajarkan kitab-kitab klasik dan pelajaran umum, dengan kurikulum yang ditetapkan sesuai dengan keperluan pesantren itu tanpa mengikuti kurikulum kerajaan.

---

<sup>144</sup> *Ibid*, h.1

<sup>145</sup> Dwi Mahrussalim (2008), “Partisipasi Pondok Pesantren Al-Manar Salatiga Dalam Pendidikan Kemasyarakatan Terhadap Santri” (kertas projek skripsi, Fakulti Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Surakarta), h. 2

<sup>146</sup> *Ibid*, h. 2

3. Pesantren yang mengajarkan pendidikan umum di dalamnya, samada berbentuk madrasah (sekolah umum yang memiliki ciri khas Islam di bawah naungan Jabatan Agama Kerajaan), sekolah umum (di bawah naungan Jabatan Pendidikan Kerajaan), ataupun universiti yang memiliki fakulti agama dan umum.
4. Pesantren yang dijadikan asrama untuk tempat tinggal para santri yang belajar di sekolah umum atau madrasah di luar pondok. Pendidikan yang diajarkan di pesantren ini diajar di luar waktu-waktu belajar di sekolah.<sup>147</sup>

### **3.3 Unsur-Unsur Asas Pada Pondok Pesantren**

Pondok pesantren merupakan lembaga swasta yang berasal daripada masyarakat, diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat.<sup>148</sup> Sejak pesantren wujud hingga saat ini, pesantren tetap mampu menunjukkan kemampuannya sebagai lembaga yang berdiri sendiri (*berdikari*). Hal itu disebabkan pesantren memiliki beberapa potensi yang tidak dimiliki oleh lembaga pendidikan selain pondok. Samada potensi itu berupa sumber manusia (santri, kiai, staf guru dan masyarakat sekitar yang turut menyokong kejayaan pesantren) mahupun potensi sumber alam (tanah, bangunan dan lahan pertanian). Oleh kerananya, sebuah lembaga pendidikan dapat dinyatakan sebagai pondok pesantren, apabila lembaga tersebut memiliki unsur-unsur asas pesantren.

Di antara unsur-unsur yang harus ada pada sebuah pesantren ialah:

#### **1) Kiai**

Perkataan kiai hanya digunakan di negara Indonesia. Kiai yang memiliki tiga erti iaitu sebagai gelaran kehormatan untuk sesuatu barang yang dianggap keramat, kiai

<sup>147</sup> Maimun dan Subki (2007), "Modernisasi Pengelolaan Pendidikan Pesantren; Studi Kasus di Pondok Pesantren Nurul Haramain Puteri Narmada", *Jurnal Penelitian Keislamanan*, jil. 3, bil. 2, Jun 2007, h.4

<sup>148</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2009) *Op.cit*, h. 1

sebagai kata panggilan untuk orang-orang tua amnya, dan kiai bermaksud suatu gelaran yang diberikan masyarakat kepada seorang yang memiliki ilmu agama atau seorang yang memiliki sebuah pondok pesantren dan ia mengajarkan kitab-kitab klasik kepada para santrinya.<sup>149</sup>

Dalam kajian ini, kiai yang dimaksudkan ialah seorang yang memiliki ilmu agama dan mengajar ilmunya kepada para santri di sebuah pondok pesantren. Samada pondok pesantren itu milik penuh kiai atau pondok itu telah diwakafkan kepada umat Islam. Sehingga kiai merupakan unsur paling utama pada lembaga pondok pesantren.<sup>150</sup>

## 2) Masjid

Sepanjang sejarah pengembangan ilmu agama Islam sejak zaman Nabi Muhammad SAW, hingga sekarang tidak lepas dari wujudnya sebuah masjid. Masjid merupakan tempat yang sesuai untuk berdakwah, solat lima waktu dengan berjamaah, bahkan masjid pada masa dahulu dijadikan sebagai pusat kehidupan rohani, sosial dan politik. Tidak hairanlah pada lembaga pendidikan seperti pondok pesantren menjadikan masjid sebagai unsur yang penting.

## 3) Santri

Istilah santri hanya digunakan pada pondok pesantren, berbeza dengan kalimat pelajar yang digunakan untuk seorang yang menuntut ilmu pengetahuan di sekolah formal. Kewujudan santri di pondok pesantren juga merupakan faktor penting. Tanpa ada seorang santri yang belajar ilmu agama kepada seorang ‘*ālim*, maka pondok

<sup>149</sup> Mayra Wals (2002) “Pondok Pesantren dan Ajaran Ekstrim; studi kasus di Pondok Pesantren Moden Puteri Darur Ridwan, Parangharjo, Banyuwangi ” (Kerta projek kerja, fakulti ilmu sosial dan politik, Universiti Muhammadiyah Malang), h. 9

<sup>150</sup> *Op.cit*, Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), h. 95

pesantren tidak akan wujud. Hal itu disebabkan para santri yang menubuhkan pondok pesantren bukan kiai.<sup>151</sup> Selalunya santri terdiri dari dua kumpulan, iaitu santri yang menetap di pondok pesantren disebut santri mukim dan santri yang tidak menetap di pondok pesantren atau selepas belajar mereka pulang ke rumah masing-masing disebut santri kalong.<sup>152</sup>

#### **4) Asrama atau Pondok**

Asrama atau pondok merupakan sebuah bangunan untuk tempat sementara santri, seperti madrasah sebagai tempat mengaji santri atau belajar agama Islam.<sup>153</sup> Manakala besar ataupun kecilnya bangunan sebuah pondok, bergantung kepada ramainya santri yang bermukim di pondok tersebut.<sup>154</sup>

#### **5) Kitab-kitab klasik**

Kitab-kitab klasik atau kitab turath, merupakan faktor yang membezakan pesantren dengan lembaga pendidikan lainnya. Pada dasarnya seorang santri dikatakan telah menuntut ilmu di pesantren, kalau telah belajar kepada seorang kiai berupa kitab-kitab klasik atau yang di dalamnya mengkaji ilmu-ilmu agama. Seperti ilmu feqah, tafsir, tauhid, hadith, nahwu, sorf dan lainnya. Matapelajaran nahwu dan feqah selalunya mendapat porsi yang lebih dibanding dengan materi yang lain, hal itu kerana ilmu nahwu adalah ilmu kunci bahasa Arab, manakala matapelajaran feqah dipandang sebagai ilmu yang banyak berhubungan dengan keperluan di masyarakat. Tidak hairan apabila para

---

<sup>151</sup> *Op.cit*, Imam Zarkasyi (1939), h. 7

<sup>152</sup> *Op.cit*, Mayra Wals (2002), h. 10

<sup>153</sup> Lihat. Tim penyusun Kamus Besar Indonesia (1988) *Kamus Besar Indonesia*, Jakarta: Pusat Pembina dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia, h. 695

<sup>154</sup> *Op.cit*, Mayra Wals (2002), h. 10

pakar menyebut bahawa sistem pendidikan Islam di pesantren bersifat *fiqh oriented* atau *nahwu oriented*.<sup>155</sup>

### 3.4 Sistem Pendidikan pada Pondok Pesantren

Sistem pendidikan yang berlaku di pondok pesantren tidak sama dengan sistem pada lembaga pendidikan Islam selain pesantren. Hal itu kerana santri mendapatkan pendidikan dan pengawasan secara intensif selama 24 jam oleh kiai mahupun para pentadbir di pesantren. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh kiai untuk mendidik santri-santrinya, dengan tujuan santri dapat mengembangkan ketramplannya agar mereka selepas tamat dari pesantren berupaya hidup berdikari. Manakala sistem pembelajaran yang selalu dilaksanakan di pesantren ialah sistem *sorogan* atau sistem individu (*talaqqī*) iaitu setiap santri mendapat kesempatan untuk belajar secara langsung dengan kiai dan sistem *bandongan* atau *wetonan* iaitu pembelajaran yang dilaksanakan secara kumpulan.<sup>156</sup> Dengan demikian sistem pembelajaran di pondok pesantren tidak kalah hebatnya dengan sistem pembelajaran yang dilaksanakan di sekolah formal seperti SPM, PMR mahupun Universiti.<sup>157</sup>

Pada dasarnya pendidikan yang diajarkan di pondok pesantren ialah mendidik seorang santri untuk memiliki akhlak mulia, bertaqwa kepada Allah dengan menjalankan segala sunah rasulNya, sehingga selepas menamatkan pelajarannya dari pesantren seorang santri mampu berdikari, memiliki pengetahuan luas, berfikiran bebas dan berkhidmat kepada masyarakat sebagaimana yang telah ditunjuk ajar oleh Nabi

<sup>155</sup> Pondok Pesantren Darul Rahman, <http://www.ikdar.com/>, 30 July 2010

<sup>156</sup> *Op.cit*, Mayra Wals (2002), h. 14

<sup>157</sup> *Op.cit*, Mubin dan Hidayat (2006), h. 129

Muhammad SAW. Oleh kerana pesantren memandang bahawa kunci kejayaan hidup di kalangan masyarakat adalah moral agama.<sup>158</sup>

Ada beberapa prinsip yang diajarkan dalam pendidikan di pesantren, dan prinsip-prinsip inilah yang memberikan ciri khas kepada pendidikan Pondok Pesantren daripada lembaga pendidikan Islam selain pesantren, antaranya ialah:

1. Polisi yang dilaksanakan sesuai dengan ajaran Islam. Santri dibantu untuk memahami makna hidup, dididik untuk memiliki rasa tanggung jawab dalam masyarakat.
2. Pendidikan di Pesantren memiliki kebebasan yang terpimpin. Iaitu kebebasan dalam berbuat dan berkarya sesuai dengan nilai-nilai ajaran Islam.
3. Pesantren bersifat berdiri sendiri (*berdikari*). Samada santri mahupun pondok pesantrennya yang tidak mengharapkan bantuan dari orang lain.
4. Memiliki kebersamaan yang tinggi. Samada ketika masih di pondok pesantren mahupun sudah berada di luar pesantren.
5. Penghormatan yang tinggi pada kiai dan para pembantunya.
6. Sikap kesederhanaan. Sederhana dalam segala hal, tingkah laku, ucapan, pakaian, makanan dan lain-lainnya.<sup>159</sup>

### **3.5 Pengenalan Kopontren**

Sebagaimana penjelasan pada bab dua, koperasi Islam ditubuhkan atas kesedaran sekumpulan masyarakat yang ingin mengembalikan Islam ke taraf yang sebenarnya

<sup>158</sup> Salim Akhmadiyanto (2007) “Profil Pondok Pesantren Asrama Perguruan Islam Tegalrejo Sebagai Media Dakwah Islam di Kabupaten Magelang Tahun 1950 hingga 2006 ” (kertas Projek kerja Skripsi, fakulti Ilmu Sosial bahagian Sejarah Universiti Negeri Semarang), h. 49

<sup>159</sup> Sekolah Tinggi Agama Islam Luqman Al-Hakim, <http://www.stail.ac.id/index.php?option=com>, 29 July 2010

sebagai satu cara hidup masyarakat Islam, termasuklah aktiviti ekonomi yang merupakan sebahagian cara hidup Islam itu sendiri. Antara faktor yang mempengaruhi umat Islam untuk menubuhkan suatu koperasi yang mengamalkan prinsip ekonomi Islam di antaranya ialah:

- (1) Untuk mengelak daripada terlibat dengan amalan riba. Dengan adanya koperasi yang mengamalkan prinsip ekonomi Islam, amalan pinjaman secara riba dielakkan.
- (2) Untuk melaksanakan *mu'amalat* Islam, seperti jual beli, sewa menyewa, al-musyarakah, dan al-Mudharabah yang selama ini tersimpan rapi dalam bentuk teori sahaja.
- (3) Untuk memupuk kesedaran dan melahirkan amalan tolong menolong dan kebajikan sesama muslim.<sup>160</sup>

Di samping itu semua sikap kerjasama dan tolong menolong pada hakikatnya telah disyariatkan semenjak nabi Muhammad diutuskan untuk menyempurnakan agama Islam. Di sinilah konsep kerjasama dalam ekonomi (koperasi) direalisasikan. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Māidah:2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الإِثْمِ وَالْعُدُوانِ

Maksudnya:

“Tolong menolonglah kamu di dalam mengerjakan kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu bertolong menolong di dalam membuat dosa dan perseteruan”

surah al-Maidah (5): 2

---

<sup>160</sup> Zainal Abidin Hashim (1997) *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*, Kuala Lumpur: Dewa Bahasa dan Pustaka. Hal: 45

Islam juga merupakan ajaran samawi yang mengajar ummatnya supaya tidak berbuat zalim dalam semua bentuk amalan, bahkan ajaran Islam dijadikan *Rahmatan lil 'Ālamīn* (rahmat untuk semesta alam). Oleh yang demikian Islam menentang segala bentuk penindasan, penganiayaan, penipuan, penimbunan harta dan seluruh unsur perekonomian yang tidak sihat. Salah satu contoh berlakunya konsep ekonomi moden yang mengandungi unsur riba ialah koperasi konvensional. Sebagaimana Allah telah melarang amlan tersebut, sesuai dengan firmanNya:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا

Maksudnya:

*“Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba..”*

Surah al-Baqarah (2): 275

Kewujudan Pondok Pesantren di tengah-tengah masyarakat yang dinamik, mampu mengerakkan sumber potensi yang ada, samada sumber manusia (tenaga) mahupun sumber alam (dana).<sup>161</sup> Salah satu model pengembangan ekonomi pesantren iaitu dengan menujuhkan sebuah koperasi yang berada di tengah-tengah pondok pesantren atau disebut sebagai Koperasi Pondok Pesantren (Kopontren).

### 3.6 Gambaran Umum Kopontren

Dalam usaha membentuk masyarakat madani, lembaga pendidikan memiliki cabaran-cabaran iaitu untuk berperanan secara aktif. Peranan lembaga Islam seperti pondok pesantren tidak hanya terhad kepada pembelajaran ketuhanan sahaja, akan tetapi

<sup>161</sup> Lihat Sujari (2008) “Pendidikan Pondok Pesantren Tradisional dalam Prespektif Pendidikan Islam Indonesia” (Skripsi Program Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember), h. 45

diharapkan dapat memberikan peranan pada kehidupan secara universal. Pondok pesantren di Indonesia merupakan lembaga alternatif yang diminati ramai di kalangan masyarakat awam. Hal itu disebabkan adanya tiga fungsi utama pesantren iaitu: *pertama*, Pesantren sebagai pusat melahirkan pemikir-pemikir agama (*centre of excellent*), *kedua* lembaga yang melahirkan sumber manusia (*human resource*), *ketiga* lembaga yang memiliki kekuatan pembangunan masyarakat (*agent of development*), dan *keempat* pesantren juga sebagai tempat perubahan sosial (*social change*).<sup>162</sup> Sehingga pesantren dari tahun ke tahun sentiasa mengalami perkembangan dan kemajuan, hal ini nampak dari ramainya santri-santri yang berminat untuk menuntut ilmu di pesantren. Pesantren adalah lembaga pendidikan Islam yang mewarisi dan memelihara kelanjutan tradisi-tradisi Islam yang telah dikembangkan para ulama' dari semasa ke semasa dan bukan hanya terhad pada satu masa sahaja<sup>163</sup>. Tiadakekangan dan kesukaran bagi pesantren untuk mengatur dalam rangka penyesuaian terhadap pelbagai macam perubahan yang terjadi samada dalam perkara-perkara mengenai pendidikan mahupun ekonomi pesantren. Hal itu disebabkan ianya merupakan lembaga yang memegang kunci penting sebagai motivator dan inovator masyarakat.<sup>164</sup>

Kewujudan koperasi di tengah-tengah pondok pesantren merupakan salah satu usaha untuk memenuhi keperluan para penghuninya dengan tidak mengharapkan belas kasihan dari pihak luar, hal ini terbukti dengan sejarah penubuhan kopontren iaitu dengan adanya sokongan dan kemahuan masyarakat atau kiai yang tidak bergantung kepada bantuan kerajaan<sup>165</sup>. Maka tidak hairan sekiranya kopontren sangat berpotensi mendorong

<sup>162</sup> Suhartini (2005) "Problem Kelembagaan Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren" A. Halim, et al. (eds), *Manajemen Pesantren*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren, LKiS Pelangi Aksara, h. 233

<sup>163</sup> Sujari (2008), *op.cit*, h. 49

<sup>164</sup> Suhartini (2005), *op.cit*, h. 233

<sup>165</sup> Sambutan Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil Menengah Indonesia cabinet 2009 – 2014 oleh: Suryadharma Ali pada jum'at 22 ogos 2009, <http://alkautsar.co.nr>, 26 ogos 2009.

kesejahteraan rakyat kecil secara lebih cekap dan segera, kerana gerakannya lebih kepada masyarakat sekitar pesantren.

Koperasi pondok pesantren sebagai salah satu lembaga ekonomi yang berada di desa, ianya ditujukan sebagai tempat kegiatan ekonomi bagi warga pesantren dan masyarakat sekitar pondok yang memerlukan bantuan. Oleh itu konsep yang digunakan tidak jauh berbeza dengan Koperasi Unit Desa (KUD) atau koperasi kampung. Manakala dari segi yang lain kopontren sebagai tempat belajar bagi para santri-santrinya dan diharapkan agar lepasan dari pesantren boleh berurusniaga dan berdikari dalam menjalankan ekonomi dan dalam masa yang sama kopontren juga dapat mengembangkan aktiviti ekonomi agar mampu memenuhi keperluan dan kepentingan ekonomi bagi para santri mahupun masyarakat sekitar pondok, maka konsep yang digunakan dalam kopontren ini ialah koperasi sekolah.<sup>166</sup>

Kopontren merupakan koperasi yang memiliki aspek-aspek keistimewaan untuk memiliki matlamat dan memberi perkhidmatan kepada ahli-ahlinya. Walaupun demikian aktiviti kopontren juga bukan sekadar untuk mendapatkan keuntungan sahaja atau hanya sebuah gabungan manusia, akan tetapi kopontren merupakan gabungan modal dan pengurusan kopontren berdasarkan prinsip demokrasi yang tidak dipengaruhi kepada faktor pemilikan saham di kalangan ahlinya. Selain itu, kelebihan dari keuntungan yang diperolehi daripada urusniaga tersebut akan dibahagikan secara sama rata dan adil yang bukan berdasarkan kepada pemilikan modal saham semata-mata.<sup>167</sup>

<sup>166</sup> Lihat, Studi Pengembangan Usaha Koperasi Pondok Pesantren (1998) Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil,T.T.P, Departemen Koperasi dan PPK, h.10

<sup>167</sup> Ahmad Ghazali (1987) “Mengenai Koperasi dan Menilai Kelebihan dan Kelemahan dalam Mengarungi Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia”, (dalam Seminar Koperasi Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan kerjasama Angkatan koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, T.T.P. Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi), h. 14

### **3.7 Implementasi Nilai dan Prinsip Di Kopontren**

Koperasi pondok pesantren dapat berkembang dengan pesat, ini kerana di dalamnya terdapat nilai dan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan. Kopontren bukan hanya menanamkan perilaku dalam urusniaga sahaja, tetapi ia juga berusaha untuk mendapatkan keuntungan sebanyak mungkin. Kopontren juga telah melaksanakan prinsip muamalat yang sesuai dengan koperasi pondok pesantren, amalan itu berasaskan pada ajaran Islam iaitu ibadah yang bertujuan pembinaan taqwa.<sup>168</sup> Beribadah bukan hanya tertumpu kepada satu amalan ukhrawi sahaja (*akhirat*), tetapi dalam urusniaga juga boleh diniatkan untuk beribadah. Erti ibadah mencakupi segala apa-apa yang dicintai Allah dan diredhai, baik dalam bentuk ucapan, perbuatan, yang jelas dilihat mahupun yang tersembunyi.<sup>169</sup> Berkoperasi merupakan aplikasi pelaksanaan mua'amalat yang apabila ianya dijalankan sesuai dengan syarak Islam maka kegiatan berkoperasi juga termasuk dalam makna beribadah.

Dalam pelaksanaannya nilai-nilai yang dipupuk dalam kopontren ialah ajaran-ajaran yang dapat membentuk para pelakunya untuk hidup bermasyarakat, sentiasa menjaga ukhuwah persaudaraan antara satu dengan yang lainnya dan semua itu berasaskan ibadah kerana Allah. Hal itu disebabkan sistem nilai yang mengasasi kehidupan kopontren sepenuhnya berasaskan pada sistem nilai ajaran Islam yang bersumber kepada:

- 1). al-Qurān sebagai sumber utama
- 2). al-Hadith Nabawi sebagai sumber yang kedua setelah al-Quran
- 3). Amalan para sahabat Nabi (*al-Khulafā' al-Rāshidīn*)
- 4). Pemikiran klasik beberapa ilmuan Islam

<sup>168</sup> M. Yatimin Abdullah (2007) *Studi Akhlak dalam prespektif al-Qur'an*, Jakarta: Sinar Grafika Offset, h.7

<sup>169</sup> Syaikh Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007), *op.cit*, h.70

- 5). Pemikiran atau tulisan ilmuan Islam kontemporari.
- 6). Pemikiran di kalangan para ilmuan moden samada barat atau timur.<sup>170</sup>

### **3.7.1 Nilai-Nilai Dalam Kopontren**

Ada beberapa perbezaan antara koperasi pondok pesantren dengan koperasi umum yang lain, selain daripada anggota kopontren memiliki ikatan rasmi di antara ahli-ahlinya, kopontren juga lebih menumpukan pada pencapaian jangka panjang. Oleh itu, perjalanan kopontren berpandukan kepada prinsip dan sistem tertentu supaya dapat bergerak dengan teratur dan dapat menghasilkan manfaat yang maksimum kepada anggota-anggotanya. Konsep yang dilakukan pada kopontren berasaskan kepada usaha mewujudkan manfaat serta kebaikan melalui aktiviti bersama oleh mereka yang percaya bahawa tindakan bersama itu lebih berkesan daripada tindakan bersendirian.<sup>171</sup> Manakala falsafah dan nilai moral pada kopontren iaitu menganjurkan amalan kepada nilai-nilai sosial seperti persaudaraan, tolong menolong, bekerja dengan ikhlas, sifat jujur dan menyokong untuk persaingan dalam hal kebajikan. Semua perkara-perkara itu berasaskan pada ajaran syariat Islam, sesuai dengan dalil dari al-Qur'an dan membentuk ciri-ciri sosial seperti berikut:

#### **(1). Persaudaraan**

Persaudaran pada kopontren bermaksud wujudnya sifat *Ukhuwah Islamiyyah* di antara mereka, samada di kalangan anggota kopontren mahupun masyarakat sekitar yang beragama Islam. Persaudaraan yang terjalin dalam ukhuwah islamiyyah tersebut berasaskan pada keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT, oleh yang demikian

<sup>170</sup> Ilhaamie bt. Abdul Ghani Azmi (2001) "Pengurusan dari Perspektif Islam", *Jurnal Syari'ah*. Jil.9. bil. 2. 2001, h. 85 - 102

<sup>171</sup> Ahmad Ghazali (1987), *op.cit*, h. 3

apabila terjadi sebuah masalah mahupun masalah dalam pelaksanaan di kopontren sentiasa diselesaikan dalam mesyuarat antara mereka dengan maksud *lā nūrīdu illa al-islāh* ertinya tidak ada yang diharapkan selain untuk kebaikan bersama. Sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Hujarat (49): 10.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْرَوْهُ فَاصْلِحُوهُ بَيْنَ أَخْوَيْكُمْ، وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang mukmin adalah bersaudara, kerana itu damaikanlah antara kedua saudaramu dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu mendapat rahmat.”

Surah al-Hujarat (49): 10

## (2). Tolong Menolong

Status anggota pada kopontren bersifat terbuka untuk seluruh penghuni pesantren mahupun masyarakat sekitar. Sehingga mereka saling tolong menolong untuk mencapai kejayaan bersama. Hal itu disebabkan wujudnya nilai yang diajarkan dalam pesantren yang berpandukan pada al-Quran dan al-Hadith.

Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Taubah (9): 71;

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بَعْضُهُمْ أَوْلَيَاءُ بَعْضٍ، يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ

Maksudnya:

“Orang-orang yang mukmin lelaki dan mukmin perempuan, setengahnya adalah jadi pembantu bagi yang setengahnya, mereka menyuruh kepada kebaikan dan menegah daripada kejahanatan”

Surah al-Taubah (9): 71

## (3). Berkerja Dengan Ikhlas

Ikhlas bererti tidak merasa terpaksa, benar-benar murni, dan tulus.<sup>172</sup> Nilai keikhlasan dalam kopontren bersifat universal, iaitu melaksanakan aktiviti bukan kerana adanya sokongan untuk mendapatkan suatu keuntungan berupa wang. Para kiai ikhlas dalam mengajar dan santri ikhlas dalam belajar. Hal itu kerana orientasi pendidikan dalam pesantren iaitu menuntut ilmu (*Talābu al-‘ilmi*)<sup>173</sup> bukan mencari keuntungan berupa wang. Sehingga seluruh aktiviti yang dilakukan di pesantren berasaskan niat yang tulus mencari redha Allah. Sifat keikhlasan inilah yang menjadikan koperasi di pondok pesantren dapat terus bertahan. Sesuai dengan firman Allah dalam surah al-Haj: 37.

لَنْ يَنَالَ اللَّهُ لُحُومُهَا وَلَا دِمَاؤُهَا وَلَكِنْ يَنَالُهُ التَّقْوَىٰ مِنْكُمْ، كَذَلِكَ سَخَرَهَا لَكُمْ لِتُكَبِّرُوا

اللَّهُ عَلَىٰ مَاهَدِيٍّ كُمْ وَبَشِّرِ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

"Daging-daging unta dan darahnya itu sekali-kali tidak dapat mencapai (keredhaan) Allah, tetapi ketaqwaan dari kamu lah yang dapat mencapainya. Demikianlah Allah telah menundukkanmu untuk kamu supaya kamu mengagungkan Allah terhadap hidayah-Nya kepada kamu. Dan berilah kabar gembira kepada orang-orang yang berbuat baik."

Surah al-Haj (22):37

#### (4). Jujur

Koperasi di pondok pesantren dijadikan sebagai alat pengembangan ekonomi pondok, di samping itu matlamat penubuhan kopontren yang lain iaitu untuk mendidik para santri dan penghuni pesantren berlatih dalam urusniaga. Dengan turut serta dalam aktiviti di kopontren diharapkan para santri dan penghuni pondok dapat menjadi muslim sejati yang memiliki jiwa berurusniaga dengan berpandukan nilai-nilai kejujuran dalam segala hal. Oleh yang demikian ajaran yang ditanamkan dalam

<sup>172</sup> Hasan Saleh dkk(2008) *Kajian Fiqh Nabawi dan Fiqh Kontemporer*, Jakarta: Rajawali Press, h. 19

<sup>173</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2009), "Membina Pesantren yang Mandiri; Pengalaman Pondok Modern Darussalam Gontor" (kertas kerja seminar Multaqqa Institusi Tahfiz Kebangsaan Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur, Kuantan, 3 – 5 Mac 2009), h.5

berurusniaga di pesantren iaitu nilai kejujuran. Hal itu telah disedari setiap mereka bahawa apa yang dilakukan di manapun tempatnya Allah Maha mengetahui.

Sesuai dengan firman Allah yang memberikan ganjaran bagi mereka yang memiliki sifat kejujuran.

هَذَا يَوْمٌ يَنْفَعُ الصَّادِقِينَ صِدْقُهُمْ، لَهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَرُ حَلِيلِينَ فِيهَا أَبْدًا.

Maksudnya:

*“Ini adalah suatu hari yang bermanfaat bagi orang-orang yang benar kebenarannya. Bagi mereka syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya”*

Surah Al-Māidah (5): 119

## (5). Motivasi Bersaing Dalam Hal Kebajikan

Dalam koperasi pondok pesantren prinsip motivasi untuk bersaing dalam hal kebajikan sangat dialu-alukan. Sesuai dengan ajaran agama Islam yang tidak boleh pasif atau berdiam diri tanpa adanya perubahan. Makna bersaing menurut kopontren ialah bersaing dalam hal kualiti, samada kualiti dalam kerja para pengurus mahupun anggota kopontren atau kualiti dari hasil barang yang dihasilkan untuk bersaing dengan industri lain. Hal ini sesuai dengan firman Allah iaitu:

فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا، فَيُبَيِّنُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ

Maksudnya:

*“Maka berlomba-lombalah dalam hal kebajikan. Hanya kepada Allahlah kalian semua dikembalikan, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang tetap kamu perselisihkan itu”*

Surah al-Māidah (5): 48

### **3.7.2 Prinsip Dasar Koperasi Pada Kopontren**

Pada dasarnya prinsip dasar pada kopontren tidak berbeza dengan koperasi pada amnya. Hal itu disebabkan kopontren dalam melaksanakan aktiviti ekonominya tidak sepenuhnya memiliki prinsip dasar sendiri. Akan tetapi kopontren masih mengikut panduan dan tuntunan koperasi konvensional. Oleh sebab itu prinsip dasar yang ada pada koperasi konvensional seperti sifat anggota yang terbuka, demokrasi dalam pengurusan, penetapan keuntungan, pendidikan bagi anggota, berdikari, kerjasama dengan pelbagai pihak, masih dijadikan pedoman. Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk mempraktikkan prinsip asas koperasi pada kopontren dapat dilihat seperti berikut:

#### **(1). Sifat anggota pada kopontren**

Pada umumnya anggota di koperasi konvensional bersifat sukarela dan terbuka untuk masyarakat am. Seseorang diberi peluang menyakinkan diri untuk menjadi ahli tanpa paksaan dan dengan sukarela, ia bebas menarik diri bila-bila masa dengan tidak menjelaskan kepentingan orang lain. Hal itu sesuai dengan Undang-Undang No 29 tahun 1992 yang mendedahkan tentang kewajiban dan hak anggota. Manakala pada koperasi pondok pesantren secara amnya telah melaksanakan perkara-perkara tersebut, di antaranya iaitu:

Kewajiban anggota Kopontren:

1. Mematuhi Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga (AD&ART)<sup>174</sup> serta keputusan yang telah dipersetujui dalam mesyuarat jawatan kuasa.
2. Mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh kopontren.
3. Mengembangkan dan memelihara kebersamaan berdasarkan kekeluargaan.

---

<sup>174</sup> AD & ART atau Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga, bermaksud suatu asas operasional padasuatau organisasi mahupun persatuan yang harus dilaksanakan oleh organisasi tersebut, yang di dalamnya mengandungi visi, misi, tujuan, tugas setiap bahagian suatu organisasi.

Manakala hak anggota kopontren:

1. Menghadiri, menyatakan pendapat, bebas bersuara dalam mensyuarat agong tahunan.
2. Memilih atau dipilih menjadi anggota pengurus.
3. Meminta diadakan mesyuarat ahli mengikut penetapan dalam Anggaran Dasar
4. Mengemukakan pendapat serta saranan kepada pengurus di luar mesyuarat ahli.
5. Mendapat keterangan mengenai perkembangan koperasi mengikut penetapan dalam Anggaran Dasar.<sup>175</sup>

## (2). Sifat demokrasi dalam pengurusan

Pengurusan kopontren dikendalikan melalui mesyuarat agong dan keputusan dibuat berdasarkan undi terbanyak. Dasar demokrasi dalam pelaksanaan di kopontren berasaskan pada firman Allah:

وَالَّذِينَ اسْتَحْجَبُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Maksudnya:

*“Dan mereka yang melaksanakan perintah-perintah tuhannya serta mendirikan Solat dan mengadakan musyawarah dalam permasalahannya di antara mereka serta menginfakkan sebahagian harta yang ia terima”*

Surah al-Hujurat (49):13

Walaupun prinsip koperasi konvensional ini tidak berjalan sepenuhnya di kopontren, akan tetapi pesantren tetap bergerak dalam nilai-nilai murni seperti kejujuran, keterbukaan, mengambil berat terhadap sesama ahli serta sifat melindungi dari kiai terhadap santri khasnya dan masyarakat sekitar pesantren pada amnya. Oleh yang demikian matlamat yang hendak dicapai secara bersama melalui kopontren masih dapat

<sup>175</sup> Hudiyanto (2002) “Koperasi: Ideologi dan Pengelolaannya”, (Projek Peningkatan Penelitian Pendidikan Tinggi) (T.T.P): Departemen Pendidikan Nasional, h. 122

dirasai. Hal ini membuktikan bahawa manfaat bersama dalam wadah kopontren masih dapat dicapai meskipun dasar koperasi kurang dilaksanakan secara sempurna.<sup>176</sup>

### **(3). Bentuk penetapan keuntungan pada kopontren**

Matlamat penubuhan koperasi pada pondok Pesantren iaitu supaya dapat menolong dan membantu ekonomi di pondok pesantren, terutamanya aktiviti belajar dan mengajar dapat berjalan dengan baik. Agama Islam tidak melarang adanya usaha ekonomi yang menghasilkan keuntungan, akan tetapi dalam pengambilan keuntungan harus sesuai dengan ajaran yang diajarkan oleh syariah Islam.

Konsep penetapan keuntungan yang digunakan di sebuah koperasi pondok pesantren berasaskan beberapa unsur-unsur berikut;

- (1.) Bebas dari unsur riba
- (2.) Bebas dari unsur *zalim* yang berpunca daripada penipuan (*taghrir*)
- (3.) Bersih daripada unsur penipuan (*gharar*)
- (4.) Tiada unsur monopoli (*ihtikar*).<sup>177</sup>

### **(4). Pendidikan anggota kopontren**

Prinsip dasar pendidikan anggota yang sentiasa diamalkan oleh koperasi konvensional ini tidak selalunya ada pada kopontren. Hal ini disebabkan adanya masalah untuk mengundang pakar koperasi ke pondok pesantren, samada masalah itu dari luar maupun dari dalam seperti sifat eksklusif daripada kiai atau susahnya mencari pakar tentang kopontren. Akan tetapi hal itu tidak berlaku pada setiap kopontren, ada juga beberapa kopontren yang bersifat terbuka, memberikan pendidikan kepada para ahlinya

---

<sup>176</sup> Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998), *op.cit*, h. 20

<sup>177</sup> Lihat. Shamsiyah Mohammad (2002) “Ciri-ciri keuntungan menurut Perspektif Islam”, *Jurnal Syariah*, jil.10, bil. 1

agar memiliki pengetahuan yang boleh dimanfaatkan kepada perkembangan kopontren nantinya, maka pihak kopontren menyediakan program pendidikan anggota samada secara berterusan mahupun berkala.<sup>178</sup>

#### **(5). Sifat berdikari pada kopontren**

Tujuan penubuhan kopontren adalah untuk meningkatkan dan mengembangkan potensi pesantren dalam menjayakan aktiviti ekonomi yang produktif, inovatif yang sejajar dengan syariah Islam. Kopontren telah merealisasikan tujuan penubuhan tersebut dalam bentuk pelaksanaannya yang berdasarkan autonomi dalam usaha ekonomi. Berdikari bukan bererti ego, akan tetapi bermaksud sikap saling tolong menolong yang diwarnai dengan kerjasama.

#### **(6). Sifat kerjasama pada kopontren**

Kopontren sentiasa bersikap terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak, selagi kerjasama itu berdasarkan kepada kebaikan bukan kerjasama dalam hal keburukan. Hal ini sesuai dengan asas yang termaktub dalam al-Qur'an iaitu memerintahkan untuk saling berkerjasama dalam hal kebaikan.

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَى وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الإِثْمِ وَالْعُدُوانِ

Maksudnya:

*"Tolong menolonglah kamu di dalam mengerjakan kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu bertolong menolong di dalam membuat dosa dan perseteruan"*

Surah al-Māidah (5): 2

<sup>178</sup> Hamat @ Mustafa Abd. Rahman (1989) "Aktiviti Perkoperasian dari kacamata Islam" (dalam seminar ke Arah pembangunan koperasi: satu pendekatan semula), 15 – 17 november 1989,T.T.P, T.P, h.1

### **3.8 Matlamat Penubuhan Kopontren**

Penubuhan kopontren di samping sebagai pelindung ekonomi agar pondok pesantren sentiasa boleh bertahan dan berkembang dalam apa juga bentuk keadaan dan situasi ekonomi negara. Kewujudan kopontren juga merupakan bentuk media pembelajaran bagi santri dan guru dalam menghuraikan hukum muamalat secara langsung. Islam bukan hanya mengamalkannya dalam ibadah malah agama Islam juga mengandungi hukum syariat dalam kehidupan manusia. Oleh yang demikian, pondok pesantren bermaksud melahirkan ulama dan juga pengajar yang bukan hanya mengetahui ilmu agama sahaja, bahkan juga ulama yang pandai dalam perniagaan.

Koperasi pondok pesantren mempunyai persamaan dengan koperasi yang lain yang ditubuhkan atas dasar adanya kesamaan keperluan di antara para anggotanya. Keperluan yang sama ini selanjutnya diusahakan sepenuhnya melalui pembentukan usaha. Dengan adanya usaha yang dibentuk secara bersama-sama diharapkan keperluan-keperluan itu dapat dipenuhi dengan cara yang lebih baik dibandingkan dengan apa yang dilakukan secara individu atau perseorangan. Kesedaran tentang batasan kemampuan serta adanya kemauan untuk menyatukan diri demi kepentingan bersama juga merupakan faktor terpenting berdirinya kopontren. Usaha seperti ini biasanya didasari oleh suatu cita-cita yang murni untuk menolong diri sendiri atas dasar keyakinan bahawa dengan cara bersatu akan mampu untuk mencapai cita-citanya.<sup>179</sup>

Walaupun penubuhan koperasi dengan kopontren tidak banyak berbeza, akan tetapi kopontren mempunyai kelebihan pada beberapa nilai yang diutamakan dan nilai itu

---

<sup>179</sup> Revisond Baswir (2000) *Koperasi Indonesia*, Yogyakarta: BPFE Fakultas Ekonomi Universitas Gadjah Mada, h. 7

tidak ada pada koperasi konvensional. Nilai-nilai yang terdapat pada pelaksanaan kopontren itu ialah niat yang tulus, akhlak yang mulia, bekerja dalam hal yang baik sahaja, menunaikan hak-hak yang harus ditunaikan, menghindari riba, menghindari memakan harta orang lain dengan cara tidak sah, berhemah dengan setiap sesama muslim.<sup>180</sup> Penjelasannya sebagai berikut:

(1). Niat yang tulus

Niat yang tulus terlihat dalam usaha-usaha kebaikan untuk diri sendiri di samping menjaga dari sifat meminta-minta, serta sentiasa berusaha mencari kebaikan untuk orang lain dengan cara turut melibatkan diri bertujuan untuk membangunkan umat dimasa sekarang dan akan datang.

(2). Akhlak mulia

Seperti jujur, amanah, menepati janji, membayar hutang dan menagih hutang dengan baik, menghindari sikap menangguhkan pembayaran hutang, penipuan dan lain-lainnya.

(3). Bekerja dalam hal-hal yang baik sahaja

Maksudnya seorang pengusaha muslim tidak akan tertumpu dengan keuntungan besar terhadap dirinya sendiri akan tetapi boleh membahayakan orang lain.

(4). Menunaikan hak-hak yang harus ditunaikan

Iaitu dengan tidak menunda hak-hak terhadap orang lain, yang terpenting di antaranya ialah hak-hak Allah dalam soal harta seperti membayar zakat, dan hak-hak sesama manusia seperti perjanjian usaha dan sejenisnya.

---

<sup>180</sup> Lihat. Shalah ash-Shawi & Abdulah al-Mushlih (t.t) *Fikih Ekonomi Keuangan Islam*. Abu Umar Basyir (terj), Jakarta: Darul Haq, h. 23

(5). Menghindari riba atau pelbagai bentuk usaha haram lainnya yang membawa ke arah riba

(6). Menghindari memakan harta orang lain dengan cara tidak sah  
Irtinya larangan untuk memakan harta saudaranya tanpa izinnya, kerana kehormatan harta seorang muslim sama halnya dengan kehormatan darahnya yang haram untuk diambil kecuali atas kerelaan hatinya.

(7). Menghindari sikap yang membahayakan orang lain

Pengusaha seorang muslim sepatutnya berpegang pada prinsip bahawa segala bahaya dan yang membahayakan orang lain itu haram hukumnya dan perlu dihindari.

(8). Berpegang teguh pada peraturan dan syariah Islam

(9). Bersikap setia terhadap kaum mukminin.<sup>181</sup>

Sentiasa berhati-hati dalam membuat keputusan, sekiranya projek itu dapat membawa bahaya kepada umat Islam maka sepatutnya dielakkan.

### **3.9 Keanggotaan Kopontren**

Kopontren selama ini dianggap sebagai sebuah institusi bagi anggota untuk mencapai kesejahteraan ekonomi, serta alat pemerintah untuk membangun kesejahteraan semua warga masyarakat yang ada dilingkungan pesantren. Hal itu terbukti apabila terdapat banyaknya bilangan kopontren yang ditubuhkan di Indonesia dan juga ramainya

---

<sup>181</sup> Lihat. Shalah ash-Shawi & Abdulah al-Mushlih (t.t) *Fikih Ekonomi Keuangan Islam*. Abu Umar Basyir (terj), Jakarta: Darul Haq, h. 23

para ahli-ahli kopontren. Jumlah kopontren dan keahliannya boleh dilihat berdasarkan jadual 3.1 seperti berikut;

**Jadual 3.1 Data Koperasi Pondok Pesantren Pada 30 September 2008**

No	Propinsi	Aktif	Tidak Aktif	Jumlah Kopontren	Anggota (Orang)
1	Naggro Aceh Darussalam	0	0	0	0
2	Sumatera Utara	0	0	0	0
3	Sumatera Barat	48	21	69	21,721
4	Riau	0	0	0	0
5	Jambi	0	0	0	0
6	Sumatera Selatan	0	0	0	0
7	Bengkulu	0	0	0	0
8	Lampung	126	73	199	9,416
9	Bangka Belitung	14	3	17	1,334
10	Kepuluan Riau	6	1	7	615
11	DKI Jakarta	0	0	0	0
12	Jawa Barat	1,263	759	2,022	140,618
13	Jawa Tengah	324	224	538	36,866
14	DI Yogyakarta	27	50	77	4,029
15	Jawa Timur	887	494	1,381	92,446
16	Banten	0	0	0	0
17	Bali	10	3	13	524
18	Nusa Tenggara Barat	188	13	201	35,056
19	Nusa Tenggara Timur	1	1	2	65
20	Kalimantan Barat	0	0	0	0
21	Kalimantan Tengah	25	7	32	1,997
22	Kalimantan Selatan	0	0	0	0
23	Kalimantan Timur	34	12	46	4,870
24	Sulawesi Utara	7	3	10	1,030
25	Sulawesi Tengah	33	5	38	2,852
26	Sulawesi Selatan	56	27	83	12,282
27	Sulawesi Tenggara	18	1	19	0

28	Gorontalo	8	1	9	568
29	Sulawesi Barat	0	0	0	0
30	Maluku	8	1	9	1,025
31	Papua	0	0	0	0
32	Maluku Utara	13	0	13	616
33	Papua Barat	0	0	0	0
	<b>Jumlah Nasional</b>	<b>3,086</b>	<b>1,699</b>	<b>4,785</b>	<b>367,930</b>

Sumber: *Pejabat Kementerian Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (2008)*

Dari jadual 3.1 di atas, dapat difahami bahawa kopontren juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat setempat. Penglibatan anggota kopontren pula semakin ramai dan meningkat bilangan berdasarkan propinsi terlibat. Pada tahun 2008, jumlah anggota kopontren seramai 367,930 orang, dari 33 propinsi dan 3,086 kopontren yang aktif di seluruh Indonesia. Manakala jumlah anggota kopontren terbesar iaitu di daerah Jawa Barat sebanyak 2,022 unit, dengan jumlah anggotanya seramai 140,618 orang. Selanjutnya disusuli di daerah Jawa Timur dengan jumlah kopontren 1,381 unit dan anggotanya seramai 92,446 orang.

Oleh itu kopontren dijadikan sebagai lembaga alternatif yang memiliki banyak keunggulan dalam menyokong kejayaan ekonomi ahlinya. Kopontren bukan sahaja organisasi yang mencari keuntungan semata-mata, bahkan ia juga dapat mengumpulkan serta menyatukan setiap individu yang memiliki kepentingan bersama di dalam satu wilayah atau pesantren. Manakala kelemahan pada kopontren adalah kerana faktor dalaman sendiri iaitu kualiti sumber manusia yang terhad disebabkan hanya sebahagian kecil dari pengurus dan anggotan kopontren yang pernah mendapatkan latihan tentang koperasi.<sup>182</sup> Tidak hairan apabila kemahuan pada setiap ahli kopontren belum mencapai tahap maksimum.

<sup>182</sup> Berdayakan Ekonomi Pesantren, <http://www.inilah.com/>, 4 september 2009

Pada asalnya ahli kopontren terdiri daripada santri, guru, kiai dan masyarakat sekitar pesantren. Walaupun ada sebahagian kopontren yang memberikan peluang bagi masyarakat am untuk turut serta bergabung dalam keahlian kopontren tanpa melihat latar belakang mereka, tetapi ada juga sebahagian kopontren yang membataskan keahliannya dengan memberikan beberapa syarat khusus untuk menjadi anggota kopontren. Contohnya keanggotaan kopontren haruslah seorang santri di pesantren itu, keluarga murid, lepasan pesantren atau anggota majlis taklim pada pesantren tersebut. Manakala kopontren yang menerapkan dalam keanggotaan secara bebas dan sukarela, iaitu tiada syarat khusus untuk menjadi anggota kopontren memberikan impak positif dalam kemajuan dan pengembangan kopontren.<sup>183</sup>

Hal inilah yang turut mewarnai perbezaan antara kopontren dengan kopontren yang lain. Perbezaan tersebut terletak pada identiti yang menjadi persyaratan anggota kopontren yang disebabkan pengguna jasa pada kopontren berbeza-beza. Ada yang terhad pada komuniti pesantren sahaja dan ada juga yang bersifat terbuka untuk penghuni pondok dan juga masyarakat sekitar yang bersifat bebas dan sukarela.

Pada umumnya tidak semua pondok pesantren mewajibkan para penghuninya untuk menyertai kopontren. Hal ini disebabkan perbezaan dari segi jurang pendidikan yang ditempuh oleh santri, usia mereka yang berlainan dan tempoh pembelajarannya juga tidak sama antara satu santri yang satu dengan santri yang lain. Bagi santri yang tinggal di pondok dengan tempoh waktu bertahun-tahun, biasanya mereka menjadi anggota kopontren. Manakala santri yang bersifat sementara tempoh pembelajaran dan usianya masih belum mencapai dewasa mereka tidak perlu menjadi anggota kopontren.

---

<sup>183</sup> Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998) *opcit*, h. 19

Sekiranya ada masyarakat sekitar pesantren menjadi ahli kopontren, hal itu berdasarkan beberapa faktor, seperti penglibatan mereka dalam kajian-kajian yang diadakan oleh pihak pesantren, dan juga mereka sanggup menjadi ejen pemasaran atau pelanggan demi memajukan koperasi pesantren. Di samping itu antara faktor-faktor lain termasuk juga sifat sukarela dan hubungan rapat antara kedua-dua pihak tanpa batasan atau kepentingan sendiri. Segala usaha dan amalan yang dilakukan semata-mata untuk kemajuan kopontren tanpa paksaan dari mana-mana pihak.

### **3.10 Pengurusan Kopontren**

Pengurusan di kopontren tidak sama dengan pengurusan di koperasi-koperasi umum yang lain. Umumnya syarat-syarat untuk dilantik menjadi pengurus koperasi adalah hasil kesepakatan mesyuarat ahli koperasi yang sesuai dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh koperasi.<sup>184</sup> Walau bagaimanapun, pengurus di kopontren dipilih hasil daripada keputusan mutlak yang telah ditentukan oleh pimpinan pondok pesantren. Hal itu disebabkan dalam struktur organisasi di pondok pesantren, pimpinan pondok dianggap sebagai pimpinan tertinggi yang mengetuai seluruh lembaga-lembaga yang ada di pondok pesantren. Pemilihan pengurus kopontren bukanlah sepenuhnya dari hasil keputusan mesyuarat anggota sahaja akan tetapi kiai atau pimpinan pondok memainkan peranan penting dalam memilih pengurus kopontren. Di sini kerana kopontren merupakan sebahagian sistem di dalam pondok pesantren.<sup>185</sup>

---

<sup>184</sup> Revisiond Baswi (2000) koperasi Indonesia, c.2. Yogyakarta: Fakultas Ekonomi Universitas Gajah Mada, h. 138

<sup>185</sup> Badan Penelitian dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998), *op.cit*, h. 24

Menurut undang-undang No 12/1967 tentang syarat menjadi pengurus ditetapkan sebagai berikut:

- 1). Seorang pengurus sepatutnya memiliki sifat kejujuran dan keterampilan kerja
- 2). Syarat-syarat yang lain ditentukan di dalam Anggaran Dasar Rumah Tangga.<sup>186</sup>

Merujuk pada syarat di atas, jelas bahawa pengurus kopontren telah mencakupi sifat kejujuran dan ketrampilan kerja. Hal itu disebabkan kurikulum pondok pesantren yang berpandukan al-Quran dan al-Hadith<sup>187</sup> dan pesantren sebagai tempat mencari ilmu agama yang sudah tentu mengajarkan para penghuninya untuk sentiasa memiliki sifat jujur (*sidiq*), boleh dipercayai (*amanah*), menyampaikan (*tabligh*) dan bijak (*fathanah*). Manakala syarat kedua polisi itu tertulis pada Anggaran Dasar kopontren. Namun demikian ada juga pondok pesantren yang memberikan syarat pengurusan kopontren mestilah dari kalangan ahli keluarga pengasas pondok pesantren, atau boleh juga pengurus kopontren dari kalangan elit kepemimpinan pondok pesantren. Hal ini dibimbangi jika pengurus atau ketua kopontren bukan dari keluarga dekat kiai akan mewujudkan dua kepemimpinan di pondok dan boleh jadi polisi yang diputuskan oleh pengurus akan lari dari visi dan misi pondok pesantren tersebut.

Sebagai badan pelaksana tertinggi dalam organisasi yang dipercayai untuk mentadbir kopontren, kewajiban-kewajiban pengurus meliputi pengelolaan organisasi kopontren mahupun pengelolaan usaha yang dikembangkan oleh pondok. Secara umum tugas-tugas pengurus itu ialah:

- 1). Mengelola organisasi dan usaha kopontren
- 2). Memelihara buku daftar anggota, pengurus dan pengawas

---

<sup>186</sup> Departemen Keuangan Republik Indonesia, <http://www.sjdih.depkeu.go.id/fulltext/1967/12TAHUN~1967UU.htm>, 7 April 2010

<sup>187</sup> Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit.* h. 109

- 3). Mengadakan mesyuarat ahli
- 4). Melaporkan pelaksanaan tugas dan laporan kewangan kopontren
- 5). Melaporkan tugas kerja dan rancangan anggaran pendapatan dan belanja koperasi<sup>188</sup>

Manakala tanggungjawab pengurus kopontren yang berkaitan dengan tugas pengurus kopontren pula adalah bertanggungjawab untuk melaksanakan tanggung jawabnya seperti berikut:

- 1). Mewakili kopontren di hadapan dan di luar pengadilan
- 2). Memutuskan kelayakan penerimaan/penolakan seseorang sebagai anggota kopontren berdasarkan anggaran dasar kopontren
- 3). Melakukan tindakan untuk kepentingan dan faedah koperasi sesuai dengan tanggung jawabnya sebagai pengurus.<sup>189</sup>

### **3.11 Lembaga Pengawas Kopontren**

Matlamat asal penubuhan kopontren ialah untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi para anggotanya. Banyak usaha yang dapat dilakukan kopontren untuk menyokong matlamat tersebut. Salah satunya adalah pembentukan lembaga pengawas yang bertugas untuk mengawasi pengurus kopontren.

Sesuai dengan UU No. 25/1992, kewujudan lembaga pengawas pada struktur organisasi koperasi bukan merupakan sesuatu yang diwajibkan. Akan tetapi pengawas terhadap koperasi pada asasnya dilakukan secara langsung oleh para anggota, maka tidak semua koperasi wajib memiliki lembaga khusus yang bertugas melakukan pengawasan.

---

<sup>188</sup> Revisond Baswi (2000), *op.cit.* h. 140

<sup>189</sup> Revisond Baswi (2000), *op.cit.* h. 141

Hal itu kerana keperluan terhadap lembaga pengawas pada suatu koperasi sangat tergantung pada koperasi yang bersangkutan.<sup>190</sup>

Kopontren tidak sama dengan koperasi umum yang lain. Walaupun kopontren merupakan lembaga ekonomi di pesantren tetapi kopontren tidak memiliki autoriti penuh, kerana kopontren masih di bawah lembaga pengawas yang diketuai pimpinan pondok secara langsung. Dalam pelaksanaannya fungsi pengawas hanya sebatas sebagai perwakilan dari kalangan para anggota kopontren dalam mengawasi pelaksanaan koperasi oleh para pengurus sahaja, dan sekaligus bertugas mengawasi dan memeriksa terhadap kewajaran laporan kewangan kopontren.

Secara umumnya fungsi pengawas di suatu koperasi mempunyai peranan seperti berikut:

- 1). Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan polisi koperasi oleh pengurus.

Polisi yang dilakukan oleh pengurus ditetapkan melalui mesyuarat anggota yang dilaksanakan setiap satu tahun sekali, selepas polisi-polisi tersebut telah dipersetujui bersama oleh para anggota ianya harus segera dijalankan oleh para pengurus. Oleh itu fungsi pengawas adalah sebagai orang yang menyaksikan dan mengawasi pelaksanaan polisi koperasi tersebut.

- 2). Membuat laporan hasil pengawasan Sebagai tanggungjawab atas pelaksanaan tugasnya, pengawas harus melaporkan secara tertulis tentang apa yang telah diperhatikan

---

<sup>190</sup> Revisi spond Basir (2000), *op.cit.* h.147

ketika mesyuarat anggota dan menyampaikannya di dalam mesyuarat agong akan datang.<sup>191</sup>

### **3.12 Sumber Kewangan Kopontren**

Pada umumnya modal koperasi terdiri dari modal sendiri dan modal pinjaman.<sup>192</sup> Akan tetapi kopontren merupakan lembaga ekonomi yang memiliki sistem berbeza dengan koperasi konvensional dalam hal sumber kewangan, walaupun kopontren mendapatkan modal dari pinjaman, namun kopontren hanya menerima sumber-sumber pinjaman tanpa riba sahaja. Oleh yang demikian sumber kewangan kopontren boleh diperolehi dari mana-mana sumber yang bebas dari unsur riba. Walaupun pada dasarnya modal pada koperasi sesuai dengan AD/ART Bab 11 pasal 34 yang dinyatakan seperti berikut:

- 1) Koperasi mempunyai modal sendiri dan modal pinjaman yang diperoleh dari wang simpanan wajib, wang simpanan sukarela yang merupakan simpanan berjangka, wang pinjaman, dan penerimaan lain-lain yang sah.
- 2) Mesyuarat Anggota menetapkan jumlah setinggi-tingginya yang dapat disediakan sebagai wang khas, dan selebihnya disimpan atas nama koperasi dalam bank yang ditunjuk<sup>193</sup>

Akan tetapi sumber kewangan pada kopontren selama ini hanya berdasarkan pada kemampuan setiap pesantren itu untuk mengembangkan usahanya, tanpa mewajibkan para anggota turut memberikan caruman berupa wang simpanan wajib, wang simpanan

<sup>191</sup> Revisond Baswir (2000) *op.cit* h.150

<sup>192</sup> Hudiyanto (2002), *opcit*, h. 128

<sup>193</sup> Koperasi Syafiakrom, <http://koperasi.syafiakrom.com/>, 2 september 2009

sukarela atau berbentuk yuran lain-lainnya. Walaupun selama ini kewujudan kopontren di negara Indonesia berupaya memberikan manfaat yang boleh dirasakan langsung oleh masyarakat sekitar pesantren, bahkan kopontren juga mampu menghimpun tenaga kerja dari masyarakat awam, tetapi tidak semua kopontren mendapatkan bantuan maupun pinjaman permodalan dari kerajaan. Di samping itu tidak semua kopontren mahu mengajukan permohonan untuk mendapatkan pinjaman dan bantuan modal usaha dari pihak lain. Ianya mengembangkan usaha kopontren dengan dana dan modal sendiri yang bersumber dari kewangan kiai maupun dari yuran bulanan para santri.

Pada tahun 2006 dari jumlah seluruh kopontren di Indonesia 12,000 kopontren, hanya 900 kopontren yang mengajukan dana hibah kepada pihak kerajaan. Manakala hanya 250 kopontren sahaja yang telah menerima bantuan dana hibah tersebut. Pada tahun 2007 kopontren yang mengajukan dana pinjaman kepada kerajaan seramai 1,000 kopontren, manakala yang mendapatkan dana bantuan tersebut hanya 450 kopontren sahaja.<sup>194</sup> Oleh yang demikian jelas bahawa polisi kerajaan negara Indonesia selama ini kurang berpihak pada kopontren.

Tidak hairan bila kopontren ditubuhkan dan melakukan aktiviti usahanya di sekitar pondok dari segi permodalan bergantung kepada polisi kiai. Manakala koperasi pada umumnya sumber kewangan berasal dari simpanan dan pinjaman, berbeza dengan kopontren yang lebih mengharapkan permodalan awalnya pada hibah atau subsidi dari pondok pesantren itu sendiri. Di sinilah kredibiliti para kiai sebagai pimpinan pesantren sangat mempengaruhi dan berperan dalam kejayaan kopontren.

---

<sup>194</sup> Berdayakan ekonomi Pesantren, <http://www.inilah.com/4> september 2009

### **3.13 Kesimpulan**

Kopontren merupakan bentuk usaha pondok pesantren untuk menciptakan kebebasan atau berdikari dalam ekonomi, dan keupayaan berdikari ini merupakan ciri khas pesantren. Kewujudan kopontren sangat memberikan kesan positif terhadap perkembangan pantas ekonomi samada bagi pondok pesantren itu sendiri maupun masyarakat sekitar pesantren. Hal ini dapat dilihat dari pengurus, anggota dan pekerja di kopontren samada yang terlibat secara aktif dalam aktiviti pondok maupun pasif.

Latar belakang penubuhan kopontren iaitu adanya sokongan dan keinginan masyarakat atau dari kiai yang berharap tidak bergantung pada bantuan dari mana-mana pihak. Manakala konsep yang berlaku di kopontren ialah konsep Koperasi Unit Desa (KUD) bermaksud kopontren sebagai tempat kegiatan ekonomi bagi warga pesantren dan masyarakat sekitar pondok yang memerlukan perkhidmatan. Hal itu disebabkan kerana lokasi kopontren yang bertempat di desa. Akan tetapi, dilihat dari fungsi kopontren bagi santri dan guru sebagai tempat belajar berniaga sekaligus mengembangkan aktiviti ekonomi pondok, dengan tujuan agar mampu memenuhi keperluan dan kepentingan para penghuni pesantren, maka konsep kopontren ialah serupa dengan koperasi sekolah.

Nilai yang ditanamkan pada anggota mahupun pengurus kopontren tidaklah sama dengan koperasi pada umumnya. Kopontren lebih menekankan pada perilaku yang berupaya untuk hidup bermasyarakat, iaitu sentiasa menjaga ukhuwah persaudaraan antara ahli satu dengan lainnya dan seluruh aktiviti berdasarkan atas dasas ibadah kerana Allah. Oleh kerana itu, nilai-nilai yang wujud pada kopontren adalah berdasarkan kepada: al-Qur'an, al-Hadith, Amalan *al-Khulafā' al-Rāshidīn*, Pemikiran klasik beberapa

ilmuan Islam, pemikiran atau tulisan ilmuan kontemporari Islam, dan pemikiran di kalangan para ilmuan moden samada Barat atau Timur.

Kopontren juga memiliki falsafah dan nilai moral yang murni. Kopontren menganjurkan amalan nilai-nilai sosial seperti persaudaraan, tolong menolong, bekerja dengan ikhlas, sifat jujur dan menyokong untuk bersaing dalam hal kebajikan. Walaupun demikian dalam pelaksanaannya kopontren juga menerapkan prinsip-prinsip koperasi iaitu keanggotaan sukarela dan terbuka, pengurusan secara demokrasi, dalam penetapan keuntungan bebas dari unsur riba, memberikan pendidikan anggota, berdikari dalam modal mahupun pengurusan dan prinsip kerjasama dengan pihak kopontren lain mahupun industri di luar pesantren.

## BAB EMPAT

### LATAR BELAKANG PONDOK PESANTREN GONTOR PONOROGO

#### 4.1. Gambaran Umum Bandar Ponorogo

Ponorogo merupakan salah satu dari bandar yang berada di negeri Jawa Timur Indonesia, Ponorogo memiliki keluasan 1,371.78 km<sup>2</sup> yang terletak di antara garis bujur 111°17 – 111°52 Bujur Timur dan 7°49 – 8°20 garis Lintang Selatan dengan ketinggian antara 92 hingga 2,563 meter di atas permukaan laut. Bandar Ponorogo bila dilihat dari sempadan wilayahnya, ia bersempadan dengan sebelah utara bandar Madiun, Magetan dan Nganjuk, manakala sebelah timurnya bandar Tulungagung dan bandar Trenggalek, dan sebelah selatannya bersempadan dengan bandar Pacitan. Manakala sebelah barat bandar Ponorogo bersempadan dengan bandar Pacitan dan bandar Wonogiri (negeri Jawa Tengah). Jarak dari negeri Jawa Timur lebih kurang 200 km arah Timur Laut dan ke ibu negara Indonesia (Jakarta) lebih kurang 800 km ke arah barat.<sup>195</sup> Dilihat dari arah geografi, wilayah Ponorogo terbahagi kepada 2 kawasan yang berbeza, iaitu daerah dataran tinggi yang meliputi wilayah Ngrayun, Sooko dan Pulung serta wilayah Ngobel manakala yang lain merupakan daerah dataran rendah.

Bandar Ponorogo juga terbahagi kepada 21 wilayah serta 305 kampung. Untuk menjalankan pemerintahan, bandar Ponorogo ditadbir oleh 11,057 pegawai kerajaan. Dalam pelaksanaan pembangunan, khususnya pembangunan ekonomi, Ponorogo selalu dikaitkan dengan program pembangunan negeri Jawa Timur, iaitu meningkatkan

---

<sup>195</sup> Sumber Data dari Badan Pusat Statistik Kabupaten Ponorogo (2008), h. i

pertumbuhan ekonomi, pembasmian kemiskinan, pembinaan kerukunan umat beragama yang bermatlamatkan kepada peningkatan wawasan kebangsaan dan keamanan.<sup>196</sup>

Gontor merupakan sebuah kampung iaitu di mana Pondok Modern Darussalam Gontor berada, kampung Gontor salah satu dari 15 kampung yang ada di wilayah Mlarak yang bersempadan dengan arah utara wilayah Siman, arah timur wilayah Pulung, arah selatan wilayah Sambit serta arah barat wilayah Siman dan Jetis.<sup>197</sup> Berpandukan pada hasil Evaluasi Penggunaan Tanah (EPT) dalam rangka pelaksanaan banci Pertanian 1993 tercatat wilayah Mlarak memiliki keluasan tanah seluas 37.20 km<sup>2</sup>, dengan pembahagian wilayah kepada 15 desa, yang meliputi 104 Rukun Warga (RW), 267 Rukun Tetangga (RK) dan 49 Lingkungan / Dusun.<sup>198</sup>

#### **4.1.1 Struktur Penduduk Ponorogo**

##### **1. Kepadatan dan Jumlah Penduduk**

Penduduk merupakan objek sekaligus subjek pembangunan, oleh kerana itu data penduduk yang bersumber dari hasil bancian penduduk dan pendaftaran menjadi salah satu data utama. Jumlah penduduk bandar Ponorogo menurut jantina boleh kita perhatikan pada jadual di bawah ini:

---

<sup>196</sup> *Ibid*, h. iv

<sup>197</sup> Bada Pusat Statistik Bandar Ponorogo (BPS) (2007), *monografi Bandar Ponorogo*. Ponorogo: BPS, h. 1

<sup>198</sup> Badan Pusat Statistik Kecamatan Mlarak (BPS) (2008), *Monografi Kecamatan Mlarak*. Ponorogo: BPS, h. 2

**Jadual 4.1. Jumlah Penduduk Bandar Ponorogo Menurut Jantina Dari Tahun 2003****Hingga Tahun 2007**

No	Tahun	Jantina		Jumlah
		Lelaki	Perempuan	
1	Tahun 2003	437,762	431,518	869,280
2	Tahun 2004	437,976	431,679	869,655
3	Tahun 2005	439,382	441,319	889,701
4	Tahun 2006	446,697	439,016	885,986
5	Tahun 2007	448,539	442,763	891,302

Sumber data: *Diubahsuai dari Data Badan Pusat Statistik Kabupaten Ponorogo 2008*

Berdasarkan jadual di atas, penduduk bandar Ponorogo setiap tahun sentiasa mengalami peningkatan samada dari jantina lelaki maupun perempuan. Secara keseluruhan penduduk lelaki lebih ramai berbanding dengan wanita. Di lihat dari data terakhir pada tahun 2007 penduduk bandar Ponorogo mengalami peningkatan sebanyak 0.60 %, dari tahun 2006 penduduk lelaki seramai 446,697 orang dan penduduk perempuan seramai 439,016 dengan jumlah keseluruhan 885,986 orang, jumlah ini meningkat menjadi penduduk lelaki seramai 448,539 orang dan penduduk perempuan seramai 442,763 orang dengan jumlah keseluruhan 891,302 orang. Pada tahun 2007 nisbah jumlah penduduk lelaki berbanding penduduk perempuan dalam peratusan tahun 2007 menunjukkan penurunan, iaitu dari 101.81 % pada akhir 2006 kepada 101.30 % yang bererti penduduk di bandar Ponorogo lelaki lebih ramai dibandingkan dengan penduduk perempuan di mana setiap 100 penduduk perempuan terdapat 101 penduduk lelaki.

Manakala penduduk yang tinggal di Bandar Ponorogo menurut warga negara boleh di lihat pada jadual berikut.

**Jadual 4.2 Jumlah Penduduk Mengikut Warga Negara Asing Di Bandar Ponorogo Pada Tahun 2007**

No	Wilayah	Warga Negara Asing			
		Malaysia	China	Arab	Lainnya
1	Ngrayun	-	-	-	-
2	Slahung	-	-	-	-
3	Bungkal	-	-	-	-
4	Sambit	-	-	-	-
5	Sawoo	-	-	-	-
6	Sooko	-	-	-	-
7	Pudak	-	-	-	-
8	Pulung	-	-	-	-
9	Mlarak	36	-	13	57
10	Siman	-	-	-	-
11	Jetis	-	-	-	-
12	Balong	-	-	-	-
13	Kauman	-	-	-	-
14	Jambon	-	1	-	-
15	Badegan	-	-	-	-
16	Sampung	-	-	-	-
17	Sukorejo	-	-	-	-
18	Ponorogo	-	5	-	-
19	Babasan	-	-	-	-
20	Jenangan	-	-	-	-
21	Ngebel	-	-	-	-
	<b>JUMLAH</b>	36	6	13	57

Sumber data: *Diubahsuai dari data di pejabat wilayah Bandar Ponorogo (2007)*.


Bila di lihat dari jadual di atas, dari 21 wilayah yang berada di bandar Ponorogo, jumlah penduduk yang berwarga negara asing (WNA) terbanyak di wilayah Mlarak iaitu

seramai 106 orang yang disusul wilayah Ponorogo seramai 5 orang.<sup>199</sup> Hal ini berkemungkinan warga negara asing itu ialah santri yang sedang belajar di Pondok Modern Gontor, kerana pelajar-pelajar Pondok Pesantren Gontor yang datang dari pelbagai negara.

## 2. Taraf Ekonomi Masyarakat Ponorogo

Bandar Ponorogo merupakan salah satu daerah sumber makanan (gudang pangan) di Jawa Timur, yang mempunyai luas tanah sawah 34,867 Ha,<sup>200</sup> terdiri dari daerah pengairan air seluas 30.158 Ha. Manakala tanah kering seluas 102,311 Ha digunakan untuk taman dan bangunan seluas 21,654 Ha, ladang 30,203 Ha, Hutan Kerajaan 46,940 Ha, Hutan Rakyat 108 Ha, Perkebunan 200 Ha dan lainnya 3,206 Ha.<sup>201</sup> Perkembangan taraf ekonomi masyarakat di Bandar Ponorogo dapat diperhatikan pada kedudukan pertumbuhan ekonominya dari tahun 2004 hingga tahun 2008 pada jadual berikut:

**Rajah: 2. Perkembangan Ekonomi Bandar Ponorogo Berbanding Dengan Dua Bandar Yang Sempadan Dengannya Dalam Peratus Dari Tahun 2004 Hingga Tahun 2008**



Sumber data: Badan Pusat Statistik Bandar Ponorogo (BPS) (2007)

<sup>199</sup> Badan Pusat Statistik Bandar Ponorogo (BPS) (2007), *op. cit.*, h. 4

<sup>200</sup> Hektare (singkatan dari hektare, perkataan disingkat menjadi Ha; yang berasal dari bahasa Belanda hectare, merupakan satuan luas untuk menyatakan luas tanah.  $1\text{Ha}=10.000\text{m}^2$ , lihat <http://bproperti.com/>, 4 julai 2011

<sup>201</sup> Badan Pusat Statistik Bandar Ponorogo (BPS) (2007), *op. cit.*, xi.

Dari jadual tersebut, pertumbuhan di bandar Ponorogo bila dibandingkan dengan bandar yang bersempadan dengan Ponorogo iaitu Pacitan dan Trenggalek, bandar Ponorogo dari tahun 2004 hingga tahun 2008 kedudukan perkembangan ekonominya sentiasa di atas dari kedua bandar tersebut. Taraf ekonomi di bandar Ponorogo mengalami peningkatan yang memberangsangkan terjadi pada tahun 2007, iaitu berbanding pada tahun sebelumnya hanya 4.81 peratus meningkat menjadi 5.91 peratus. Akan tetapi pada tahun 2008 ekonomi Ponorogo mengalami penurunan iaitu dari 5.91 peratus, menurun menjadi 5.88, atau menurun sebanyak 0.03 peratus.<sup>202</sup>

### **3. Penduduk Ponorogo dari segi Pekerjaan**

Jumlah tenaga kerja yang berdaftar di pejabat tenaga kerja bandar Ponorogo pada tahun 2007 boleh diperhatikan pada jadual berikut:

**Jadual 4.3. Jumlah Penduduk Bandar Ponorogo Tahun 2007 Mengikut Pekerjaan**

Pegawai Kerajaan	Pegawai Swasta	Tentera (army)	Pencen (Pensioner)	Tenaga kerja (Labour)	Peniaga (Business)	Lain-lain (other)	Petani (farmer)
15,580	25,870	1,274	5,036	145,794	37,914	161,979	229,141

Sumber data: *Diubahsuai dari badan Buruh dan transmigrasi di Bandar Ponorogo*

Jumlah tenaga kerja yang berdaftar di dinas tenaga kerja bandar Ponorogo pada tahun 2007 secara keseluruhan seramai 4,965 orang yang terdiri dari lelaki dan perempuan 2,104 orang dengan pelbagai latar belakang pendidikan. Walau bagaimanapun, secara asasnya sebahagian besar penduduk Ponorogo bekerja menjadi

<sup>202</sup> Badan Pusat Statistik Bandar Ponorogo (BPS) (2007), *op. cit*, h. 7

petani iaitu seramai 229,141 orang petani dan seterusnya kedua terbanyak kedua ialah buruh samada buruh pertanian ataupun buruh perusahaan iaitu sebanyak 145,794 orang manakala yang bekerja menjadi tentera adalah paling sedikit iaitu seramai 1,274 orang.

#### 4. Penduduk Dari Segi Agama

Penduduk di Bandar Ponorogo bila di lihat dari segi Agama boleh diperhatikan pada jadual berikut:

**Jadual 4.4 Jumlah Pengikut Agama di Bandar Ponorogo Tahun 2003 hingga tahun 2007**

Tahun	Jumlah Penduduk	Islam	Khatolik	Protestan	Hindu	Budha
2007	936,343	931,535	2,926	1,572	66	234
2006	917,073	912,368	2,508	1,533	357	307
2005	915,347	910,698	2,354	1,558	220	517
2004	911,933	907,426	2,283	1,511	208	505
2003	907,859	903,352	2,282	1,511	208	505

Sumber data: *Diubahsuai dari Pejabat Jabatan Agama Bandar Ponorogo 2007.*

Peningkatan jumlah penduduk di bandar Ponorogo setiap tahun mengalami penambahan yang memberangsangkan. Penambahan tersebut boleh di semak semula dari data populasi pengikut agama di bandar Ponorogo iaitu dari jumlah keseluruhan penduduk pada tahun 2007 seramai 936,343 orang, penduduk yang beragama Islam adalah seramai 931,535 orang. Manakala yang bukan beragama Islam hanya 4,808 orang atau hanya 0.51 peratus. Boleh disimpulkan hampir kesemua penduduk di bandar Ponorogo adalah penganut agama Islam, kerana yang menganut agama Islam sebesar 99.49 peratus.

## 5. Taraf Pendidikan

Taraf pendidikan penduduk di Bandar Ponorogo dapat diperhatikan dari banyaknya sekolah yang ditubuhkan. Hal itu dapat di lihat pada jadual berikut:

**Jadual 4.5. Jumlah Lembaga Pendidikan di Bandar Ponorogo Beserta Ramainya Pelajar Dan Guru Pada Sesi Pengajaran 2007/2008**

Nama Sekolah	Jumlah sekolah	Jumlah Pelajar	Jumlah Guru
TK (Taman Kanak-Kanak) / Tadika	347	10,894	993
SD (Sekolah Dasar) / Sekolah Rendah	618	75,248	6,199
SMP (Sekolah Menengah Pertama)	82	28,378	2,059
SMA / SMK (Sekolah Menengah Atas)	54	20,243	1,575
MD (Madrasyah Diniyyah)	320	20,765	2,056
MI (Madrasyah Ibtidaiyyah)	72	7,017	826
MTs (Madrasah Tsanawiyah)	69	12,712	1,386
MA (Madrasah Aliyah)	44	7,277	1,152
Madrasah lain-lain	246	8,891	1,459
Pondok Pesantren	73	30,825	30,656
Perguruan Tinggi	5	7,523	573

Sumber data: *Jabatan Agama Kabupaten Ponorogo tahun 2008*

Jumlah sekolah, murid, guru dan alumninya pada sekolah peringkat rendah hingga sekolah tingkatan atas dapat dijelaskan pada tingkat Taman Kanak-Kanak (TK) atau Tadika. Bila dibandingkan dengan sesi pengajaran yang lalu mengalami perubahan dari jumlah sekolah, guru, dan lulusannya iaitu menjadi 347 buah sekolah dengan murid seramai 10,894 orang dan pengajar sebanyak 993 orang dan jumlah alumninya 6,238 orang. Peringkat Sekolah Dasar (SD) pada sesi pengajaran 2007/2008 mengalami perubahan menjadi 618 sekolah, dengan jumlah murid 75,605 orang dengan pengajar 6,199 orang dan alumninya 12,649 orang. Pada peringkat SLTP pula jika dibandingkan

dengan sesi pengajaran tahun lalu sekolahnya hanya 82 buah, guru 2,059 orang dan alumninya seramai 8,876 orang manakala jumlah muridnya seramai 28,378 orang.

Pada peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA) juga mengalami perubahan menjadi 54 buah sekolah, 20,243 orang murid, 5,596 alumni dan 1,575 guru. Manakala pada perguruan tinggi bandar Ponorogo memiliki 5 perguruan tinggi, samada perguruan tinggi swasta maupun negeri. Perguruan tinggi itu iaitu Universiti Muhammadiyah dengan jumlah Mahasiswa seramai 2,274 orang dan 216 pensyarah. Universiti Merdeka Ponorogo jumlah mahasiswanya seramai 1,636 orang, dan pensyarahnya seramai 56 orang. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (STAIN) Ponorogo dengan jumlah mahasiswanya 1,692 orang, dan pensyarahnya seramai 79 orang. Institut Sunan Giri (INSURI) Ponorogo dengan jumlah Mahasiswanya seramai 617 orang dan 165 pensyarah. Universiti Merdeka (UNMER) Ponorogo dengan jumlah Mahasiswa seramai 1,636 orang dan 56 pensyarah. Manakala Sekolah Tinggi Keguruan Ilmu Pendidikan (STKIP – PGRI) Ponorogo memiliki Mahasiswa seramai 1,304 orang dan 57 pensyarah.

Manakala Madrasah Diniyah atau sekolah Agama dapat diperhatikan pada jadual berikut:

**Jadual 4.6 Jumlah perkembangan Madrasah Diniyah dari sesi 2003/2004 hingga sesi 2007/2008**

Tahun	Jumlah Madrasah	Jumlah Murid
2007/2008	320	20,765
2006/2007	234	20,656
2005/2006	216	17,069
2004/2005	114	16,825
2003/2004	187	14,808

Sumber data: diubahsuai dari data di Jabatan Agama Bandar Ponorogo 2008

Sekolah Madrasah Diniyah (*Madrasah Diniyah Education*) dan pondok pesantren sentiasa mengalami penambahan dari tahun ke tahun. Ini dibuktikan pada tahun 2004/2005 menunjukkan jumlah Madrasah Diniyah sebanyak 114 buah. Manakala pada tahun 2006/2007 jumlah Madrasah Diniyah hanya 216 buah. Hal ini membuktikan wujudnya peningkatan sebanyak 77 peratus dan pada tahun 2007/2008 yang berjumlah 320 madrasyah atau peningkatan menjadi 67 peratus.

**Jadual 4.7 Jumlah Pondok Pesantren dan Santri Di Bandar Ponorogo Dari tahun 2003 hingga tahun 2007**

Tahun	Jumlah Pondok Pesantren	Jumlah Santri
2007/2008	73	30,825
2006/2007	66	30,444
2005/2006	66	23,910
2004/2005	67	16,802
2003/2004	63	23,910

Sumber data: *Jabatan Agama Kabupaten Ponorogo 2008*

Pondok Pesantren juga sentiasa mengalami perkembangan dan peningkatan populasinya dari tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2006 dan tahun 2005 Pondok Pesantren hanya sebanyak 66 pondok iaitu dengan jumlah pelajar seramai 30,444 orang, manakala pada tahun 2007 menjadi 73 buah, dengan jumlah pelajarnya seramai 30,825 orang. Ini bererti jumlah pondok pesantren mengalami kenaikan 1.25 peratus.

## **4.2. Profil Pondok Pesantren Gontor Ponorogo**

### **4.2.1. Sejarah Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo**

Pondok Pesantren Gontor terletak lebih kurang 3 Km dari sebelah timur Tegalsari dan 11 KM ke arah Tenggara dari Bandar Ponorogo. Nama Gontor diambil dari sebuah desa yang bernama Gontor. Pada pertengahan abad ke 18 Gontor merupakan kawasan hutan yang belum diterokai sepenuhnya. Hutan tersebut dikenali sebagai tempat para penyamun, perompak, penjahat, pemabuk dan lebih identik dengan perilaku jenayah. Akan tetapi setelah kiai muda bernama Sulaiman Jamaluddin diberi amanat oleh bapa mertuanya kiai Khalifah untuk membangunkan sebuah Pondok Pesantren dengan bermodal 40 orang santri, maka bermula saat itulah Pondok Gontor ditubuhkan.<sup>203</sup>

Pada tarikh 20 September 1926 bersamaan dengan hari Isnin, 12 Rabi'ul Awwal 1345 Hijriyah dalam peringatan *Maulid Nabi Muhammad SAW*, Pondok Gontor ditubuhkan kembali setelah pupus. Pengasasnya ialah putera Nyai Santoso K.H. Ahmad Sahal, K.H. Zainuddin Fannani dan K.H. Imam Zarkasyi yang sering disebut "**trimurti**"<sup>204</sup>

- 1) Penubuhan Tarbiatul Athfāl (*Tadika*) pada tahun 1926.

Langkah pertama untuk mengembangkan kembali pondok Gontor adalah dengan membuka *Tarbiatul Athfāl* (TA), iaitu program pendidikan peringkat asas. Matapelajaran, fasiliti dan prasarana pendidikan sangat sederhana. Tetapi, berkat kesungguhan pengasas Gontor yang baru, usaha ini menaikkan semangat belajar

<sup>203</sup> Pondok Modern Darussalam Gontor, <http://gontor.ac.id/index.php?option=com.html>, 30 Oktober 2009

<sup>204</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 87

masyarakat desa Gontor. Minat yang sangat tinggi ini diperluaskan dengan mendirikan cawangan-cawangan TA di desa-desa sekitar Gontor.<sup>205</sup>

2) Penubuhan *Sullamul Muta'allimin*, pada tahun 1932.

Setelah enam tahun TA ditubuhkan, tercetus idea untuk mengembangkan TA dengan membuka program lanjutan yang di beri nama "*Sullamul Muta'allimin*" (SA), pada tahun 1932. Tahap ini, para santri belajar secara lebih mendalam dan ilmu-ilmu agama yang lebih luas, pidato, diskusi dan panduan-panduan untuk menjadi guru. Di samping itu, mereka juga diajari kursus-kursus ketrampilan, kesenian, olahraga, pengakap dan lainnya.<sup>206</sup>

3) Penubuhan *Kulliyatul Mu'allimin Al-Islamiyyah* (KMI), pada tahun 1936.

Wujudnya TA dan SA telah menarik minat belajar masyarakat. Sehingga pesantren Gontor membuka program pendidikan baru tingkat menengah pertama dan menengah atas yang dinamakan Kulliyatul Mu'allimin Al-Islamiyyah (KMI) atau sekolah guru Islam, yang mempamerkan kebangkitan sistem pendidikan moden di lingkungan pesantren.<sup>207</sup>

#### **4.2.2. Falsafah Pondok Modern Gontor**

Pondok Pesantren Gontor merupakan salah satu tempat untuk beribadah, *talabul 'ilmi* dan tempat perjuangan mencari redha Allah. Seluruh aktiviti santri dan guru di Gontor sentiasa berkonsepkan ibadah.<sup>208</sup> Aktiviti belajar, mengajar, mendidik, bekerja dan apa-apa juga bentuknya di pesantren Gontor memiliki

<sup>205</sup> Pondok Modern Darussalam Gontor, [http://gontor.ac.id/index.php?option=com\\_html](http://gontor.ac.id/index.php?option=com_html). 30 Oktober 2009

<sup>206</sup> Pondok Modern Darussalam Gontor, [http://gontor.ac.id/index.php?option=com\\_html](http://gontor.ac.id/index.php?option=com_html). 30 Oktober 2009

<sup>207</sup> Lihat. Nur Hadi Ihsan (et.all) (2006), *ibid*, h. 5

<sup>208</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 107

matlamat ibadah kepada Allah, dan syarat agar ibadah itu diterima oleh Allah haruslah disertai dengan niat yang ikhlas semata-mata kerana Allah serta sesuai dengan ajaran Allah dan rasulnya. Oleh yang demikian, seluruh aktiviti di pesantren adalah manfestasi sebagai pelaksanaan ibadah kepada Allah untuk mencapai keredhaan dari Allah, bukan populariti, pujian manusia atau habuan harta benda. Ini selaras dengan firman Allah dalam surah al-Bayyinah (98):5 :

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ

Bermaksud:

*“Dan tidaklah mereka diperintahkan kecuali hanya untuk beribadah kepada Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya”.*

Surah al-Bayyinah (98):5

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

Bermaksud:

*“Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia kecuali untuk beribadah kepada-Ku”*

Surah al-Dzariyat (51): 56

#### **4.2.3 Visi dan Misi Pondok Modern Darussalam Gontor**

Pondok Pesantren Gontor mempunyai visi dan misi untuk membentuk keperibadian umat yang unggul dan berkualiti, berbudi tinggi, berbadan sihat, berpengetahuan luas dan berfikiran bebas, serta berkhidmat kepada masyarakat. Ciri-ciri manusia inilah yang mampu menggerakkan roda peradaban manusia serta dapat

mensejahterakan, mampu memegang fungsi kekhalifahan, kehambaan kepada Allah dan penerus risalah dakwah para nabi.

Misi Pondok Pesantren Gontor ialah mengajarkan ilmu pengetahuan agama dan umum secara seimbang bertujuan untuk menghasilkan ulama yang intelek. Pesantren Gontor juga mengembangkan misi mempersiapkan warga negara Indonesia yang berkeperibadian dan bertaqwa kepada Allah SWT. Selaras dengan kududukan Gontor yang bernaung di bumi Indonesia dan mengambil peranan nyata dalam membangun masyarakat dan bangsa Indonesia.

Pendidikan yang diajarkan di pesantren Gontor kepada santri-santrinya ialah berbentuk kemasyarakatan, kesederhanaan, ibadah untuk mencari ilmu serta tiada unsur politik. Kemasyarakatan, bererti para santri boleh berkhidmat di kalangan masyarakat. Kesederhanaan hidup bermaksud untuk membentuk jiwa dan mental yang teguh, berani hidup tidak takut mati. Pesantren Gontor juga memupuk semangat mencari ilmu (*tālabul ‘ilmi*) ikhlas kerana Allah sebagai kewajiban makhluk yang beragama, untuk memerangi kebodohan dan mengangkat darjah kemuliaan diri dan umat. Pesantren Gontor juga mengukuhkan jati dirinya sebagai lembaga pendidikan yang bermatlamat pada pembentukan pelapis pemimpin umat untuk berjuang di masyarakat serta mengeratkan ummah.<sup>209</sup>

Oleh itu secara spesifik tujuan pendidikan di Gontor ialah untuk mewujudkan generasi yang unggul menuju khair ummah, membentuk generasi mukmin muslim yang berbudi pekerti tinggi, berbadan sihat, berpengetahuan luas, dan berfikiran bebas, serta berkhidmat kepada masyarakat. Akhirnya berupaya melahirkan ulama intelek yang

---

<sup>209</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit*, h. 106

memiliki keseimbangan zikir dan fikir.<sup>210</sup> Sifat-sifat tersebut merupakan suatu ciri khas Pondok Modern Gontor yang disusuli juga dengan ciri-ciri yang lain seperti berikut;

1). Berbudi pekerti Tinggi

Berbudi pekerti tinggi merupakan sifat paling utama yang diajarkan oleh Pondok Pesantren Gontor kepada seluruh santri dalam semua tingkatan dari yang paling rendah hingga paling tinggi. Untuk merealisasikan prinsip ini pihak pesantren menggunakan seluruh unsur pendidikan yang ada.

2). Sihat tubuh badan

Tubuh yang sihat merupakan kriteria yang dianggap penting di pendidikan pesantren Gontor. Dengan tubuh yang sihat para santri dapat melaksanakan tugas dan beribadah dengan baik. Penjagaan kesihatan dilaksanakan melalui pelbagai kegiatan sukan, dan bahkan ada sukan rutin yang wajib diikuti oleh seluruh santri sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan.

3). Berpengetahuan Luas

Para santri di pesantren Gontor dididik melalui proses yang telah dirancang dengan kokurikulum secara sistematik agar dapat memperluaskan wawasan dan pengetahuan mereka. Santri tidak hanya diajari ilmu pengetahuan, mereka juga diajar agar apa yang mereka pelajari dapat digunakan untuk membuka ilmu pengetahuan.

4). Berfikiran Bebas

Berfikiran bebas menurut Pesantren Gontor bukan bererti bebas berbuat (berperilaku liberal). Kebebasan tidak boleh menghilangkan prinsip, terutama prinsip sebagai seorang muslim yang mukmin. Akan tetapi kebebasan merupakan simbol kedewasaan dari hasil pendidikan yang telah diterangi petunjuk *Ilahi*. Falsafah ini

---

<sup>210</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit*, h. 108

diajarkan setelah santri memiliki sifat budi pekerti tinggi, budi murni dan berpengetahuan luas.<sup>211</sup>

#### **4.2.4 Lima Asas Pondok Modern Gontor**

Seluruh aktiviti di pesantren Gontor berpandukan pada nilai-nilai yang dijiwai oleh pesantren tersebut. Dapat disimpulkan lima nilai-nilai jiwa itu sebagai berikut:

1). Asas Keikhlasan

Jiwa keikhlasan bererti tidak mengharapkan balasan. Berbuat sesuatu bukan kerana motivasi untuk mendapatkan keuntungan tertentu. Segala perbuatan dilakukan semata-mata beribadat kerana Allah. Kiai ikhlas mendidik para santrinya, pembantu-pembantu ikhlas dalam membantu pondok dan menjalankan proses pendidikan serta para santri-santrinya ikhlas untuk dididik. Nilai-nilai jiwa ini berupaya menciptakan suasana kehidupan pondok yang harmonis, menjadikan kiai lebih disegani dan menghasilkan santri yang taat serta cinta dan penuh hormat.

2). Asas Kesederhanaan

Kehidupan di pesantren diliputi suasana kesederhanaan. Sederhana tidak bererti pasif atau menerima apa adanya, sederhana juga tidak bererti miskin. Jiwa kesederhanaan ini memiliki kekuatan, kesanggupan, ketabahan dan penguasaan diri dalam menghadapi perjuangan hidup. Di sebalik kesederhanaan ini terpancarkan jiwa besar, berani maju dan tidak mudah menyerah dalam pelbagai keadaan. Maka dari sinilah tumbuh mental serta keperibadian yang kuat untuk berjuang dalam pelbagai bentuk segi kehidupan.<sup>212</sup>

---

<sup>211</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit*, h. 103

<sup>212</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 14

3). Asas Berdikari (berdiri di atas kaki sendiri)

Berdikari bererti dapat menolong diri sendiri. Berdikari menjadikan santri sanggup belajar dan berlatih mengurus segala kepentingannya sendiri, hal ini dibuktikan oleh pesantren Gontor sebagai lembaga pendidikan juga berdikari, sehingga tidak pernah menyandarkan kehidupannya kepada bantuan atau belas kasihan dari pihak lain.

4). Asas Ukhuwah Diniyyah

Kehidupan di pesantren sentiasa diliputi suasana persaudaraan yang akrab, sehingga segala suka dan duka dirasakan bersama dalam jalinan *ukhuwah diniyyah*. Ertinya antara satu dengan yang lain tidak ada had pemisah antara mereka. Kesetiaan dalam berkawan tidak hanya ketika mereka berada di pesantren sahaja, tetapi selepas mereka keluar menjadi alumni pun sentiasa menjalin komunikasi antara mereka melalui wadah Ikatan Keluarga Pondok Moden Gontor.

5). Asas Bebas

Jiwa bebas bermakna bebas dalam berbuat, bebas dalam menentukan masa depan, bebas dalam memilih jalan hidup dan bebas dari pelbagai pengaruh negatif dari luar dan masyarakat. Jiwa bebas ini mampu menciptakan sikap santri untuk berjiwa besar. Akan tetapi apabila erti jiwa kebebasan ini disalah ertikan maka akan membentuk sikap yang liberal dan hilang dari prinsip serta arah tujuannya.<sup>213</sup>

---

<sup>213</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 15

#### **4.2.5 Lima Program Kerja Jangka Panjang Pondok Modern Gontor**

Lima program kerja jangka panjang ini merupakan usaha untuk memajukan pendidikan di pesantren Gontor agar dapat memberikan arah dan panduan ke tahun hadapannya. Lima program kerja itu meliputi bidang-bidang berikut:

##### **4.2.5.1 Meningkatkan Pendidikan dan Pengajaran**

Pendidikan dan Pengajaran ini berusaha secara maksimum untuk meningkatkan dan menyempurnakan pendidikan dan pengajaran di pesantren Gontor. Usaha ini tercatat semenjak ditubuhkan *Tarbiyatul Athfal* pada tahun 1926, dan *Sullamul Mut'a'allimin* tahun 1932. Sepuluh tahun kemudian Pesantren Gontor menubuhkan *Kulliyatu-l-Mu'allimin Al-Islamiyah*, segeringkat dengan Sekolah Menengah (Tsanawiyah dan ‘Aliyah) pada tahun 1942. Pada tahun 1963 Pesantren Gontor juga berusaha mengembangkan pendidikannya dengan menubuhkan Perguruan Tinggi yang bernama Institut Pendidikan Darussalam (yang sekarang Institut Studi Islam Darussalam).

##### **4.2.5.2 Membentuk pelapis (*kader*)<sup>214</sup>**

Belajar dari pelbagai sejarah terhadap berkembang dan matinya pondok pesantren di Indonesia memberikan kesan terhadap para pengasas pondok pesantren Gontor tentang pentingnya membentuk pelapis. Banyak pondok pesantren di Indonesia yang berkembang pesat, akan tetapi selepas kiai meninggal dunia maka pondok pesantren tersebut juga turut mati. Oleh yang demikian Pesantren Gontor memberikan perhatian penuh terhadap kejayaan proses belajar dan mengajar dengan cara

---

<sup>214</sup> Erti pelapis (*kader*) ialah orang yang diharapkan dapat menjalankan tugas atau pekerjaan penting dalam pemerintahan, parti politik, organisasi atau persatuan untuk tujuan tertentu. Lihat Tim penyusun Kamus Bahasa Melayu (2003) *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, h. 1135

membentuk dan menyiapkan pelapis untuk melanjutkan cita-cita para pengasas terdahulu.

#### 4.2.5.3 Pembangunan Gedung

Program jangka panjang ini memberikan perhatian terhadap usaha untuk mensediakan prasarana dan fasiliti pendidikan yang sewajarnya bagi para pelajar-pelajarnya. Termasuk di dalamnya asrama santri dan kelas untuk belajar.

#### 4.2.5.4 Pengembangan Sumber dana

Syarat kejayaan suatu lembaga pendidikan agar sentiasa maju dan berkembang ialah adanya sumber dana sendiri yang tidak bergantung dari pihak lain. Maka usaha yang dilakukan pihak pesantren Gontor untuk menjana pendidikan dan pengajaran agar sentiasa berkembang, pesantren Gontor membentuk suatu badan khusus yang menguruskan dana, iaitu Lembaga penggalian dana, pemeliharaan, perluasan dan pengembangan aset-aset pondok, dari sinilah ditubuhkan koperasi Pondok Pesantren Gontor.

#### 4.2.5.5 Menjaga Kesejahteraan Keluarga Pondok Pesantren

Program jangka panjang ini bertujuan untuk memberdayakan para keluarga yang sentiasa membantu dan bertanggungjawab terhadap hidup matinya pesantren. Oleh yang demikian mereka tidak lagi bergantung kepada pondok. Bahkan mereka dapat memberi penghidupan kepada pesantren sesuai dengan selogannya “Hidupilah Pondok, bukan bergantung hidup kepada Pondok”.<sup>215</sup>

---

<sup>215</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 17

#### **4.2.6 Populasi Pelajar dan Pengajar**

Pondok Pesantren Gontor hingga saat ini berusia 85 tahun dan dalam usia ini Pesantren Gontor sentiasa berusaha menjaga kestabilan pendidikan dan pengajaran, di samping meningkatkan kualiti akademi pengajarnya. Pelbagai program dan kegiatan dilaksanakan untuk menjaga citra, fungsi dan peranan guru. Tidaklah hairan apabila setiap tahun minat masyarakat Indonesia untuk memasukkan anak lelaki maupun anak perempuannya sentiasa bertambah. Ini dibuktikan dengan jumlah yang mendaftar di awal tahun sesi pembelajaran Pesantren Gontor menunjukkan di setiap awal pendaftaran tahun pelajaran baru, pelajar baru di Gontor putera <sup>216</sup> dan Gontor puteri 2 tidak kurang dari 3,000 calon santri.<sup>217</sup> Adapun senarai kelas beserta jumlah siswa dan guru di Pondok Modern Gontor Ponorogo pada tahun 2009 boleh diperhatikan pada jadual 4.8 berikut;

---

<sup>216</sup> Gontor putera 2 adalah salah satu cabang Pondok Modern Darussalam Gontor I yang terletak di Dengok, Madusari Siman, 3 Km ke arah selatan dari bandar Ponorogo. Didirikan para tepatnya pada tahun 1999 sebagai mana dengan Gontor Puteri 2. Memiliki dua tahun pelajaran baru dalam setahun. Pertama adalah tahun pelajaran baru bagi calon pelajar yang akan mengikuti ujian masuk ke Gontor I, pada saat bersamaan waktunya dengan kelulusan siswa-siswi sekolah di luar Gontor pada bulan Juni-Juli. Kedua, tahun pelajaran baru bagi santri yang telah lulus mengikuti ujian masuk KMI Pondok Modern Gontor, sehingga statusnya bukan lagi calon pelajar namun sudah menjadi santri kelas I KMI (kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyah). Sedangkan tahun pelajaran baru yang kedua ini dimulai pada bulan syawwal setiap tahunnya seperti yang berlaku di Gontor pusat. Lihat Tim penyusun(2006) *Warta Dunia Gontor*, Ponorogo: Darussalam Press, h. 44

<sup>217</sup> Gontor Puteri 2 juga merupakan salah satu cabang Pondok Modern Gontor yang terletak di Bersebelahan dengan Gontor puterid I. berdiri pada tahun 2001 yang memiliki dua tahun pelajaran sepetimana halnya di Gontor Putera 2. Lihat Tim penyusun(2006) *Warta Dunia Gontor*, Ponorogo: Darussalam Press, h. 54

**Jadual 4.8 Data kelas, Santri dan Guru Di Pondok Modern Gontor Ponorogo Sesi Pengajaran 2009**

No	Kelas	Jumlah Kelas	Jumlah Santri
1	1 (biasa) <sup>218</sup>	15	550
2	1 Intensif <sup>219</sup>	10	335
3	2	17	632
4	3 (biasa)	14	523
5	3 Intensif	11	412
6	4	12	470
7	5	19	713
8	6	14	593
9	Program Khusus 2	0	0
10	Program Khusus 4	1	1
11	Program Khusus 5	1	3
	<b>JUMLAH</b>	<b>115 kelas</b>	<b>4,232 santri</b>
	<b>Jumlah pengajar / Guru</b>		<b>415 guru</b>

Sumber data: *Diubahsuai dari data Kulliatul Mu'allimin al-Islamiyah di Gontor Ponorogo(2009).*

Dapat difahami dari jadual di atas perbandingan jumlah pelajar<sup>220</sup> dan guru<sup>221</sup> di Pesantren Gontor bernisbah antara satu berbanding sepuluh (1:10), ertinya satu guru menguruskan dan menangani 10 orang pelajar. Kapasiti pelajar dan guru di Pesantren Gontor Ponorogo sentiasa tidak boleh melebihi dari standart perbandingan tersebut, apabila nisbah itu melebihi dari 1:10 maka selebihnya dipindahkan ke cawangan pesantren Gontor, iaitu dari Gontor 3 (di Kediri) hingga Gontor 10 (di Aceh).

<sup>218</sup> Kelas biasa atau kelas regular. Program ini diperuntukan bagi siswa lulusan sekolah Dasar atau Madrasyah Ibtidaiyyah, dengan masa belajar enam tahun, yakni ditempuh dari kelas 1 secara berurutan sampai kelas enam.

<sup>219</sup> Kelas Intensif atau biasa disebut dengan program intensif, program ini diikuti oleh siswa-siswi lulusan SMP (sekolah Menengah Pertama) atau MTs (Madrasyah Tsanawiyah) dan di atasnya, dengan masa belajar empat tahun dengan urutan kelas 1-3-5-6. Dan kelas intensif hanya diselenggarakan pada kelas 1 dan 3, sedangkan di kelas 5 mereka belajar secara regular bersama-sama dengan lulusan SD atau MI yang sudah duduk di kelas lima, demikian pula halnya dengan kelas enam juga ditempuh secara regular. Pada program Intensif kelas (kelas 1 dan 3) sebagian materi umum tidak diajarkan, sedangkan materi berhitung dan matematika diajarkan dengan alokasi waktu setengah dari waktu kelas regular. Adapun bahasa Inggeris tetap diajarkan secara seimbang sesuai yang diajarkan di kelas regular.

<sup>220</sup> Siswa Kulliatul Mu'allimin al-Islamiyah (KMI) memiliki latar belakang pendidikan yang berbeza-beza, mulai dari SD sampai ada yang tamatan perguruan tinggi. Dan mereka juga berasal dari pelbagai daerah di Nusantara (dari sabang sampai merauke) dan juga dari mancanegara, seperti: Malaysia, Thailand, Australia, Singapura, Amerika dan ada juga yang berasal dari Saudi Arabia, Suriname, Somalia, Jepang dan Belanda.

<sup>221</sup> Semua guru yang mengajar di Kulliatul Mu'allimin al-Islamiyah adalah tamatan dari lembaga KMI tersebut; baik mereka itu yang tamat KMI sahaja atau mereka yang sudah menamatkan pengajiannya dari pelbagai perguruan tinggi baik di dalam negeri maupun di luar negeri.

Jumlah santri terbanyak di Pesantren Gontor pusat ialah kelas lima iaitu seramai 713 siswa, yang selanjutnya disusuli kelas dua iaitu sebanyak 632 siswa, jauh lebih banyak jika dinisbahkan dengan kelas satu dan satu intensif. Penambahan jumlah siswa pada kelas dua dan lima disebabkan kerana adanya dipindahkan dari cawangan-cawangan Pesantren Gontor. Manakala jumlah siswa yang tersedikit ialah kelas program khusus empat iaitu hanya terdapat seorang pelajar sahaja. Kelas Program Khusus ini hanya diperuntukan bagi pelajar luar negara Indonesia yang memerlukan perhatian secara khusus dan intensif, dinisbahkan dengan pelajar-pelajar yang lainnya.

#### **4.2.7 Cawangan Pondok Moden Gontor di Indonesia**

Sejak tahun 1990an Pondok Moden Gontor mula mengembangkan peranannya dengan menubuhkan beberapa cawangan di pelbagai daerah di Indonesia. Hingga saat ini cawangan yang telah ditubuhkan pesantren Gontor adalah sebanyak 13 cawangan. Cawangan-cawangan yang telah ditubuhkan mengikut daerah boleh dibahagikan kepada bahagian-bahagian seperti berikut: 8 Pesantren cawangan berada di Jawa Timur, 1 Pesantren cawangan di Jawa Tengah, 2 pesantren cawangan di Sulawesi Tenggara, 2 pesantren cawangan di Lampung dan 1 pesantren cawangan di Aceh. Manakala jumlah santri di seluruh pesantren Gontor mencapai lebih kurang 15,000 santri dan staf pengajar seramai 1,700 guru. Maklumat lanjut mengenai cawangan pesantren Gontor adalah seperti berikut:

1. Pondok Moden Gontor I di Gontor, Ponorogo, Jawa Timur
2. Pondok Moden Gontor II di Madusari, Siman, Ponorogo, Jawa Timur.
3. Pondok Moden Gontor III, “Darul Ma’rifat”, di Sumbercangkring, Gurah, Kediri, Jawa Timur.

4. Pondok Modern Gontor IV. Pondok Gontor IV merangkumi seluruh cawangan Gontor Puteri yang terdiri dari:
  - 1) Gontor Puteri 1 di Sambirejo, Mantingan, Ngawi, Jawa Timur.
  - 2) Gontor Puteri 2 di Sambirejo, Mantingan, Ngawi, Jawa Timur.
  - 3) Gontor Puteri 3 di Karangbanyu, Widodaren, Ngawi, Jawa Timur.
  - 4) Gontor Puteri 4 di Lamomea, Konda, Konawe Selatan, Sulawesi Tenggara
  - 5) Gontor Puteri 5 di Kemiri, Kandangan, Kediri, Jawa Timur.
5. Pondok Modern Gontor V “Darul Muttaqien”, di Kaligung, Rogojampi, Banyuwangi.
6. Pondok Modern Gontor VI, “Darul Qiyam”, di Gadingsari, Mangunsari, Sawangan, Magelang.
7. Pondok Modern Gontor VII di “Riyadlatul Mujahidin” di Pudahowa, Landono, Konawe Selatan, Sulawesi Tenggara.
8. Pondok Modern Gontor VIII di Labuhan Ratu, Lampung Timur.
9. Pondok Modern Gontor IX di Taji Malela, Kalianda, Lampung Selatan
10. Pondok Modern Gontor X di Meunasah Baro, Seulimeum, Aceh Besar.<sup>222</sup>

#### **4.2.8 Kokurikulum Pembelajaran di Pesantren Gontor**

Kurikulum yang dilaksanakan di Pondok Modern Gontor dibahagikan kepada beberapa bidang pengajian iaitu Bahasa Arab, *Dirasah Islāmiyah*, Kependidikan dan Keguruan, Bahasa Inggeris, Ilmu Pasti, Ilmu Pengetahuan Alam, Ilmu Pengetahuan Sosial, Kewarganegaraan. Dalam proses pembelajaran Bahasa Arab sepenuhnya disampaikan dengan menggunakan Bahasa Arab, manakala subjek *Dirasah Islāmiyah*

---

<sup>222</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2009), “Isu Kewangan dan Pembiayaan, Membina Pesantren Yang Mandiri; Pengalaman Pondok Modern Gontor ” (Kertas Kerja Seminar Multaqqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan 3-5 mac 2009), h. 5

telah diajarkan mulai dari kelas 2 hingga kelas 6, seluruh subjek ini berbahasa Arab dan dalam penyampaiannya juga menggunakan Bahasa Arab.

Komposisi kurikulum tersebut memiliki beberapa matlamat iaitu: Pengetahuan bahasa Arab bertujuan agar pelajar mampu berbahasa Arab dengan fasih dan benar sesuai kaedah bahasa Arab, kerana Bahasa Arab merupakan kunci untuk memahami sumber ilmu pengetahuan Islam dan khazanah pemikiran Islam terdahulu. Subjek Bahasa Inggeris digunakan untuk media komunikasi moden serta untuk mempelajari ilmu pengetahuan umum bahkan juga pengetahuan agama, kerana tidak sedikit buku-buku penulisan di bidang pengajian Islam ditulis dalam bahasa Inggeris. Manakala subjek yang berbahasa Indonesia bermatlamatkan agar santri dapat memahami dan menghayati serta menghargai tradisi, budaya dan nilai-nilai murni yang diwariskan bangsa Indonesia.<sup>223</sup> Maka dapat diperhatikan kurikulum yang berlaku di Pondok Modern Gontor ini mengandungi keseimbangan dan perpaduan antara ilmu pengetahuan agama dan ilmu pengetahuan umum tanpa adanya pemisahan ilmu.

#### **4.2.9 Struktur Organisasi di Pondok Modern Darussalam Gontor**

Lembaga tertinggi di balai pendidikan Pondok Modern Gontor ialah badan wakaf. Iaitu badan legislatif yang beranggota 15 orang, bertanggungjawab atas segala pelaksanaan dan perkembangan pendidikan serta pengajaran di Pesantren Gontor. Manakala amanat untuk melaksanakan tugas dan kewajipan ini dijalankan oleh pimpinan Pondok Pesantren Gontor. Pada masa ini mereka ialah Dr. K.H. Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A, K.H. Hasan Abdullah Sahal dan K.H. Syamsul Hadi Abdan. Setelah dirasmikan oleh badan wakaf menjadi badan eksekutif yang dipilih setiap lima tahun

---

<sup>223</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 28

sekali. Pimpinan pondok atau kiai berkewajiban menjalankan keputusan-keputusan badan wakaf dan bertanggungjawab kepada badan wakaf untuk melaporkannya. Secara langsung kiai Gontor bukan sahaja bertanggung jawab sebagai pimpinan tinggi di institusi-institusi Pondok beliau juga berkewajiban untuk mengasuh para santri sesuai dengan ajaran sunnah Pondok Gontor yang telah dijalankan oleh para pengasuh dahulu.<sup>224</sup>

Lembaga-lembaga yang bernaung dibawah pimpinan pondok tersebut ialah:

- 1) Lembaga perguruan menengah dengan masa belajar 6 atau 4 tahun yang bernama Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyah (KMI)
- 2) Lembaga Perguruan Tinggi yang disebut Institut Studi Islam Darussalam Gontor (ISID)
- 3) Lembaga Pengasuhan santri yang mengurus bidang pengasuhan santri khususnya Kokulikuler.
- 4) Lembaga penggalian dana, pemeliharaan, perluasan dan pengembangan aset-aset pondok (YPPWPM)
- 5) Dan lembaga wadah pemersatu para alumni Gontor yang disebut Ikatan Keluarga Pondok Modern (IKPM).

Di samping lima lembaga tersebut ada bahagian-bahagian tertentu yang dibentuk untuk melicinkan proses pendidikan dan pengajaran di Pondok Gontor. Bahagian-bahagian tersebut ialah:

- 1). Bahagian pembinaan masyarakat yang disebut Pusat Latihan Menejemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM)


---

<sup>224</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 19

- 2). Bahagian yang menangani pergedungan pondok Gontor, iaitu bagian Pembangunan Pondok Moden Gontor
- 3). Bahagian yang menangani usaha-usaha milik pondok iaitu Koperasi Pondok Pesantren
- 4). Bahagian yang bergerak dibidang perkhidmatan kesihatan santri dan masyarakat iaitu Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM).<sup>225</sup>

Adapun struktur Organisasi di Pondok Gontor dapat diperhatikan pada carta berikut:

**Carta 4.1 Struktur Organisasi Di Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia**



Sumber: Diubahsuai dari warta Dunia Pondok Moden Gontor tahun 2009

<sup>225</sup> Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit*, h. 20

#### **4.3 Sejarah Penubuhan Kopontren Gontor**

Pondok Modern Darussalam Gontor merupakan lembaga pendidikan Islam yang berteraskan menyediakan umat untuk menuju masyarakat yang berakhlak mulia. Pesantren Gontor juga disebut sebagai lembaga pendidikan yang memiliki orientasi untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan membentuk peribadi umat<sup>226</sup> dari segi lahir batin, dunia dan akhirat.<sup>227</sup> Dalam pengembangan kurikulum pengajaran di pesantren Gontor ianya disesuaikan antara ilmu dan amal. Pemberian istilah “moden” menurut para pengasasnya dikaitkan dengan sistem pendidikan dan metod pengajaran yang digunakan di lembaga tersebut. Serta wujudnya orientasi pendidikan yang lebih mementingkan penguasaan ilmu alat (ilmu bahasa).<sup>228</sup>

Salah satu motto Pesantren Gontor ialah mahu memimpin dan bersedia dipimpin,<sup>229</sup> hal itu disebabkan untuk menciptakan pelapis yang baik menjadi pemimpin umat yang berdaya saing dalam mengatur sebuah organisasi di dalam masyarakat. Untuk tujuan tersebut, maka seluruh santri selain daripada belajar, mereka juga ditugaskan mengatur dan mentadbir seluruh aktiviti mereka yang ada di pondok secara berdikari. Maksud daripada berdikari ialah para santri bukan hanya dapat menolong diri sendiri sahaja, akan tetapi jiwa berdikari juga seperti dalam kehidupan pondok pesantren

<sup>226</sup> Kalimat ummat berasal dari bahasa arab bererti suatu masyarakat universal al-Qur'an Surah al-Thaha (21):29, yang keanggotaannya meliputi jenis etnik dan komuniti yang luas, tetapi keimanan kepada Islam menjalin mereka ke dalam suatu orde sosial. Dan ruang lingkupnya bukan hanya seluruh dunia, tetapi seluruh alam jagat. Ia menembusi batas-batas ras dan menganggap semua umat manusia sebagai anggota atau calon aggotanya. Dan Ummah bukan sautu Negara tetapi suatu Negara dunia yang di dalamnya mungkin terdapat beberapa Negara. Lihat. Tajul Ariffin & Abdul Raof Dalip (1986) “Pendidikan Sepadu”. (Di dalam kumpulan Seminar Pendidikan Sepadu 30 oktober 1984. Banggi: Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 74

<sup>227</sup> Lihat AD & ART Badan Wakaf Pondok Bab 5 tentang Usaha, pasal 5 ayat A.3. Tim penyusun AD & ART Badan Wakaf Pondok Gontor (1944) *Piagam Penyerahan Wakaf Pondok Modern dan AD & ART Badan Wakaf Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia*. C.2. Ponorogo: Sekretariat Pondok Modern Gontor, h. 12

<sup>228</sup> Lihat. Yasmadi (2005) *Modernisasi Pesantren kritik Nurcholish Madjid terhadap Pendidikan Islam Tradisional*. Ciputat: Quantun Teaching. Ciputat Press, h.117

<sup>229</sup> Tim penyusun(2006) *Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo*, Ponorogo: Darussalam Press, h. 10

itu sendiri. Sehingga dengan jiwa tersebut Pesantren Gontor tidak mengharapkan bantuan atau belas kasihan dari mana-mana pihak.<sup>230</sup> Usaha para pengasas dan kiai pesantren Gontor untuk merealisasikan nilai tersebut dilaksanakan dalam proses pendidikan dan pengajaran yang telah diagendakan di dalam kurikulumnya. Sekaligus hal itu merupakan penjelasan dari lima program kerja jangka panjang Pondok Modern Gontor iaitu mengembangkan sumber dana *khizanatullāh*<sup>231</sup>. Hal itu disebabkan sumber dana merupakan syarat utama yang harus ada pada mana-mana lembaga pendidikan agar sentiasa mampu hidup bertahan dan berkembang.

Pengembangan ekonomi di Pondok Pesantren Gontor telah bermula sejak tahun 1970 di bawah Koperasi Pondok Pesantren Ia-Tansa, secara rasmi kopontren telah didaftarkan ke Departemen Koperasi dengan No 8371/BH/II/96 pada 29 Juli 1996.<sup>232</sup> Pelbagai usaha ekonomi dilaksanakan untuk mencapai matlamat tersebut, antaranya dengan menubuhkan usaha ekonomi yang dapat menjadi sumber dana, seperti usaha pertanian, perkebunan, peternakan, kedai runcit, kilang, percetakan, dan perkhidmatan pengangkutan.<sup>233</sup>

Manakala sebab musabab Kopontren ini ditubuhkan ialah kerana adanya undang-undang di Indonesia yang melarang Yayasan memiliki suatu usaha ekonomi. Oleh yang demikian, Penubuhan kopontren ini dijadikan perantara untuk menjayakan aktiviti ekonominya. Dalam pelaksanaannya usaha ekonomi di Kopontren Gontor dipimpin oleh seorang pengurus yang setiap bulan berkewajiban untuk melaporkan kepada ketua

<sup>230</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*, Jakarta: Rajawali Pers, h. 102

<sup>231</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor*, Ponorogo: Trimurti Perss, h. 94

<sup>232</sup> Tim penyusun(2006) *op. cit*, h. 10

<sup>233</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit*, h. 94

kopontren, dan laporan tersebut meliputi segala aktiviti yang dilaksanakan di bahagian usaha ekonomi yang dinyatakan di dalam laporan kewangannya.<sup>234</sup>

#### **4.4 Hubungan antara Kopontren dengan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden.**

Sejarah penubuhan Koperasi Pondok Pesantren Gontor tidak dapat dipisahkan dengan kewujudan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden. Yayasan ini ditubuhkan oleh Pesantren Gontor yang memiliki matlamat sebagai berikut:

- 1) *Memelihara*, iaitu menyempurnakan dan menambah segala harta benda milik Badan Wakaf pondok Moden Gontor Ponorogo, samada yang berupa harta tetap, seperti tanah dan bangunan, maupun harta bergerak, seperti segala peralatan dan perlengkapan yang ada.
- 2) *Melanjutkan* dan *menyempurnakan* segala usaha agar Pesantren Gontor menjadi Universiti Islam yang bermutu tinggi dan berfungsi terhadap masyarakat awam, iaitu tempat sumber Ilmu Pengetahuan Agama Islam, Bahasa Arab, dan Ilmu Pengetahuan Umum yang sentiasa menjaga jiwa pesantren.<sup>235</sup>

Merujuk matlamat di atas yayasan sentiasa berusaha melengkapi dan menyempurnakan kemudahan bagi pondok, termasuk mencari dana dengan menubuahkan usaha ekonomi. Tetapi peraturan baru yang menyebutkan bahawa yayasan tidak boleh memiliki suatu usaha ekonomi, maka pada tahun 1996 Yayasan pesantren Gontor menubuahkan sebuah koperasi yang bernama Koperasi Pondok Pesantren La-tansa di

---

<sup>234</sup> Tim pneyusun(2006) *op. cit*, h. 10

<sup>235</sup> Ustaz Zaenal Arifin, Pengarah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor, temubual pada 19 Oktober 2009, di kantor Pejabat YPPWPM, puluk 09.45 am.

pejabat koperasi untuk mendapatkan status badan hukum tersendiri. Bermula tahun itu lah seluruh usaha ekonomi yang ditubuhkan oleh Yayasan Pesantren Gontor di bawah koordinasi kopontren.<sup>236</sup> Berikut usaha-usaha ekonomi yang telah ditubuhkan di bawah koordinasi Kopontren Gontor, yang hingga saat ini memiliki 27 usaha ekonomi:

**Jadual 4.9 Nama-nama Usaha Ekonomi di bawah Kopontren Gontor**

No	Nama Usaha ekonomi	Tahun ditubuhkan	Alamat
1	Pengilingan Padi	1970	Ds. Gontor
2	Percetakan Buku	1983	Ds. Gontor
3	Kedai Sebaneka	1985	Ds. Bajang
4	Kedai Bahan Bangunan	1988	Ds. Bajang
5	Kedai Buku	1989	Ponorogo
6	Kedai Bakso	1990	Ponorogo
7	Fotocopy I	1990	Ds. Bajang
8	Usaha Kesejahteraan Keluarga	1990	Ds. Gontor
9	Kedai Farmasi	1991	Ponorogo
10	Kedai Telkom di Gambia Permai	1991	Ds. Gontor
11	Kilang Es	1996	Ds. Gontor
12	Kedai Grosir sayur-sayuran	1997	Ds. Gontor
13	Perkhidmatan Kenderaan	1998	Ds. Gontor
14	Kedai Telekomunikasi di Sudan	1999	Ds. Gontor
15	Kedai makan di Azhar	1999	Ds. Gontor
16	Perkhidmatan Komputer	1999	Ds. Gontor
17	Rumah Penginapan (Wisma)	1999	Ds. Gontor
18	Fotocopy II	2000	Ds. Gontor
19	Pasar tani	2002	Ponorogo
20	DDC (Darussalam Distributor Center)	2002	Mantingan
21	Pemotongan ayam	2002	Ds. Gontor
22	Kilang pembuatan Roti	2003	Ds. Gontor

<sup>236</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm.

23	Penggemukan lembu	2003	Ds. Gontor
24	Kilang Air Mineral Kemasan	2004	Ds. Gontor
25	Kedai peralatan sukan	2005	Ponorogo
26	Kedai Telekomunikasi Al Azhar	2006	Ds. Gontor
27	Usaha Konveksi	2006	Ds. Gontor

Sumber data: *diubahsuai dari data usaha ekonomi di Kopontren La-Tansa Gontor Ponorogo.*

#### **4.4 Hubungan antara Kopontren dengan Pimpinan Pondok Modern Gontor.**

Sejarah penubuhan koperasi pondok pesantren adalah kerana wujudnya pondok pesantren itu sendiri. Penubuhan pondok pesantren sebagaimana halnya dijelaskan dalam bab satu bahawa adanya seorang tokoh atau ulama' samada secara individu mahupun berkumpulan yang berkeinginan untuk mengajarkan ilmu pengetahuan agama kepada orang di sekelilingnya yang bersifat autonomi.<sup>237</sup> Oleh yang demikian, usaha dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pesantren boleh dibezaikan atas perkhidmatan kepada para pelajar dan perkhidmatan kepada masyarakat sekitarnya. Hal itu kerana pesantren menyiapkan kemudahan fasiliti bagi perkembangan peribadi muslim dan juga untuk memajukan masyarakat sekitar.

Penubuhan kopontren bermula dari idea cemerlang kiai atau pimpinan pondok. Oleh sebab itu kewujudan kiai di pesantren dan jawatannya di kopontren sangat penting sekali. Kemajuan dan kemunduruan kopontren sedikit sebanyak dipengaruhi dari polisi kiai. Dalam struktur organisasi pesantren, kiai berada pada kedudukan tertinggi di atas lembaga-lembaga yang lain, ini bererti fungsi dan peranan kiai sebagai tokoh yang menjadi teladan dan contoh bagi masyarakat pondok sangatlah erat sekali.

---

<sup>237</sup> Lihat. Akhmad Faozan (2006) *Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi*. Purwokerto: jurnal Ibda'. jil:4.bil.1, 2006

Kopontren bukan merupakan satu lembaga yang mempunyai sistem secara bersendirii di dalam pesantren, sebagaimana koperasi-koperasi konvensional. Tetapi Kopontren berada di dalam pesantren sebagai sebahagian dalam sistem yang berlaku di pondok pesantren. Hal itu kerana penubuhannya bermatlamatkan sebagai tempat para santri dan guru pesantren belajar berniaga. Sehingga kopontren masih di bawah suatu lembaga yang mengawasi dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam hal pentadbiran kopontren iaitu yayasan di pesantren.<sup>238</sup> Manakala kiai dalam struktur organisasi di pesantren menjawat jawatan dalam lembaga tertinggi. Oleh sebab itu polisi dari hasil mesyuarat tahunan bersama pengawas dan pengurus kopontren belum tentu boleh dipastikan untuk dilaksanakan keputusannya, memandangkan autoriti kiai masih di utamakan.

Dalam pelaksanaan pengembangan kopontren, kiai atau pimpinan pesantren menggunakan beberapa pendekatan agar kopontren sentiasa berada di bawah kawalan dan berjalan sesuai dengan perancangannya. Pendekatan yang digunakan kiai adalah pendekatan dengan 5 M; meyakinkan, menyatukan, menggerakkan, mengawal dan melindungi<sup>239</sup>. Hal itu bermaksud sebagai berikut:

### 1) Meyakinkan

Kiai sebagai tokoh teladan di pesantren sentiasa mencuba memberikan yang terbaik untuk guru dan santrinya. Beliau berusaha meyakinkan masyarakat pesantren tentang kebenaran nilai-nilai agama yang diterapkan dalam sudut kehidupan, seperti menanamkan sifat ikhlas, kejujuran, amanah dan bertanggung jawab.

<sup>238</sup> Balai pendidikan Pondok Modern Gontor, <http://gontor.tripod.com/kopontren.htm>, 18 Juli 2011

<sup>239</sup> Badan Penelitian dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil Departemen Koperasi dan PPK (1997/1998), *op.cit.* h. 34

## **2) Mempersatukan**

Usaha menyatukan anggota kopontren khususnya dalam rangka meningkatkan kerjasama dalam pelbagai aktiviti yang dilakukan samada dalam bentuk keagamaan mahupun sosial sering mendapat perhatian yang utama. Hal itu kerana kefahaman tentang nilai, dan falsafah pondok memberi erti yang luar biasa bagi pelaku ekonomi tersebut. Nilai-nilai itu mengandungi nilai keikhlasan, kesederhanaan, berdikari, ukhuwah diniyah dan jiwa bebas.<sup>240</sup>

## **3) Menggerakkan**

Salah satu nilai penting yang diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat pesantren ialah usaha untuk menggerakan penghuni pesantren dalam aktiviti nyata. Usaha-usaha tersebut dilakukan untuk memperbaiki mentaliti sekaligus kehidupan ekonomi pesantren dengan transformasi nilai pelbagai dimensi. Transformasi nilai itu dilakukan dalam pelbagai kesempatan. Seperti contoh melalui ceramah ringkas setiap selesai solat maghrib di masjid, ketika berkumpul setiap hari khamis untuk tazkirah, dengan pemanggilan secara bersemuka, melalui laporan bahagian yang dilakukan setiap tiga bulan sekali, mahupun dalam acara Khutbatul Arsy.

## **4) Mengawal**

Kiai sebagai pemimpin tertinggi di pesantren bertanggungjawab atas kejayaan program kerja yang dilaksanakan setiap dua kali dalam setahun. Oleh sebab itu pengawasan sentiasa dilaksanakan untuk memastikan aktiviti tetap berjalan lancar, samada yang berhubungkait dengan usaha mendalamai ajaran agama (di sekolah) mahupun dalam bentuk polisi baru bagi kehidupan di pesantren.

---

<sup>240</sup> Badan Penelitian dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil Departeman Koperasi dan PPK (1997/1998), *op.cit*, h. 33

## 5) Melindungi

Kiai sentiasa berusaha melindungi semua warga pesantren. Dalam beberapa kes kiai merangkap pemimpin kopontren sering mewakili anggota kopontren apabila terdapat perselisihan dengan pihak lain. Kiai selalu mempertaruhkan nama baiknya demi melindungi anggota-anggotanya dalam bentuk pembelaan.<sup>241</sup>

### 4.5 Kesimpulan

Pesantren Gontor tidak berbeza dengan pondok pesantren lainnya yang merupakan salah satu tempat untuk beribadah, *talabul 'ilmi* dan tempat perjuangan mencari redha Allah. Walau bagaimanapun terdapat beberapa unsur yang membezakan Pesantren Gontor dengan pondok pesantren yang lain iaitu visi dan misinya untuk membentuk peribadi umat yang unggul dan berkualiti, memiliki budi pekerti yang tinggi, berbadan sihat, berpengetahuan luas dan berfikiran bebas, serta berkhidmat kepada masyarakat. Menurut Gontor kualifikasi manusia yang demikianlah yang mampu menggerakkan roda peradaban manusia yang mensejahterakan dan mampu mengembangkan fungsi kekhilafahan, kehambaan kepada Allah dan penyambung risalah dakwah para *anbiya'*.

Seluruh aktiviti yang dilaksanakan di Pesantren Gontor berasaskan kepada lima jiwa yang biasa disebut Panca Jiwa Pondok iaitu *keikhlasan* bererti tidak mengharapkan balasan, *kesederhanaan* bermaksud tidak bererti pasif atau menerima apa adanya, sederhana juga tidak bererti miskin, *berdikari* iaitu tidak menyandarkan kehidupannya kepada bantuan atau belas kasihan dari pihak lain, *ukhuwah diniyyah* tidak ada dinding

---

<sup>241</sup> Badan Penelitian dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil Departeman Koperasi dan PPK (1997/1998), *op.cit*, h. 34

pembatas dan pemisah antara satu santri dengan yang lainnya, dan *jiwa bebas*, bebas dalam berbuat, bebas dalam menentukan masa depan, bebas dalam memilih jalan hidup dan bebas dari pelbagai pengaruh negatif dari luar dan masyarakat.

Usaha Pesantren Gontor untuk mengembangkan dan memajukan pesantren dengan menyediakan program jangka panjang yang menjadi dasar untuk program kerja tahunan mahupun bulanan. Progam jangka panjang tersebut ialah *pendidikan dan pengajaran* bermaksud berusaha secara maksimum untuk meningkatkan dan menyempurnakan pendidikan dan pengajarannya, *Kaderisasi* memberikan perhatian yang mendalam terhadap kesinambungan proses belajar dan mengajar dengan cara bersedia untuk melanjutkan cita-cita para pengasas terdahulu, *pergedungan* usaha untuk menyediakan prasarana dan fasiliti pendidikan dan pengajaran yang layak bagi para santri-santrinya, penambahan dana iaitu usaha untuk mencipta sumber dana sendiri yang tidak bergantung kepada pihak lain, *Kesejahteraan Keluarga Pondok* bertujuan untuk memperkasakan keluarga-keluarga yang membantu dan bertanggungjawab terhadap hidup dan matinya pondok secara langsung, sehingga keluarga pondok tidak bergantung penghidupan kepada pondok.

Secara struktural lembaga tinggi di Pondok Gontor ialah badan wakaf iaitu badan eksekutif dipilih setiap lima tahun sekali. Manakala kiai mendapat mandat badan wakaf yang mendapatkan amanah untuk menjalankan keputusan-keputusan badan wakaf dan bertanggungjawab kepada badan wakaf untuk melaporkannya. Dalam hal ini, kopontren termasuk lembaga yang bernaung di bawah tanggung jawab kiai secara langsung. Oleh yang demikian hubungan antara kiai dan kopontren, kopontren dengan pondok sangatlah erat sekali yang tidak dapat dipisahkan. Hal itu kerana sejarah penubuhan kopontren tidak

lepas dari kewujudan pondok dan penubuhan pondok pesantren juga tidak lepas dari peranan seorang Kiai.

Kopontren di sebuah Pesantren bukan merupakan satu lembaga yang berdiri sendiri di dalam pondok pesantren sebagaimana koperasi-koperasi yang ada di luar pesantren. Akan tetapi kopontren masih berada di dalam sebagai sub-sistem dalam sistem yang berlaku di pondok pesantren. Maka usaha seorang kiai untuk meningkatkan keupayaan kopontren dengan beberapa cara iaitu *meyakinkan, mempersatukan, menggerakkan, mengawal dan melindungi*.

**BAB LIMA**

**PELAKSANAAN KOPERASI PONDOK PESANTREN (KOPONTREN)**

**DI PONDOK PESANTREN GONTOR PONOROGO JAWA TIMUR**

### **5.1. Pengenalan**

Cita-cita utama para pengasas Pondok Modern Gontor Ponorogo adalah memajukan ummat Islam dengan mencari keredhaan Allah.<sup>242</sup> Oleh itu, Gontor sebagai lembaga pesantren dipilih sebagai wadah untuk mewujudkan cita-cita tersebut. Arah matlamat utama dalam pendidikan di Gontor ialah orientasi masyarakat.<sup>243</sup> Hal itu disebabkan tidak semua santri akan menetap selamanya di pesantren, tetapi mereka harus kembali ke masyarakat untuk mengajar dan mengamalkan ilmu yang telah mereka perolehi ketika di pesantren.

Pondok Pesantren Gontor berharap dapat menjadi contoh kepada pondok pesantren yang lain. Iaitu dengan menjadikan orientasi pendidikan di pesantren tidak hanya mengutamakan pendidikan agama, tetapi juga menitikberatkan pendidikan kemasyarakatan. Tugas kemasyarakatan pesantren tidak bererti mengurangkan tugas keagamaannya, kerana tugas kemasyarakatan dapat menjelaskan nilai-nilai hidup keagamaan bagi kebaikan masyarakat bersama. Oleh yang demikian pesantren menjadi milik bersama, disokong dan dibantu oleh masyarakat awam. Di samping itu pesantren akan berkesempatan melihat pelaksanaan nilai hidup keagamaan dalam kehidupan seharian dalam masyarakat.<sup>244</sup> Di dalam kehidupan sosial masyarakat yang perlu

---

<sup>242</sup> Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006), *op.cit.* h. 12

<sup>243</sup> Abdullah Syukri Zarkasi (2005) *op.cit.*, h. 106

<sup>244</sup> Nurcholish Madjid (1985) *Pergulatan Dunia Pesantren Membangun dari Bawah*, Dawan Raharjo (ed). Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, media Pratama Offset, h. 18

diperhatikan adalah aktiviti ekonomi. Oleh kerana itu pada tahun 1970 Pesantren Gontor telah melaksanakan pergerakan ekonomi dengan cara menubuhkan usaha ekonomi di bawah Koperasi Pondok Pesantren (*kopontren*)<sup>245</sup>.

## 5.2. Analisis Anggota Kopontren Gontor

Ciri utama koperasi ialah status anggota. Berdasarkan pada Undang-Undang Nombor 25 tahun 1992 mengenai koperasi, anggota koperasi adalah pemilik serta pengguna bersama di koperasi. Erti pengguna bersama di sini ialah pelanggan (*customer*) yang menyertai dalam menggunakan perkhidmatan perkumpulan dan menerima tanggungjawab keanggotaan.<sup>246</sup> Salah satu faktor latar belakang penubuhan Kopontren Gontor iaitu bermatlamatkan kepada memenuhi keperluan para anggota kopontren, sehingga dengan tertubuhnya kopontren diharapkan dapat mencipta ekonomi yang kuat dan stabil. Oleh yang demikian, secara langsung para anggota Kopontren Gontor menjadi pelanggan dan pengguna perkhidmatan dalam urusniaga-urusniaga ekonomi kopontren. Dengan demikian anggota kopontren adalah pemilik dan pelanggan, atau pemilik dan pelanggan adalah orang yang sama iaitu penghuni pondok pesantren.

Kewujudan kopontren di pondok pesantren menjadi tempat latihan para santri dan guru dalam hal keusahawanan, kemasyarakatan, pengorbanan, dan keikhlasan. Oleh yang demikian, ahli di dalam Kopontren Gontor lebih diutamakan kepada para gurunya untuk mengurus, mengelola dan mengembangkan usaha ekonomi dengan penuh kejujuran, keikhlasan sebagai bentuk kesetiaan terhadap pondok pesantren.<sup>247</sup> Seluruh usaha

<sup>245</sup> Tim Penyusun (2009) *Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*, Ponorogo: Darussalam Press, h. 33

<sup>246</sup> Arifin Sitio & Halomoan Tamba (2001) *Koperasi Teori dan Praktik*, Jakarta: Erlangga PT. Gelora Aksara Pratama, h.72

<sup>247</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 185

ekonomi yang dikembangkan di Kopontren Gontor telah menjadi milik penuh Pondok Pesatren Gontor bukan milik para Kiai, kerana Pesantren Gontor telah diwakafkan pada tarikh 12 Oktober tahun 1958.<sup>248</sup> Manakala hasil daripada usaha ekonomi kopontren digunakan untuk memenuhi keperluan para santri dan gurunya dengan tujuan tidak mengharapkan bantuan daripada pihak lain.

Dalam hal ini Koperasi Pondok Pesantren Gontor sesuai dengan AD/ART<sup>249</sup> pada Bab V pasal 5 mengenai syarat menjadi anggota kopontren yang dinyatakan bahawa guru dan pelapis Pondok Modern Gontor sahaja yang dapat menjadi anggota Koperasi Pondok Pesantren Gontor.<sup>250</sup> Para guru dan pelapis Pondok Modern Gontor dipilih dan dilantik oleh Kiai sesuai dengan penetapannya iaitu semasa menjadi santri perlulah bersih dari sebarang rekod yang buruk, memiliki kebolehpercayaan (kredibiliti) yang tinggi dan berkemampuan untuk menjadi guru.<sup>251</sup> Hal itu diharapkan agar kesejahteraan bersama “dari kita oleh kita dan untuk kita” dapat tercapai dengan adanya penjiwaan lima jiwa<sup>252</sup> Pondok Pesantren Gontor tersebut. Seorang anggota Kopontren Gontor dinyatakan telah tamat dari keahliannya apabila guru dan pelapis pesantren tersebut keluar atau dikeluarkan oleh Kiai dari Pesantren Gontor, maka secara automatik ia dinyatakan keluar dari anggota kopontren<sup>253</sup>.

<sup>248</sup> Tim penyusun (1994) *Piagam Penyerahan Wakaf Pondok Modern Gontor dan AD & ART Badan Wakaf Pondok Gontor Ponorogo*, c, II, Ponorogo: Sekretaris Pondok Gontor, h: 8

<sup>249</sup> AD & ART (Anggaran Dasar dan Anggaran Rumah Tangga), bermaksud suatu asas operasional padasuatu organisasi mahupun persatuan yang harus dilaksanakan oleh organisasi tersebut, yang di dalamnya mengandungi visi, misi, tujuan, tugas setiap bahagian suatu organisasi.

<sup>250</sup> Tim penyusun, t.t. AD/ART KOPONTREN La-Tansa Gontor, BAB V Pasal 5

<sup>251</sup> K.H. Abdullah Syukri Zarkasyi, Pimpinan Pondok Modern Darussalam Gontor, wejangan pada 14 Oktober 2009 di kediaman beliau.

<sup>252</sup> Sila rujuk ke bab empat, h. 111

<sup>253</sup> Zenal Arifin, Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor, Temubual pada tarikh 19 Oktober 2009

Dapat difahami bahawa Kopontren Gontor dalam perkara-perkara yang mengenai keahlian tidak sama dengan prinsip koperasi pada asalnya, yang sepatutnya ahli koperasi bersifat sukarela dan terbuka untuk sesiapa sahaja yang mampu menggunakan perkhidmatan perkumpulan serta bersedia menerima tanggungjawab keanggotaan tanpa membezakan keturunan, suku, jantina, latar belakang pendidikan, politik dan agama. Serta setiap orang diberi peluang menyakinkan diri untuk menjadi ahli tanpa paksaan dengan sukarelannya sendiri, ia bebas menarik diri pada bila-bila masa dengan tidak menjelaskan kepentingan orang lain.

### **5.3. Analisis Pengurusan Kopontren Gontor**

Tenaga-tenaga pengurus Kopontren Gontor adalah para guru dan pelapis Pondok yang telah ditetapkan oleh Pimpinan Pondok.<sup>254</sup> Pemilihan para pengurus kopontren ini memiliki matlamat tertentu. Iaitu agar pengurus di usaha-usaha ekonomi pondok Gontor sentiasa diwarnai oleh jiwa keikhlasan, kejujuran, amanah, tanggung jawab, kesungguhan, dan kesetiaan. Bagaimanapun, Kopontren Gontor juga menitikberatkan kemahiran pengurusnya. Oleh kerana itu, untuk memenuhi kriteria kemahiran, para pengurus kopontren yang bekerja di usaha ekonomi pondok dibekalkan dengan kemahiran yang cukup serta praktikal sebelum ia bekerja.<sup>255</sup> Hal itu diharapkan agar para pengurus mampu menjana pengembangan kopontren lebih kukuh dalam waktu yang panjang.

---

<sup>254</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Modern Gontor, pukul 20.00 pm.

<sup>255</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 185

Beberapa aspek yang dijadikan syarat kelayakan untuk menjadi pengurus adalah seperti berikut;

1. *Memiliki sifat bijaksana dalam membuat keputusan*, bermaksud pengurus memiliki kemahuan yang kuat untuk meningkatkan dirinya dengan mengabdi kepada Pondok secara maksimum.
2. *Kemampuan dalam memimpin*, hal ini menjadi faktor utama untuk menjadi pengurus di kopontren, samada mengurus dalam kopontren dan juga kemampuan menguruskan diri sendiri,
3. *Kebiasaan bekerja*, iaitu sukarela bekerja dan mencari pekerjaan, bukan pasif dan menunggu perintah,
4. *Keperibadian yang baik*, bermaksud memiliki keperibadian mulia iaitu kejujuran, berdisiplin, amanah dan ikhlas yang ditunjukan dalam kerjanya.<sup>256</sup>

Oleh kerana itu kewajiban seorang pengurus dalam mengembangkan kopontren meliputi usaha untuk membangun misi kopontren, mempertahankan nilai-nilai Islami samada dalam melaksanakan aktiviti kopontren mahupun aktiviti sosial kehidupan di pondok pesantren, bijak mengurus pada kopontren serta melibatkan diri dalam perencanaan kegiatan kopontren pada akan datang.<sup>257</sup>

Bagi meningkatkan kerja usaha ekonomi, lembaga pengawas kopontren mengadakan latihan bersepada dalam semua bahagian pengurus di seluruh usaha ekonomi pondok. Di samping itu lembaga pengawas kopontren juga menggunakan sistem pendekatan-pendekatan manusawi seperti rekreasi bersama, pengajian mingguan, belajar mengaji dengan pengurus kopontren dan sebagainya. Hal itu disebabkan pondok

---

<sup>256</sup> Hudiyanto (2002) *op.cit*, h. 145

<sup>257</sup> Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998) *opcit*, h. 27

pesantren merupakan lembaga yang mewujudkan proses perkembangan sistem pendidikan nasional secara menyeluruh.<sup>258</sup>

Pondok Modern Gontor sentiasa berusaha menciptakan dunia pendidikan di seluruh kehidupan di pesantren. Hal itu kerana maksud pendidikan menurut Gontor bukan hanya terhad pada pengajaran sahaja akan tetapi lebih luas daripada cara pengajaran itu sendiri. Pendidikan yang diterapkan di Gontor mengandungi pelbagai cara, sehingga dengan cara-cara itulah tercipta suasana yang kondusif dan efektif di seluruh bahagian usaha ekonomi pondok. Manakala cara-cara yang ditanamkan dalam pendidikan di Gontor ialah sebagai berikut:

### **1. Sikap Tauladan**

Tauladan (*uswah hasanah*) merupakan cara pendidikan yang efektif. Iaitu dengan menanamkan nilai-nilai keikhlasan, perjuangan, pengorbanan, kesungguhan, kesederhanaan, tanggung jawab. Sebagai contoh Kiai ikhlas dalam mendidik, santri ikhlas dididik dan mendidik diri sendiri, serta para pembantu kiai ikhlas dalam membantu menjalankan tugas kewajiban pondok. Dengan itu hubungan antara kiai dengan pengurus, pengurus dengan pekerja kopontren akan lebih mesra dan rapat dan hubungan ini juga boleh mengeratkan hubungan silaturrahim sesama mereka.<sup>259</sup>

### **2. Mencipta suasana pembelajaran**

Tempat pembelajaran memiliki peranan yang sangat penting dalam dunia pendidikan. Kejadian yang berlaku di tempat pembelajaran akan memberikan input

<sup>258</sup> Nurkholis Madjid (1985) “Merumuskan kembali Tujuan Pendidikan Pesantren”, dalam *Pergulatan Dunia Pesantren*. Ed. M. Dawan Rahardjo, Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat (P3M). Media Pertama Offset, h. 3

<sup>259</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 134

yang luar biasa bagi orang yang ada disekitarnya. Pesantren Gontor menciptakan suasana pendidikan dengan sistem moden, iaitu suasana pembelajaran dirancang secara sistematik untuk menjadi sebahagian dalam proses pendidikan. Ini kerana apa yang dilihat, dirasakan dan didengari dari oleh para santri juga adalah merupakan pendidikan.<sup>260</sup>

### **3. Wujudnya Pengarahan**

Pemberian arahan merupakan cara terpenting sebelum melaksanakan aktiviti, tugas ataupun melaksanakan amanah yang diberikan oleh kiai atau dari lembaga pengawas kopontren. Maksud daripada wujudnya pengarahan ialah agar setiap mereka dapat bekerja dengan giat bukan hanya bekerja untuk menyelesaikan atau terlepas dari tugas-tugas wajib sahaja akan tetapi lebih daripada usaha untuk melaksanakannya secara optimum. Sehingga ia tahu apa yang harus dilakukan, memahami tujuan dan sebab sesuatu tugas itu dilaksanakan.<sup>261</sup>

### **4. Pembahagian Tugasan**

Usaha ekonomi di Kopontren Gontor dilakukan oleh para guru yang dibantu oleh para usahawan dari masyarakat sekitar pondok. Tugas seorang guru di Gontor bukan hanya mengajar dan membimbing santri sahaja, sebaliknya mereka juga diberi tugas untuk mengurus usaha-usaha ekonomi di kopontren.<sup>262</sup>

---

<sup>260</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 138

<sup>261</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 144

<sup>262</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 144

## **5. Sikap Berdisiplin**

Disiplin yang tinggi adalah kriteria utama usaha untuk mencapai tahap profesional dalam sesuatu bidang. Seluruh pengurus kopontren perlu menjaga dan menjunjung tinggi disiplin untuk memastikan urusan kopontren berjalan dengan baik dan cekap. Sebuah aktiviti tidak akan tercapai hingga konsep disiplin benar-benar diterapkan di dalamnya. Para pengurus Kopontren Gontor diwajibkan menjalankan tugas sehariannya dengan penuh disiplin iaitu berdisiplin dalam menjaga waktu, pengurusan dan sebagainya sehingga akhirnya menjadi suatu kebiasaan berdisiplin.<sup>263</sup>

Pengurus kopontren tidak diberikan gaji tetap, kerana mereka ikhlas dengan pekerjaan yang telah diamanahkan kepada mereka. Hal itu disebabkan mereka juga mengambil kesempatan ini untuk belajar dan berlatih di usaha-usaha ekonomi kopontren. Pengurus di Kopontren Gontor dipilih kerana memiliki kelebihan kemahiran mental seperti keikhlasan, kejujuran, amanah, bertanggung jawab dan bersungguh dalam pekerjaan mereka. Dalam erti kata lain, mereka mengamalkan nilai-nilai murni dan juga tidak menganggap pekerjaan mereka hanya satu kewajiban tetapi lebih daripada itu dilaksanakan dengan penuh keikhlasan.<sup>264</sup>

### **5.4. Sumber Kewangan Kopontren Gontor**

Koperasi merupakan perkumpulan autonomi dari orang-orang yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan aspirasi ekonomi, dan sosio budaya bersama melalui

---

<sup>263</sup> Lihat. Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 146

<sup>264</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 184

usaha yang mereka miliki bersama dan dikendalikan secara demokratik.<sup>265</sup> Oleh yang demikian setiap anggota memiliki peranan dalam permodalan. Hal itu disebabkan modal merupakan unsur terpenting pada koperasi untuk membiayai keperluan dalam operasinya.

Usaha pengumpulan modal di Kopontren Gontor telah bermula semenjak tahun 1931, iaitu dengan mengumpulkan dana dari setengah sen, satu sen, dua setengah sen hingga berupa ayam, kambing, padi dan lembu. Setelah modal terkumpul, di kembangkan menjadi suatu usaha peternakan ayam, kambing dan lembu. Walaupun usaha itu tidak berhasil, tetapi Kopontren Gontor sentiasa berusaha untuk mencari dan mengumpulkan modal dari para dermawan lain. Bentuk gotong royong dalam permodalan di Kopontren Gontor juga telah wujud semenjak tahun 1954, iaitu adanya sistem "*Kad infaq*" bersumber dari sumbangan sukarelawan para pengajar di pesantren pada waktu itu. Dari dana infaq terkumpul beberapa dana yang akhirnya dipergunakan untuk memperluaskan usaha ekonomi dan terbinalah sebuah kedai yang menyediakan seluruh keperluan santri, termasuk peralatan sekolah dan lain-lain lagi.<sup>266</sup> Bermula dari kedai inilah Kopontren Gontor berkembang dan ditubuhkan menjadi sebuah koperasi pondok pesantren secara rasmi yang diiktiraf oleh menteri Koperasi dan Usaha Kecil Menengah di Indonesia.

Setelah Pesantren Gontor maju dan berkembang sehingga sekarang, Gontor sebagai lembaga pendidikan yang ditubuhkan dan berkembang dari, oleh dan untuk masyarakat pesantren sendiri, maka permodalan di Kopontren Gontor tidak bergantung pada bantuan kerajaan, atau mengharapkan hibah dari pihak lain. Tetapi, hal itu tidak bermaksud Kopontren Gontor tidak menerima atau menolak bantuan dari kerajaan. Ia

<sup>265</sup> Untung Tri Basuki (2005) "Arah Kebijakan Pembangunan Koperasi Untuk Memantapkan Kedudukan Kopeasi Dalam Perekonomian Nasional", *Jurnal Infokop*. jil. 26. Bil.20, 2005, h. 1

<sup>266</sup> Ustaz Zaenal Arifin, Pengarah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor, temubual pada 19 Oktober 2009, di kantor Pejabat YPPWPM, pukul 09.45 am.

juga akan menerima sebarang bantuan yang tidak menetapkan syarat-syarat yang ketat.<sup>267</sup>

Oleh yang demikian, sumber utama kewangan Kopontren Gontor adalah dari subsidi pondok, yuran dari anggota kopontren, serta berupa caruman bukan tunai yang datang dari pengorbanan ketaatan kepada institusi pondok. Jika seseorang guru atau pelapis pesantren telah keluar dari pondok maka secara automatik ia juga telah keluar dari anggota Kopontren Gontor.<sup>268</sup>

### **5.5. Prinsip Dalam Pengelolaan Hasil Usaha di Kopontren Gontor**

Kopontren Gontor sebagaimana koperasi konvensional yang lain memiliki prinsip demokratik dalam pengelolaan hasil usaha. Prinsip itu dilaksanakan atas kemahuan dan keputusan para anggota. Ini direalisasikan oleh para ahli yang memegang dan melaksanakan seluruh keputusan itu. Walaupun demikian, Kopontren Gontor mempunyai beberapa prinsip yang diterapkan untuk sentiasa mengawal perjalanan kopontren agar menjadi kukuh dan maju. Bertujuan supaya dapat dilaksanakan sesuai dengan harapan dan matlamat daripada penubuhannya. Manakala prinsip dalam pengelolaan hasil usaha di Kopontren Gontor ialah sebagai berikut:

#### **1) Prinsip Tersusun dalam segala pembiayaan.**

Prinsip ini sangat kuat dipegang oleh Pesantren Gontor sejak sekian lama. Oleh kerana Pesantren Gontor bukanlah hak milik peribadi, tetapi pesantren Gontor adalah hak milik umat Islam yang telah diwakafkan melalui badan wakaf. Seluruh aset yang dihasilkan oleh usaha-usaha ekonomi kopontren diuruskan oleh lembaga dan untuk

---

<sup>267</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit*, h.167

<sup>268</sup> Ustaz Zaenal Arifin, Pengarah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor, temubual pada 19 Oktober 2009, di kantor Pejabat YPPWPM, pukul 09.45 am.

keperluan lembaga. Dalam pengurusannya sentiasa berprinsip pada tertib pentadbiran dengan pengawasan dari pelbagai pihak dan kawalan yang ketat. Hal itu dilakukan agar dapat menghindarkan dari kesalahan yang dilakukan oleh manusia.<sup>269</sup>

## 2) Prinsip Mendidik Sikap Akhlak Mulia

Dalam pelaksanaan di usaha ekonomi kopontren, nilai asas yang harus wujud bagi setiap pelaku samada anggota maupun pengurus kopontren adalah sikap akhlak yang mulia. Sikap itu merangkumi kejujuran, keikhlasan, amanah serta bertanggungjawab. Matlamat daripada prinsip tersebut dalam pengurusan usaha ekonomi di Kopontren tidaklah semata-mata untuk mencari keuntungan, tetapi ia juga sebagai pendidikan dan pengajaran yang sesuai dengan falsafah Pesantren Gontor iaitu “apa yang dilihat, didengar, dirasakan, dikerjakan, dan dialami santri adalah untuk pendidikan”.<sup>270</sup> Oleh yang demikian bentuk pendidikan ini mengarah kepada konsep keseluruhan kehidupan di dalam aktiviti yang dilakukan oleh pondok terebut, hal itu berasaskan pada firman-firman Allah:

وَمَنْ يَشْكُرُ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِ

Maksudnya:

“Dan barangsiapa yang bersyukur maka ia bersyukur untuk dirinya sendiri”

Surah Luqman (31): 12

وَمَنْ جَاهَدَ فَإِنَّمَا يُجَاهِدُ لِنَفْسِهِ

Maksudnya:

“Dan barangsiapa yang berusaha dengan keras, sesungguhnya untuk dirinya sendiri”

Surah Al-‘Ankabūt (29): 6

<sup>269</sup> Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) “Manajemen Pesantren pengalama Pondok Modern Gontor” Ponorogo: Trimurti Press, h. 169

<sup>270</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 170

إِنَّ أَحْسَنَهُمْ أَحْسَنُهُمْ لَا يُنْسِكُمْ

Maksudnya:

“*Jika itu baik, sesungguhnya kebaikan itu untuk dirinya sendiri*”

Surah Al-Isra (17): 7

### 3) Prinsip Etika Dalam Kerja

Beribadah merupakan salah satu etika yang disemai dalam minda para santri dan guru-guru di Pesantren Gontor dalam menjalankan aktiviti sehari-hari. Beribadah juga mengandungi makna yang luas, bukan hanya terhad pada ibadah-ibadah yang termaktub dalam al-qur'an mahupun hadith, malah lebih dari itu iaitu seluruh aktiviti yang dilaksanakan manusia dalam kehidupan sehari-hari samada yang berhubungan dengan alam, sesama manusia, dan Allah sebagai *rabb*-nya merupakan ibadah. Oleh yang demikian aktiviti yang dilaksanakan di Pondok semuanya mengandungi nilai ibadah.<sup>271</sup> Samada aktiviti memenuhi keperluan individu santri sebagai contoh tidur, belajar di sekolah, makan, sukan dan juga aktiviti yang melibatkan orang lain seperti menolong, mendidik, memperjuangkan kepentingan orang, semuanya mengandungi makna ibadah yang dapat mendidik para santri.

Oleh yang demikian, apabila falsafah tersebut dilaksanakan dengan baik, maka kebaikan itu akan kembali kepada pelakunya, dan perjuangan mahupun sekecil-kecil perbuatan tidak akan kembali kecuali kepada pelaku perbuatan tersebut. Atas asas inilah para santri, guru dan pelapis di pesantren Gontor sentiasa meningkatkan kualiti kerja dan usahanya, hal ini terlihat pada pelaksanaan di usaha ekonomi pondok yang di bawahi oleh kopontren bahawa mereka melaksanakan tugas dan tanggung jawab dengan maksimum.

<sup>271</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 172

#### **4) Prinsip Berdikari dalam Kerjasama**

Sikap berdikari atau berdiri di atas kaki sendiri yang ditanamkan pada setiap penghuni Pesantren Gontor tidak bermakna ia dapat berdikari sehingga tidak memperdulikan orang ramai, berdikari juga bukan bermakna mementingkan diri sendiri sahaja, tetapi ia bertujuan untuk kerjasama dengan orang lain dan memiliki sikap kerjasama dalam tolong menolong serta saling bantu membantu dalam semua hal kebajikan. Oleh sebab itu, ikatan persaudaraan bukan hanya ketika mereka tinggal di dalam pesantren sahaja, tetapi ia juga dapat diamalkan di luar pesantren.<sup>272</sup> Dengan budaya berdikari inilah pesantren Gontor dapat melaksanakan sistem ketahanan ekonomi pesantren iaitu dari pondok oleh pondok dan untuk penghuni pondok.

#### **5.6. Pengagihan Keuntungan di Kopontren Gontor**

Kopontren sesuai dengan latar belakang penubuhannya, memperoleh keuntungan dari hasil jimat pentadbiran (*efficiency managerial*) hal itu kerana orientasi usaha di kopontren lebih menekankan perkhidmatan usaha yang dapat memberikan manfaat dan kepuasan bersama bagi ahli-ahlinya, manakala keuntungan monopoli (*profit of monopoly*) kerana wujudnya peraturan di pondok pesantren yang mengikat dan mewajibkan bagi seluruh penghuni pesantren untuk menjadi anggota sekaligus pengguna produk yang ditawarkan oleh kopontren.<sup>273</sup> Walaupun demikian dalam penetapan harga, pihak kopontren tidaklah sewenangnya meletakkan harga, akan tetapi ia lebih pada asas

---

<sup>272</sup> Abdullah Syukri Zarkasyi (2005), *op.cit*, h. 173

<sup>273</sup> Arifin Sitio, Halomoan Tamba (2001) *Koperasi Teori dan Praktik*, Jakarta: Erlangga, h.78

memenuhi keperluan sahaja bahkan dengan harga di bawah harga pasaran, disebabkan pengambilan barang dari agen dalam skala yang besar sehingga harga lebih murah.<sup>274</sup>

Pelaksanaan pengagihan keuntungan dari hasil usaha di Kopontren Gontor sebagaimana dijelaskan oleh ketua Kopontren Gontor adalah seperti berikut:

### **1. Pengagihan Keuntungan bagi ahli Kopontren**

Pengagihan keuntungan bagi para ahli kopontren tertumpu kepada memberikan perkhidmatan secara maksimum melalui tawaran harga di bawah harga pasar, dan di samping itu juga baki hasil keuntungan sebahagiannya diagihkan untuk pengembangan usaha serta kesejahteraan yang merupakan pembangunan fasiliti untuk para anggota kopontren.<sup>275</sup>

Hal itu disebabkan kerana keuntungan bukanlah satu-satunya matlamat utama, melainkan memberik keutamaan kepada ahli kopontren berdasarkan manfaat (*benefit oriented*) yang boleh dikongsi. Maka keuntungan bagi anggota kopontren terhad kepada jumlah besar kecilnya penglibatan urusan jual beli anggota dengan kopontren. Semakin ramai para anggota kopontren dalam melaksanakan transaksi dengan usaha ekonomi yang disediakan, maka semakin tinggi pula manfaat yang diterima oleh anggota kopontren.

---

<sup>274</sup> Ustaz Ato', penyelaras di bahagian kedai usaha kesejahteraan keluarga milik Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kedai Usaha Kesejahteraan Keluarga Pondok Gontor, pukul 10.10 am.

<sup>275</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm.

## **2. Keuntungan yang diagihkan ke seluruh lembaga di Pesantren Gontor.**

Di samping Keuntungan itu dapat dirasakan para ahli kopontren dengan kadar harga yang lebih murah serta rendah, Keuntungan yang lain apabila terdapat baki dari hasil usaha akan diagihkan secara sama rata kepada lembaga-lembaga yang ada di pesantren. Pembahagian itu mencakupi pembiayaan di Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyyah (KMI), Pengasuhan Santri, Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM), aktiviti pada Ikatan Keluarga Pondok Modern Gontor (IKPM), aktiviti di pusat Latihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM), Pembangunan pergedungan di pesantren, untuk Pusat kesihatan Santri dan Masyarakat, untuk kesejahteraan para guru samada di Gontor pusat mahupun di cawangannya yang mencakupi keperluan dan biaya makan, tempat tinggal dan lainnya. Pengagihan di lembaga-lembaga tersebut mengikut peratus pembahagian yang telah ditetapkan oleh lembaga tinggi Pondok Modern Gontor iaitu Badan Wakaf beserta persetujuan atas Pimpinan Pondok Gontor sebagai pihak yang telah diberi amanat dari Badan Wakaf Gontor, maka dalam hal ini Kopontren Gontor telah melaksanakan sesuai dengan prinsip asas koperasi iaitu kebersamaan dan kekeluargaan untuk mencapai matlamat bersama yang tidak terhad pada peningkatan keuntungan yang tinggi.

### **5.7. Aktiviti-aktiviti Sosial di Kopontren Gontor**

Polisi kiai sangat-sangat penting dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti di Kopontren Gontor. Ini kerana, tidak dibenarkan bahagian usaha ekonomi manapun memberikan bantuan samada berbentuk barang mahupun wang kepada mana-mana pihak kecuali setelah diketahui oleh Kiai. Secara keseluruhan aktiviti sosial di Kopontren

Gontor tidak berbentuk wang, akan tetapi lebih pada perkhidmatan, kemudahan dan bantuan berbentuk barang. Beberapa aktiviti sosial yang sentiasa dilaksanakan di Kopontren Gontor kepada masyarakat sekitar mahupun anggota kopontren adalah seperti berikut:

1. Ketika Mahasiswa Institut Studi Islam Darussalam Gontor mengadakan praktikal Kuliyah Kerja Nyata (KKN),<sup>276</sup> bantuan yang diberikan kepada masyarakat ialah dengan membuka Bazar murah (pasar tani) dengan menyediakan seluruh keperluan asas di dapur. Manakala harga penjualan mengikut harga di kilang, hal itu diharapkan dapat membantu para masyarakat yang lemah. Aktiviti ini selalunya diadakan oleh bahagian usaha ekonomi yang menjual keperluan dapur iaitu kedai Usaha Kesejahteraan Keluarga.
2. Membuka Bazar buku, pakaian dan makanan di hari-hari yang diperingati agama Islam dan Bazar murah satu minggu menjelang santri pulang ke kampung halamannya untuk bercuti semester. Harga yang ditawarkan iaitu dengan memberikan potongan harga secara besar-besaran agar para santri yang bukan termasuk anggota kopontren juga dapat menikmati harga murah yang ditawarkan dari usaha-usaha ekonomi Kopontren Gontor.
3. Bantuan berupa penyembelihan binatang qurban pada bulan Zulhijjah yang diagihkan ke masjid-masjid di perkampungan Bandar Ponorogo.<sup>277</sup>
4. Apabila ada masyarakat atau jabatan swasta yang memohon bantuan wang dengan menyertakan surat rasmi dan proposal, maka pihak pengurus kopontren akan

---

<sup>276</sup> Salah satu aktiviti kokulikuler yang wajib di ikuti bagi seluruh mahasiswa ISID Gontor kerana termasuk syarat untuk menjadi alumni. Manakala tempatnya sentiasa berubah, akan tetapi selalu di daerah atau desa di Ponorogo dan sekitarnya yang taraf ekonomi masyarakatnya rendah dan pendidikan agamanya kurang. Aktiviti itu biasanya dilakukan lebih kurang selama 1 bulan penuh di bulan suci Ramadhan.

<sup>277</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm

menyalurkan proposal tersebut ke pengedar yang menjadi pelanggan di usaha ekonomi kopontren itu.<sup>278</sup>

5. Aktiviti sosial yang tidak menentu waktunya, seperti yang dilakukan di usaha perkhidmatan kenderaan Kopontren Gontor, iaitu ketika ada kecemasan dari anggota kopontren untuk memerlukan bantuan berupa kenderaan, maka setelah mendapat kebenaran dari ketua kopontren anggota tersebut dapat menggunakan kenderaan tersebut secara percuma.<sup>279</sup>

## **5.8. Usaha-Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor**

Usaha-usaha ekonomi yang ada di Kopontren Gontor sentiasa bertambah dan berkembang, hal itu sesuai dengan keperluan penghuni Pondok dan masyarakat sekitar pesantren yang sentiasa berkembang dan bertambah setiap tahun. Disebabkan banyaknya usaha-usaha di Kopontren Gontor, maka kajian ini akan mendedahkan beberapa jenis transaksi pembayaran yang dilaksanakan di beberapa usaha ekonomi Kopontren Gontor sahaja. Melihat antara satu bahagian usaha ekonomi dengan bahagian usaha ekonomi yang lain, prinsip transaksi yang dilaksanakan tidak banyak berbeza. Kajian mendapati terdapat beberapa usaha ekonomi di Kopontren Gontor yang dipandang signifikan dan berkembang maju berbanding dengan usaha ekonomi yang lain di Kopontren Gontor iaitu usaha pengeluaran padi, kedai serbaneka, kedai bahan bangunan, kedai buku, kedai runcit, perkhidmatan percetakan Darussalam press, perkhidmatan kenderaan, dan rumah penginapan (wisma Darussalam).<sup>280</sup>

---

<sup>278</sup> Ustaz Ato', penyelaras di bahagian kedai usaha kesejahteraan keluarga milik Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kedai Usaha Kesejahteraan Keluarga Pondok Gontor, pukul 10.10 am.

<sup>279</sup> Ustaz Husni Mubarak, pengurus di bahagian Kenderaan Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009, di kantor pejabat Yayasan Pondok Moden Gontor, pukul 13.20 pm

<sup>280</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm

### **5.8.1 Pengeluaran Padi**

Usaha ekonomi dalam pengeluaran padi ini ditubuhkan pada tahun 1970, bertempat di Desa Gontor Utara secara tepatnya berada di utara padang bola sepak Pondok Modern Gontor. Usaha ini dijalankan untuk memenuhi keperluan dapur yang ada di pesantren Gontor serta keperluan masyarakat sekitar pesantren Gontor terhadap beras. Pentadbiran usaha ini ditadbir sepenuhnya oleh pengurus seramai 6 guru Pondok Modern Gontor, yang dibantu oleh para usahawan dari masyarakat sekitar Ponorogo yang tidak memiliki pekerjaan tetap, dengan syarat ia mahu membantu Pondok, memiliki kemauhan untuk jujur, melaksanakan perintah-perintah Islam dan mengikuti seluruh disiplin yang diterapkan di bahagian tersebut.<sup>281</sup>

Manakala mekanisme pelaksanaannya, pengurus membeli hasil tuaian dari tanah pesantren yang ada di Gontor puteri Mantingan yang dikelola oleh masyarakat desa Mantingan<sup>282</sup> di bawah pengawasan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Gontor cawangan di Mantingan dengan sistem *muzara'ah*.<sup>283</sup>

Disebabkan hasil penuaian padi dari tanah milik Pondok Pesantren Gontor tersebut kurang mencukupi untuk keperluan sendiri, maka usaha ekonomi ini diperluaskan dengan membeli padi yang dihasilkan oleh masyarakat Ponorogo dan sekitar pesantren, selanjutnya di proses untuk dijadikan beras. Manakala sistem penjualannya, pengurus membahagikan beras sesuai keperluannya ke dapur am dan

<sup>281</sup> Ustaz Agus, penyelaras di bahagian pengeluaran Padi Kopontren Gontor Ponorogo, Temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di pejabat pengeluaran padi, pukul 17. 15 pm

<sup>282</sup> Desa Mantingan merupakan tempat di mana Pondok Pesantren Gontor puteri berada iaitu terletak pada sempadan antara Bandar Jawa Timur dengan Bandar Jawa Tengah.

<sup>283</sup> Kerjasama dalam pengolahan lahan pertanian antara pemilik tanah dengan penggarap (petani), di mana pemilik lahan memberikan lahan pertanian kepada si penggarap untuk ditanami dan dipelihara dengan balasan bagian tertentu dari hasil panen. Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *Bank Syari'ah dari Teori ke Praktek*, Jakarta: Gema Insani, h. 99

dapur keluarga<sup>284</sup> yang ada di pesantren Gontor dengan sistem pembayaran secara tunai ataupun kredit. Pembahagian beras ke dapur-dapur tersebut dilaksanakan setiap satu minggu dua kali sesuai dengan jadual dan waktu yang telah ditetapkan, hal ini dilakukan agar sumber beras akan sentiasa cukup dan memenuhi keperluan dapur masyarakat sekeliling.

Keuntungan yang diperolehi dari usaha ini ialah *pertama*, memberikan kemudahan bagi anggota kopontren dalam memenuhi keperluannya terhadap beras dengan harga yang rendah. *Kedua*, keuntungan yang diperoleh bagi kilang atau pihak kopontren ialah dari hasil pengelolaan padi dengan menjualnya menjadi beras serta penjualan bekatul,<sup>285</sup> menir<sup>286</sup> dan sekam<sup>287</sup> yang boleh menambah pendapatan. Usaha ekonomi ini tidak kurang dari 7 tan beras dalam sehari untuk memenuhi keperluan seperti yang dijelaskan di atas. Di samping penjualan beras, pengelolaan padi juga menjual bekatul, menir dan merang kepada masyarakat yang memerlukannya dengan harga berpatutan.<sup>288</sup> Dengan wujudnya keuntungan dari pelbagai penjualan yang ditawarkan oleh pihak pengurus pengeluaran padi, maka usaha ini sentiasa berkembang dan maju dari setahun ke setahunnya.

---

<sup>284</sup> Dapur Am, iaitu dapur yang disediakan untuk para santri pondok moden Gontor yang dikelola oleh para santri sendiri. Manakala dapur keluarga ialah dapur yang diperuntukan bagi para santri Pondok Moden Gontor juga akan tetapi dikelola oleh keluarga pondok atau milik pribadi guru senior yang telah ditunjuk oleh Pimpinan Pondok Moden Gontor.

<sup>285</sup> Bekatul iaitu limbah dari pengeluaran padi atau bubuk kulit padi yang kasar

<sup>286</sup> Menir iaitu potongan beras yang halus

<sup>287</sup> Dalam pengeluaran padi akan menghasilkan 4 macam bentuk iaitu beras, bekatul, menir dan sekam., , dan sekam iaitu kulit padi.

<sup>288</sup> Ustaz Agus, penyelaras di bahagian pengeluaran Padi Kopontren Gontor Ponorogo, Temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di pejabat pengeluaran padi, pukul 17. 15 pm

### **5.8.2 Kedai Serbaneka**

Usaha ekonomi kopontren yang berupa kedai mini market ini berada di selatan Pondok Modern Gontor bertempat di Desa Bajang yang ditubuhkan pada tahun 1985. Usaha ini menjual barang peralatan elektronik dan peralatan rumah tangga. Hal ini merupakan usaha Kopontren Gontor untuk memenuhi keperluan terhadap peralatan elektronik di kalangan masyarakat pesantren. Kedai ini diurus oleh tenaga pengajar di Pondok Modern Gontor seramai 4 orang. Dalam pelaksanaannya pengurus memesan barang dari pihak pengedar kemudian dijual di kedai untuk memenuhi keperluan anggota kopontren dan masyarakat sekitar pondok. Sistem pesanan barang yang dilakukan oleh pengurus kepada pengedar iaitu dengan cara memesan barang sesuai dengan permintaan mahupun keperluan dari masyarakat pondok. Pengurus membayar barang kepada pengedar secara ansuran, manakala penjualan kepada pengguna dibayar secara tunai. Jika terdapat barang yang dihantar tidak sama dengan pesanan, maka pihak pengedar bersedia menerima barang tersebut untuk dikembalikan.<sup>289</sup>

Dengan adanya usaha ekonomi ini, ramai masyarakat pondok mahupun masyarakat sekitarnya memperoleh keuntungan, di samping memberikan kemudahan untuk memenuhi keperluan mereka terhadap barang yang dipinta, harganya juga lebih murah dibandingkan dengan kedai-kedai yang lain. Hal ini disebabkan kerana pesanan yang dilakukan oleh pihak kopontren kepada pengedar adalah dalam skala besar atau berjumlah banyak menyediakan harga yang ditawarkan lebih murah.<sup>290</sup> Di sinilah peranan kopontren sebagai tempat untuk mencapai kesejahteraan masyarakat dan anggotanya tercapai.

---

<sup>289</sup> Ustaz Wahyu Diantoro, penyelaras di bahagian kedai serbaneka Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kantor pejabat kedai serbaneka, pukul 17.18 pm

<sup>290</sup> *Ibid.* Pukul 17.18 pm

### **5.8.3 Kedai Bahan Bangunan**

Kedai ini menjual bahan bangunan, ianya terletak bersebelahan dengan kedai serbaneka di Desa Bajang. Matlamat daripada penubuhannya adalah untuk memenuhi seluruh keperluan bahagian pembangunan dalam menyediakan kemudahan bagi pendidikan dan pengajaran di Pondok Modern Gontor. Melihat banyaknya permintaan dan keperluan bahan material bangunan setiap tahun yang sentiasa mengalami peningkatan, maka Pimpinan Pondok Modern Gontor menubuhkan kedai bahan bangunan ini pada tahun 1988 yang bermatlamatkan agar seluruh keperluan Pondok terhadap bahan material dapat dipenuhi, di samping membantu memberikan kemudahan kepada masyarakat sekitar Pondok terhadap barang bangunan. Usaha kedai bahan bangunan ini diuruskan oleh para guru Pondok Modern Gontor sendiri yang dibantu oleh beberapa pekerja dari masyarakat sekitar Pondok.<sup>291</sup>

Pada asasnya prinsip dan sistem pemesanan mahupun penjualan kepada para pelanggan tidak jauh berbeza dengan kedai serbaneka. Pemesanan dilakukan sesuai dengan keperluan bahagian pembangunan Pondok terhadap suatu bahan bangunan, apabila barang yang dipesan tersebut tidak sesuai dengan kemahuan pengurus terhadap pengedar, maka pihak pengedar akan menerima kembalian barang tersebut. Akan tetapi dari segi penjualan terdapat perbezaan dengan kedai serbaneka, iaitu pembayaran boleh dibayar secara tunai mahupun hutang atau kredit.<sup>292</sup>

Urusniaga jualan dimulakan dengan pihak pengurus memberi tahu jumlah modal pembelian kepada pelanggan dan kedua-dua pihak bersetuju dengan jumlah yang ditetapkan. Apabila kedua-dua pihak tersebut telah bersetuju dengan pembayaran maka

<sup>291</sup> Ustaz Wahyu Diantoro, Temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, *op.cit.*

<sup>292</sup> Ustaz Wahyu Diantoro, Temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, *op.cit.*

pihak kopontren akan mengirimkan barang tersebut ke tempat yang dinyatakan. Akan tetapi, jika pihak pembeli dan penjual tersebut tidak mencapai persetujuan maka urusan jual beli itu akan terbatal dan tidak sah. Usaha kedai bahan bangunan ini sentiasa mengalami perkembangan yang baik dari setahun ke setahun, hal itu disebabkan Pondok Modern Gontor yang tidak pernah berhenti dalam pembangunan premis-premis dan bangunan baru dan secara tidak langsung kesan dari pembangunan tersebut menjadikan keperluan Pondok Gontor terhadap barang bangunan sentiasa meningkat. Oleh yang demikian keuntungan pada usaha kedai bahan bangunan ini juga sentiasa meningkat.<sup>293</sup>

#### **5.8.4 Kedai Buku**

Usaha kedai buku milik Kopontren Gontor yang bernama La-Tansa ini telah ditubuhkan sejak tahun 1989 yang bertempat di Jalan Soekarno Hatta No.66 kota Ponorogo. Tujuan penubuhan kedai buku ini ialah untuk memenuhi keperluan para santri-santri di Pondok Modern Gontor terhadap buku-buku dan juga masyarakat sekitar di Bandar Ponorogo. Akan tetapi terdapat ramai pembeli dari pondok-pondok pesantren di sekitar kota Ponorogo dan juga orang awam termasuklah mahasiswa, siswa Sekolah Dasar, Sekolah Menengah Tingkat Pertama, Sekolah Menengah Tingkat Atas. Di atas permintaan yang tinggi ini, maka kedai buku ini telah berkembang menjadi kedai buku terbesar di Bandar Ponorogo.<sup>294</sup> Penubuhan kedai buku ini sangat membantu dan bermanfaat kepada masyarakat sekitar Ponorogo. Hal ini dapat dibuktikan dengan jenis buku-buku yang dijualnya tidak hanya terhad kepada buku klasik dan kitab-kitab pelajaran pesantren sahaja, malah kedai ini juga menjual pelbagai buku novel, buku Islami, buku umum, ensiklopedi, jurnal dan majalah. Usaha ekonomi jenis kedai buku ini

---

<sup>293</sup> Ustaz Wahyu Diantoro, Temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, *op.cit.*

<sup>294</sup> Ustaz Syahron, pengarah Darussalam Distributor Centre Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di kantor pejabat DCC Ponorogo, pukul 11.10 am

diuruskan oleh para guru atau pengajar Pondok Modern Gontor sendiri. Dalam pengurusannya setiap hari dari pengajar atau staf di kedai ini bertugas mengikut giliran yang ditetapkan jadual untuk menjaga kedai tersebut. Dalam satu minggu setiap orang wajib menjaga kedai sekurang-kurangnya tiga hari, manakala tiga hari selebihnya mengajar di Pesantren Gontor.

Dalam pelaksanaan penjualan kedai buku ini menggunakan beberapa sistem dari pembelian barang hingga penjualan barang itu sendiri. Dalam pembelian barang kepada pihak pengedar tidak semuanya pihak pengurus membeli atau memesan secara langsung dan membayarnya secara tunai, akan tetapi ada sebahagian buku, mahupun majalah merupakan kiriman atau perkongsian dari pengedar atau penerbit buku kepada pihak kopontren untuk menjualkannya. Sistem pengambilan keuntungan daripada aktiviti penjualan tersebut iaitu pihak kopontren mendapat sepuluh hingga lima belas peratus (10%-15%) dari harga jualan. Dengan sistem inilah pihak kopontren memperoleh keuntungan, kerana kopontren tidak menanggung risiko kerosakan buku, kerana kerosakan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh pihak pengedar.<sup>295</sup>

Apabila ada pesanan dari pelanggan, maka pihak kopontren memesannya kepada penerbit buku secara terus dengan pembayaran secara kredit atau ansuran, dan apabila dalam pemesanannya tidak sesuai dengan permintaan diperbolehkan untuk dikembalikan. Pihak kopontren dapat mengambil keuntungan melalui; *Pertama* apabila pembelian berskala besar potongan harga sebesar dua puluh hingga dua puluh lima peratus (20-25%) boleh diperolehi, atau hal itu dilakukan juga ketika hari-hari besar. *Kedua*, apabila

---

<sup>295</sup> Ustaz Syahron, pengarah Darussalam Distributor Centre Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di kantor pejabat DCC Ponorogo, pukul 11.10 am

pembelian tidak untuk dijual lagi atau untuk dipakai sendiri seperti pelajar yang membeli, maka pihak kopontren memberikan potongan harga sebesar sepuluh peratus.<sup>296</sup>

### **5.8.5 Kedai Runcit Sayur-Sayuran (pasar tani)**

Usaha ekonomi ini merupakan usaha kopontren dalam penyediaan bahan sayur-sayuran untuk seluruh dapur di pesantren Gontor. Usaha ini ditubuhkan pada tahun 1998 yang dirasmikan oleh Menteri Koperasi dan Usaha Kecil Menengah iaitu yang berhormat Adhi Sasono. Manakala sejarah penubuhannya adalah semasa berlakunya fenomena krisis kenaikan harga minyak masak atas harga pasar yang tidak terjangkau oleh masyarakat Pondok dan sekitarnya. Oleh yang demikian keprihatinan pihak Yayasan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern dalam menyelesaikan perkara ini dengan menubuhkan sebuah usaha ekonomi baru yang menjual seluruh bahan *sembako* (Sembilan bahan asas)<sup>297</sup> termasuk minyak masak. Hal itu dilaksanakan agar Pondok sentiasa relevan dalam memenuhi keperluan santri dan penghuninya terhadap minyak masak dan keperluan dapur lainnya.<sup>298</sup>

Keperluan masyarakat sekitar pondok, dapur keluarga mahupun dapur guru dan dapur am terhadap *sembako* tidak boleh dipandang remeh, kerana setiap hari manusia memerlukan makan berasaskan bahan mentah. Maka perkembangan usaha ekonomi ini menunjukkan peningkatan dalam permintaan, apabila ramai orang yang menjadi

---

<sup>296</sup> Ustaz Syahron, pengarah Darussalam Distributor Centre Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di kantor pejabat DCC Ponorogo, pukul 11.10 am

<sup>297</sup> Istilah *sembako* (Sembilan bahan asas) merujuk pada keputusan Menperindag no. 115/mpp/kep/2/1998 tanggal 27 Februari 1998 menyebutkan bahwa yang termasuk unsur *sembako* atau Sembilan bahan asas itu ialah beras, gula pasir, minyak masak dan margarin, daging sapi dan ayam, telur ayam, susu, jagung, minyak tanah, garam beryodium. Berita Harian Kompas “Manajemen Stok Bahan Pokok Perlu diperbaiki” pada isnin, 25 ogos 2008, <http://cetak.kompas.com/read/xml/2008/08/25/>, 6 April 2010

<sup>298</sup> Ustaz Muhammad Aldo Redo, penyelaras di bahagian kedai sayur-sayuran Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kantor pejabat kedai sayur-sayuran, pukul. 14.25 pm..

pelanggan setia bertambah dengan adanya pelanggan tetap terutamanya seluruh keperluan dapur yang ada di Pondok Gontor. Proses pembelian barang yang dilakukan pengurus di usaha ekonomi ini tidaklah sama dengan usaha-usaha yang lainnya. Pihak kopontren mencari dan membelanjakan pesanan-pesanan yang telah dipesan oleh para pelanggan ke pasar sembako di Bandar Ponorogo. Namun demikian penjualan barang sayur-sayuran tersebut masihlah dalam harga yang berpatutan. Hal itu disebabkan pihak pengurus membeli dalam skala besar berdasarkan permintaan. Manakala waktu pembelian barang dilakukan oleh pengurus pada waktu malam, bukan pagi atau siang. Kerana perbezaan waktu telah mempengaruhi harga yang sangat ketara sekali. Salah satu contoh apabila cili dibeli di pasar pada waktu malam hari adalah sekitar harga RM 4.00/kg akan tetapi apabila barang tersebut dibeli pada pagi hari walaupun di tempat yang sama akan mengalami perubahan harga iaitu antara RM4.50 hingga RM 5.00.<sup>299</sup>

Dalam pelaksanaannya para pelanggan memesan barang kepada pihak pengurus atau sebaliknya pengurus mengawal penyediaan barang bagi setiap pelanggan yang memesan barang-barang tersebut. Dalam transaksi pembayaran pihak pengguna tidak diharuskan untuk membayar secara tunai terlebih dahulu, akan tetapi boleh dibayar secara kredit atau dibayar tunai ketika barang ada. Apabila barang yang dipesan tidak sesuai dengan pesanan maka dibenarkan untuk dikembalikan. Pihak pengurus sentiasa menjaga amanah dan sentiasa mengelakkan kesilapan dengan melaksanakan penghitungan secara rapi, serta memberikan kemudahan-kemudahan bagi pelanggan seperti barang dihantar hingga ke tempat tujuan, hal itu diharapkan untuk menjaga kesetiaan para pelanggan dalam usaha ekonomi ini.

---

<sup>299</sup> Ustaz Muhammad Aldo Redo, penyelaras di bahagian kedai sayur-sayuran Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kantor pejabat kedai sayur-sayuran, pukul. 14.25 pm.

### **5.8.6 Percetakan Darussalam Press**

Pada awalnya percetakan ini ditubuhkan pada tahun 1983, setelah Pondok Modern Gontor menerima sumbangan satu set angin offset Besty 1800A WD dari salah seorang wali murid Bapak Ir. H. Ahmad Sayuti, beliau adalah pengarah utama di PT. Adikarya, Jakarta pada bulan April 1983. Wujudnya bantuan ini memberikan kesan yang luar biasa untuk memajukan dan mengembangkan usaha percetakan di Pondok Modern Gontor. Seluruh lembaga, institusi dan organisasi dalam pesantren diwajibkan untuk memesan dan memanfaatkan percetakan yang telah disediakan, oleh yang demikian percetakan semakin berkembang maju dari setahun ke setahun. Disebabkan pesanan sentiasa bertambah, maka ditubuhkan percetakan *Darussalam Press* yang merupakan gabungan dari dua percetakan milik pesantren Gontor dan Percetakan milik Mahasiswa pada tahun 1990.<sup>300</sup>

Dari penggabungan dua percetakan tersebut menghasilkan keuntungan yang luar biasa, sehingga mampu membeli satu buah mesin cetak mini jenama TOKO 820 berharga RM 4,600.00 pada waktu itu. Pada tahun 1992 percetakan Darussalam press juga mampu membeli mesin cetak berukuran double folio, dan pada bulan September 1995 membeli mesin percetakan jenama RYOBI yang dikhaskan untuk mencetak kulit buku. Dan Pada tahun 2007 mendapat penambahan atas perintah dari Pimpinan Pondok untuk membeli mesin cetak dua warna jenama Ryobi 662 H berharga RM 190,000.00.<sup>301</sup>

Dalam pelaksanaannya usaha percetakan ini diurus dan ditadbir oleh beberapa guru Pondok Modern Gontor yang dibantu oleh para pekerja dari masyarakat sekitar

<sup>300</sup> Ustaz Nazih Ibadillah, penyelaras di bahagian Percetakan Darussalam press, temubual pada tarikh 18 Oktober 2009, di Kantor pejabat Percetakan Darussalam press, pukul 16.00 pm

<sup>301</sup> Ustaz Nazih Ibadillah, penyelaras di bahagian Percetakan Darussalam press, temubual pada tarikh 18 Oktober 2009, di Kantor pejabat Percetakan Darussalam press, pukul 16.00 pm

Pondok Gontor. Para pengurus mentadbir dan bertanggungjawab secara keseluruhan atas pelancaran dan penyediaan barang mentah hingga menjadi barang siap pakai dari pesanan-pesanan yang mencakupi seluruh keperluan Pondok Modern Gontor dan cawangannya serta pondok-pondok Alumni yang tersebar di seluruh Indonesia. Manakala sistem pembayarannya pihak pengurus dari percetakan Darussalam press tidak akan mengirimkan barang kepada pemesan sebelum pemesan tersebut menyerahkan wang pendahuluan. Apabila pihak pengurus telah menerima wang pedahuluan dan kesepakatan dalam harga, jumlah barang dan jenisnya, maka pihak pengurus barulah mengirimkan ke pemesan. Percetakan Darussalam Press merupakan usaha yang terbesar yang memberikan keuntungan kepada Kopontren Gontor. Hal itu dapat dibuktikan dari hasil produksi yang begitu besar disokong dengan jumlah pelanggan yang banyak dan tetap.

Jumlah santri dari Gontor satu hingga Gontor 10 yang memerlukan buku dari penerbit Darussalam Press berjumlah 14,397 siswa. Manakala jumlah buku dari kelas satu hingga kelas enam yang dicetak di Penerbitan Darussalam Press ada 86 buku. Setiap tahunnya penerbit Darussalam Press harus mencetak buku untuk kegunaan sendiri lebih kurang 285,593 buku, ditambah dengan perkiraan dari hilangnya buku serta penambahan siswa dengan anggaran sebanyak 40 peratus atau 114,237 buku, maka jumlah buku yang harus dicetak dalam setahun adalah sebanyak 399,830 buku. Ditambah dengan keperluan di kedai buku dalam Pondok mahupun luar Pondok serta keperluan pondok Alumni yang kurikulum pembelajarannya sama dengan Gontor yang memerlukan buku sama, maka keuntungan yang dianggarkan dari penerbit Darussalam Gontor setiap tahun boleh mencapai RM 987,736.00.<sup>302</sup>

---

<sup>302</sup> Ustaz Nazih Ibadillah, penyelaras di bahagian Percetakan Darussalam press, temubual pada tarikh 18 Oktober 2009, di Kantor pejabat Percetakan Darussalam press, puluk 16.00 pm

### **5.8.7 Perkhidmatan Kenderaan**

Usaha perkhidmatan kenderaan ini ditubuhkan untuk memenuhi keperluan para penghuni Pondok Moden Gontor dalam penggerakan ke pondok cawangan yang ada di daerah Negeri Jawa. Oleh yang demikian, Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor sebagai lembaga yang diberikan tanggungjawab untuk memperkembangkan harta-harta hak milik Pondok untuk menyediakan kenderaan berupa bas mini, Elf, lori, kereta kijang dan kereta L300 yang di bawah pengelolaan kopontren. Usaha ini telah bermula semenjak tahun 1998, akan tetapi sejak usaha ini dipromosikan melalui Radio Gontor, ramai masyarakat sekitar Bandar Ponorogo memanfaatkan kemudahan tersebut. Hal itu disebabkan harga yang berpatutan sesuai dengan harga di luar pondok dan juga kenderaan yang disediakan lebih baik serta disokong dengan pemandu yang sopan dan berhati-hati.<sup>303</sup>

Dalam pelaksanaannya tidak jauh berbeza dengan usaha ekonomi yang lain, di mana pengurus yang bertanggung jawab penuh terhadap kejayaannya ialah dari Guru Pondok Gontor yang telah dipilih dan dilatih serta dibantu dengan beberapa pengurus tetap yang diambil dari masyarakat sekitar Pondok. Tugas pengurus di bahagian ini hanya mengelola pentadbiran transaksi pembayaran sahaja. Mulai penyelenggaraan hingga memandu semuanya diserahkan kepada pengurus yang dipercayai oleh pihak Yayasan Pondok Moden Gontor. Dalam pengambilan keuntungan pihak kopontren hanya mengambil 15 peratus dari keuntungan bersih selepas diambil untuk pengisian minyak, dan gaji pemandu, manakala selebihnya adalah untuk menampung kos penyelenggaraan

---

<sup>303</sup> Ustaz Husni Mubarak, pengurus di bahagian Kenderaan Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009, di kantor pejabat Yayasan Pondok Moden Gontor, pukul 13.20 pm

dan pengembangan usaha.<sup>304</sup> Sistem pembayaran yang dilakukan bagi para pelanggan, setelah adanya kesepakatan harga antara kedua pihak hal itu berasaskan pada jarak dan kenderaan yang dipakainya.

### **5.8.8 Penginapan Wisma Darussalam**

Matlamat dari penubuhan penginapan wisma ini iaitu untuk memberikan perkhidmatan kemudahan berupa penginapan kepada para keluarga santri apabila mereka melawat ke Pondok Moden, di samping memberikan kemudahan kepada masyarakat Ponorogo dalam penyediaan tempat symposium dan seminar. Oleh yang demikian pihak pesantren menubuhkan sebuah tempat rehat berupa wisma yang memiliki kemudahan penginapan yang secukupnya di bawah pengawasan kopontren sepenuhnya.<sup>305</sup> Ada beberapa bahagian dalam pembahagiannya iaitu kelas biasa, kelas VIP 1, kelas VIP 2, bilik belajar sebagai tempat latihan, dan auditorium. Usaha ekonomi ini ditubuhkan oleh kopontren sejak tahun 1999 di tengah Desa Gontor yang jaraknya 500 meter dari Pondok Moden Gontor dari arah Utara. Manakala harga dan kemudahan yang ditawarkan oleh pihak kopontren untuk kelas biasa dengan kemudahan dua tempat tidur dan dua bantal, berharga RM 23.00 semalam untuk jumlah 3 orang, kelas VIP 1 dengan kemudahan yang sama akan tetapi bilik mandi ada di dalam ditambah dengan kipas angin seharga RM 27.00 per malam untuk kapasiti 4 orang, kelas VIP 2 tidak jauh berbeza dengan kelas VIP 1 tetapi yang membezakan adalah bangunan sahaja lebih indah dan cantik dengan harga RM 32.00, bilik darjah disediakan untuk tetamu yang ramai atau untuk kelas bengkel dengan kemudahan bilik mandi di dalam bilik dengan harga RM 50.00 per

---

<sup>304</sup> Ustaz Husni Mubarak, pengurus di bahagian Kenderaan Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009, di kantor pejabat Yayasan Pondok Moden Gontor, pukul 13.20 pm

<sup>305</sup> Sejenis penginapan yang menawarkan kemudahan dengan harga lebih murah daripada hotel. <http://id.wikipedia.org/wiki/Losmen>. 6 april 2010.

malam untuk jumlah 20 orang, manakala auditorium berkapasiti lebih kurang 500 orang dengan kemudahan kerusi, papan putih, sistem suara dengan harga RM 100.00.<sup>306</sup>

Pelaksanaan dalam usaha ini juga sama dengan usaha-usaha ekonomi di bawah kopontren yang lain iaitu ditadbir dan diurus oleh para guru Pondok Moden Gontor yang berjumlah enam orang yang dibantu oleh pengurus seramai 3 orang. Setiap pelawat di Wisma Darussalam ini dikehendaki mendaftar untuk mengisi borang permohonan tentang maklumat peribadi hingga kepada matlamat ia beristirahat di wisma tersebut, selanjutnya pelawat dikehendaki meninggalkan kad pengenalan diri. Apabila telah mendaftar maka ia akan dikira bermalam di Wisma. Waktu keluar adalah pukul 06.00 petang. Oleh itu, pembayaran pihak pengurus tidak mengharuskan untuk membayar diawal akan tetapi pembayaran dilakukan diakhiri sesi atau selepas ia daftar keluar.<sup>307</sup>

Untuk menjaga kepuasan para pelanggan pihak pengurus sentiasa menerapkan prinsip sopan, sapa dan senyum. Di samping itu, ia juga melayani seluruh keperluan tetamu termasuk apabila ia meminta penjelasan tentang pesantren Gontor. Setiap tetamu sentiasa mendapatkan layanan yang maksimum kerana wisma merupakan cermin dari budaya Pesantren Gontor. Manakala waktu-waktu yang ramai para pelawat beristirahat di wisma ini iaitu ketika awal kemasukan tahun pengajaran baru, atau ketika sekolah di luar pesantren sedang bercuti.<sup>308</sup>

<sup>306</sup> Ustaz Abdul Rouf, pengurus di bahagian wisma Darussalam, Temubual pada tarikh 24 Oktober 2009, di kantor pejabat Wisma Darussalam, pukul 117.40 pm.

<sup>307</sup> Ustaz Abdul Rouf, pengurus di bahagian wisma Darussalam, Temubual pada tarikh 24 Oktober 2009, di kantor pejabat Wisma Darussalam, pukul 117.40 pm.

<sup>308</sup> *Ibid.* Temubual pada tarikh 24 Oktober 2009.

## **5.9. Masalah-masalah dan Cadangan penyelesaiannya dalam Pelaksanaan di Kopontren Gontor**

### **5.9.1. Masalah yang berlaku di Kopontren Gontor**

Beberapa masalah yang sentiasa berlaku dalam pelaksanaan di Kopontren Gontor adalah seperti berikut:

#### **1. Anggota dan pengurus kopontren yang memiliki pelbagai peranan dan fungsi di pesantren.**

Pengurus mahupun anggota Kopontren Gontor merupakan guru dan pelapis Pondok Modern Gontor. Hal ini memiliki matlamat agar nilai dan falsafah Pondok Modern Gontor sentiasa dapat ditanamkan dan dilaksanakan sebagai media pendidikan dan pengajaran di Pesantren Gontor.<sup>309</sup> Wujudnya guru yang memiliki pelbagai peranan mahupun fungsi iaitu wujudnya tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya memberi kesan kepada pelaksanaan kopontren. Manakala tanggungjawab guru mahupun pelapis di Gontor itu adalah seperti berikut; *Pertama*, guru di Pesantren Gontor harus mengajar di *Kulliyatu-l-Mu'allimin Al-Islamiyah* samada waktu pagi mahupun waktu petang. *Kedua*, guru di Pesantren Gontor diwajibkan untuk mengambil program strata satu (Ijazah Dasar) di Institut Studi Islam Darussalam. *Ketiga*, guru di Pesantren Gontor juga diberikan amanah untuk menjaga di pelbagai usaha ekonomi Kopontren Gontor.

Oleh yang demikian, hal ini telah menjadi masalah utama dalam pelaksanaan di Kopontren Gontor yang menyebabkan pengurusan di Kopontren Gontor tidak dapat

---

<sup>309</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Modern Gontor, pukul 20.00 pm.

dilaksanakan secara maksimum. waktu yang begitu singkat dan padat menyukarkan mereka dapat membahagi dan melaksanakan seluruh tugas-tugas sebagai guru, manakala pengurus usaha ekonomi kopontren dijadikan tugas sampingan dan media pembelajaran sahaja.

## **2. Kekangan masa**

Guru di Pondok Modern Gontor memiliki pelbagai tanggungjawab dan peranannya. Guru dari kalangan tenaga pengajar sepenuh masa membuat persiapan seluruh subjek yang ia ajar termasuk menguasinya. Manakala guru yang diambil dari kalangan mahasiswa di pesantren pula perlu melibatkan diri dalam seluruh aktiviti di kampus serta melaksanakan tugas dan kewajipan bagi seorang mahasiswa. Sedangkan kewujudan guru di pesantren yang merupakan bentuk pengabdian terhadap kia dan pondok yang telah mendidik dan membinanya selama ini, maka ia harus mengabdikan diri selama 24 jam untuk pondok pesantren. Salah satu contohnya ialah menjadi pengurus di pelbagai usaha ekonomi yang sedia ada di bawah naungan kopontren. Oleh itu kekangan masa seorang guru dengan pelbagai aktiviti di pesantren menjadi masalah dalam pengurusan kopontren.

## **3. Perpindahan guru ke lembaga-lembaga lain.**

Banyaknya lembaga atau bahagian yang ditubuhkan di Pondok Modern Gontor samada lembaga itu berupa usaha ekonomi mahupun lembaga bukan usaha ekonomi, yang setiap bahagian itu memerlukan pengurus daripada guru mahupun pelapis pondok, maka terjadilah peralihan atau perpindahan guru dari satu bahagian ke bahagian yang lainnya. Perpindahan guru ataupun pelapis yang sekaligus sebagai anggota dan pengurus kopontren dari satu bahagian ke bahagian lain memberikan kesan pada pelaksanaan

kopontren. Hal itu disebabkan para pengurus kopontren tidak dapat fokus pada bahagiaanya, tidak hairan perpindahan guru dari bahagian ke bahagian yang lain meninggalkan suatu pekerjaan yang telah direncanakan pada awalnya. Sehingga pada pelaksanaanya perencanaan yang telah direncanakan pada kopontren tidak dapat dilaksanakan secara maksimum. Guru atau pengurus baru pada kopontren harus belajar dan bermula dari kosong untuk menyambung pekerjaan yang ditinggalkan oleh kawan yang sebelumnya.

#### **4. Kurangnya pengetahuan tentang koperasi dari pengurus dan anggota kopontren.**

Pengurus di Kopontren Gontor pula terhad dari kalangan guru dan pelapis pondok sahaja dan mereka semua merupakan alumni dari Pesantren Gontor. Manakala pengajaran di Gontor juga tidak mengajarkan tentang koperasi. Oleh yang demikian pada amnya pengurus mahupun anggota kopontren masih belum memahami secara mendalam mengenai hakikat, prinsip dan ciri-ciri koperasi. Menyebabkan dalam pelaksanaannya, pengurus menjalankan aktiviti kopontren hanya sebagai tugas dan tanggungjawab atas amanah yang diberikan kepada mereka sahaja, tiada sebarang usaha untuk lebih meningkatkan usaha ekonomi dari setiap mereka.

#### **5. Kurangnya penglibatan anggota kopontren**

Barangan yang telah disediakan dan dijualbeli di Kopontren Gontor secara amnya diperuntukkan bagi memenuhi keperluan anggota kopontren. Dengan wujudnya barang tersebut, diharapkan para anggota kopontren dapat turut serta dalam penggunaan

barang itu tanpa harus membeli dan mencari barang di luar kopontren. Hal itu, sesuai dengan prinsip jaul beli di Kopontren Gontor ialah “*anda belanja anda beramal*”.<sup>310</sup>

Walau bagaimanapun, masih ada dari beberapa anggota kopontren yang membeli dan menkonsumsi barang di luar kopontren, manakala barang itu telah tersedia di kopontren. Salah satu indikasi penyebab mereka lebih meminati barang di luar kopontren ialah kualiti barang di luar kopontren lebih baik berbanding barang dari kopontren. Beberapa barang kegemaran yang dibeli oleh anggota kopontren di luar kopontren ialah barang pakaian; seperti selual, baju, kasut, selipar dan lain-lain.<sup>311</sup>

## 6. Kelemahan dalam urusan pentadbiran perakaunan kewangan

Permasalahan ini dirasakan oleh para pengawas kopontren sendiri iaitu wujudnya kelemahan di pengurus kopontren dalam pentadbiran kewangan.<sup>312</sup> Hal ini disebabkan, pendidikan sebelum ia menjadi guru (pengurus ataupun anggota kopontren) ketika ia masih menjadi santri kurang mendapat perhatian pada pembelajaran pentadbiran kewangan. Setelah mereka menamatkan pembelajaran dan dipilih untuk menjadi guru di Pondok Moden Gontor mereka masih tidak memiliki bekalan yang cukup tentang pentadbiran kewangan. Lemahnya para pengurus dalam pentadbiran penulisan kewangan memberikan kesan terhadap laporan kewangan pada setiap bahagian usaha ekonomi kopontren. Sehingga masih ramai dari pengurus yang belum dapat melaporkan kewangan di bahagian mereka secara jelas. Program pengawas kopontren di setiap tiga bulan sekali

<sup>310</sup> Ustadz Ato’, penyelaras di bahagian kedai usaha kesejahteraan keluarga milik Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kedai Usaha Kesejahteraan Keluarga Pondok Gontor, pukul 10.10 am.

<sup>311</sup> Agus Suyantoni, pelanggan di Kopontren Gontor Ponorogo dan pelajar tingkatan 5 di Pondok Mode Gontor, temubual pada tarikh 23 Oktober 2009, di asrama santri, pukul 14.00 pm.

<sup>312</sup> Ustaz Suraji Badi’, Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm.

iaitu laporan kewangan dari bahagian-bahagian usaha ekonomi kopontren masih belum dapat dilaksanakan secara maksimum.

### **5.9.2. Cadangan penyelesaian masalah yang berlaku di Kopontren Gontor**

Beberapa cadangan penyelesaian yang telah dicadangkan oleh pihak penyelaras mahupun pengarah Kopontren Gontor untuk sentiasa mengawal dan menjaga kestabilan dalam pelaksanaan di setiap usaha ekonominya, iaitu seperti berikut:

1. Kopontren Gontor membentuk lembaga pengawas kopontren di bawah pimpinan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor. Lembaga ini bertugas untuk memastikan pelaksanaan kopontren dapat dilaksanakan dengan baik dalam aktiviti-aktiviti sebagai lembaga yang menampung dan menyelesaikan masalah-masalah di usaha-usaha kopontren.<sup>313</sup>
2. Pemangilan secara langsung dari Kiai atau pimpinan pondok. Hal ini diharapkan setiap pengurus untuk sentiasa menyiapkan laporan kemajuan mahupun kemerosotan setiap minggu.
3. Pengawalan yang ketat dari para pengawas perlu sekaligus penyediaan laporan kewangan perlu diadakan setiap tiga minggu sekali.
4. Mewajibkan di setiap bahagian usaha ekonomi menyiapkan tenaga pelapis setidaknya dua hingga tiga orang, bertujuan untuk memastikan sistem yang telah wujud dapat berjalan sesuai dengan perencanaan, sebagai persiapan untuk mengantikan anggota yang berpindah atau keluar dari keahlian kopontren.
5. Setiap para pengurus atau kakitangan kopontren sebelum ditempatkan di sebuah bahagian usaha ekonomi perlu dibekalkan dengan latihan dan temuduga terlebih

---

<sup>313</sup> Ustaz Zaenal Arifin, Pengarah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor, temubual pada 19 Oktober 2009, di kantor Pejabat YPPWPM, pulak 09.45 am.

dahulu, dengan harapan mereka dapat mengikuti perencanaan-perencanaan yang telah ditetapkan oleh pihak kopontren dalam masa satu tahun.<sup>314</sup>

## 5.10. Kesimpulan

Sifat anggota dan pengurus Kopontren Gontor bersifat tidak terbuka bagi masyarakat awam, tetapi terhad pada para guru dan pelapis pondok sahaja. Sepatutnya anggota koperasi bersifat sukarela dan terbuka untuk sesiapa sahaja yang mampu menggunakan perkhidmatan perkumpulan serta bersedia menerima tanggungjawab keanggotaan tanpa membezakan keturunan, suku, jantina, latar belakang pendidikan, politik dan agama. Manakala sumber kewangan di Kopontren Gontor sepenuhnya dari subsidi Pondok, dan yuran dari anggota kopontren berupa caruman pengorbanan ketaatan kepada institusi pondok bukan caruman kewangan. Seorang guru atau pelapis pesantren dinyatakan keluar dari anggota Kopontren Gontor apabila mereka telah keluar atau dikeluarkan dari pesantren.

Prinsip dalam pengelolaan keuntungan di Kopontren Gontor memiliki beberapa prinsip iaitu Prinsip tertib administrasi, Wujudnya pendidikan sikap mental yang berupa kejujuran, keikhlasan dan amanah serta bertanggungjawab, wujudnya etika kerja yang berorientasikan ibadah kerana mengharapkan keredhaan Allah dan juga prinsip berdikari dalam kebersamaan. Manakala keuntungan itu diagihkan dalam *dua bentuk* iaitu pemberian perkhidmatan dan wang. Kepada anggota kopontren berupa pemberian perkhidmatan secara maksimum dengan harga di bawah harga pasaran dan kepada seluruh lembaga di Pesantren Gontor berupa wang tunai sesuai dengan keperluan lembaga tersebut.

---

<sup>314</sup> Ustaz Suraji Badi', Pengarah Kopontren Gontor Ponorogo, temubual pada tarikh 17 Oktober 2009, di perumahan guru Pondok Moden Gontor, pukul 20.00 pm.

Masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan di Kopontren Gontor iaitu *pertama*, wujudnya peranan guru sebagai anggota dan kakitangan kopontren yang memiliki pelbagai fungsi dan tugas. Mereka bukan hanya menjadi kakitangan kopontren sahaja akan tetapi mereka juga harus mengajar dan pada masa yang sama mengikuti kuliah dari para guru di pesantren terebut. *Kedua* adanya perpindahan guru dari satu bahagian kebahagian yang lain. *Ketiga* kurangnya pengetahuan tentang koperasi dari pihak pengurusan mahupun anggota kopontren. *Keempat* kurangnya komitmen dari kalangan para anggota kopontren terhadap aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilaksanakan di kopontren. *Kelima* wujudnyakekangan masa anggota kopontren. *Keenam* kelemahan dalam pentadbiran perakaunan kewangan.

Manakala solusi-solusi untuk mengawal dan menyelesaikan permasalahan-permasalahan tersebut ialah dengan membentuk lembaga pengawas kopontren, pemangilan secara langsung dari kiai atau pimpinan pondok, pengawalan yang ketat dari para pengawas sekaligus laporan kewangan setiap tiga minggu sekali, menyiapkan pelapis setidaknya dua hingga tiga orang di setiap bahagian, serta setiap pengurus dibekalkan dengan latihan dan uji coba terlebih dahulu. Manakala aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan di Kopontren Gontor semuanya tidak ada yang berbentuk wang, akan tetapi lebih pada perkhidmatan, dan bantuan berupa barang.

**BAB ENAM**

**ANALISIS PELAKSANAAN USAHA-USAHA EKONOMI**

**DI KOPONTREN GONTOR DARI PERSPEKTIF SYARIAH**

**6.1 Analisis Syarat Dan Rukun Transaksi Jual Beli Yang Berlaku Di Kopontren Gontor Dari Perspektif Syariah**

Urusan transaksi yang dilaksanakan di usaha-usaha ekonomi Kopontren Gontor ini pada asasnya memiliki sistem pelaksanaan yang tidak jauh berbeza dengan bahagian usaha ekonomi yang lain. Beberapa syarat dan rukun yang berhubungkait dengan transaksi jual beli yang dilaksanakan di usaha-usaha ekonomi Kopontren Gontor adalah seperti berikut:

**6.1.1 Kedua belah pihak yang berakad**

Dalam syariat Islam, syarat yang harus ada dalam transaksi jual beli ialah wujudnya kedua-dua belah pihak yang berakad serta mampu untuk mengadakan akad, samada cukup umur (*baligh*) ataupun berakal (*aqil*). Dalam pelaksanaan di usaha ekonomi Kopontren Gontor semua transaksi yang dilakukan memenuhi syarat sah jual beli yang satu ini, iaitu kedua belah pihak yang berakad mampu mengadakan akad. Dari para pembeli dan penjual (pengurus kopontren) semuanya memiliki sifat cukup umur lagi berakal. Secara puratanya, staf kopontren berusia 17 tahun ke atas telah memenuhi syarat akad, di samping mereka juga menjadi staf pengajar di Pondok Modern Gontor membuktikan bahawa mereka juga berakal. Manakala pembeli yang majoritinya dari anggota kopontren sendiri dan juga santri serta masyarakat sekitar pesantren juga demikian. Mereka telah cukup usia dan mengetahui manfaat dari apa yang dibeli. Hal itu

kerana dalam syarat untuk menjadi santri di Pesantren Gontor mereka harus lulus peperiksaan kemasukan yang mengandungi temuduga dan ujian bertulis. Dan masyarakat sekitar Pesantren Gontor sebagai pembeli, majoriti dari mereka adalah anggota pengajian di masjid-masjid sekitar pondok. Hal ini membuktikan bahawa mereka juga berakal dan cukup umur (*baligh*).

### **6.1.2 Barang yang diperjual belikan**

Menurut transaksi syariah Islam, barang yang dijual beli mestilah dapat digunakan secara mutlak atau tidak boleh menjual sesuatu barang yang tidak memiliki manfaat, dan juga barang yang dijual beli merupakan milik penuh penjual atau ia mendapatkan izin perwakilan dari pihak lain dalam akad transaksinya. Pada Kopontren Gontor segala barang yang dijual di seluruh usaha ekonominya adalah milik penuh kopontren, dan pihak kopontren memiliki kuasa untuk menjual barang tersebut. Di samping itu juga barang itu mengandungi unsur halal dan jelas manfaatnya serta barang yang diakadkan tersebut wujud dan dapat diserahkan secara langsung.

#### **1) Status halal dan haram barang dagangan**

Semua barang yang diperjual belikan di Kopontren Gontor harus diketahui oleh pengawas, ketua kopontren dan Pimpinan Pondok Modern Gontor. Tidak semua barang boleh dijual di Kopontren Gontor. Hal ini disebabkan Gontor merupakan lembaga pendidikan yang membentuk dan membina para pelapis-pelapis agama Islam. Oleh itu, semua barang dan pakaian para guru serta santri haruslah halal dan baik. Penyelidik tidak menemui sebarang bahan dan barang yang dijual atau disewakan membawa kepada unsur maksiat yang dilarang agama Islam, kerana sebahagian daripada produk tersebut adalah daripada hasil buatan sendiri, dari

kalangan keluarga dan pengedar-pengedar yang telah bersetuju dengan penjualan tersebut.

2) Pemilikan terhadap barang dagangan

Walaupun penjualan barang dari pihak kopontren tidak sepenuh miliknya, contoh buku pelajaran yang dijual di kedai buku La-Tansa Ponorogo, tetapi terdapat sebahagian yang merupakan kontrak syirkah yang membawa keuntungan dan membolehkan pihak kopontren diberikan kepercayaan untuk menjual barang tersebut.

3) Manfaat atas barang dagangan

Semua barang yang dijual atau disewakan mengandungi manfaat bagi pembeli dan penyewa. Antara barang-barang yang dijual seperti beras, barang dapur, sayur-sayuran, makanan ringan, buku, peralatan elektrik, bahan-bahan bangunan, peralatan sukan, peralatan kosmetik, kereta, komputer, dan pakaian. Manakala barang yang disewakan adalah seperti, komputer, kereta, bus, bilik peristirahatan dan ruang untuk symposium (di wisma Darussalam).

4) Kemampuan pihak kopontren untuk menyerahkan barang

Barang-barang yang dijual terdapat di semua kedai yang telah ditetapkan sesuai nama kedai tersebut, seperti buku-buku ada dijual di kedai buku, makanan dijual di kedai makan, barang bangunan dijual di kedai bahan bangunan dan lain-lain.

#### **6.1.3 Harga barang**

Penentuan harga dalam syariat Islam tidak ditetapkan secara pasti, akan tetapi dalam pemberian harga pihak penjual dan pembeli mestilah mengetahui secara jelas

hargannya serta wujudnya keredhaan antara kedua belah pihak iaitu tidak ada unsur paksaan. Harga barang yang dijual di Kopontren Gontor sangat berpatutan, bahkan lebih murah dari kedai-kedai yang lain, perbezaan harga dengan kedai yang lain antara RM 0.20 hingga RM 0.30<sup>315</sup> Hal itu sesuai dengan anggapan dari pelanggan setia Kopontren iaitu Encik Anto yang telah menjadi pelanggan Kopontren Gontor lebih kurang 20 tahun dengan membeli barang asas keluarga (Sembilan bahan asas) tidak pernah menemukan harga barang yang melebihi harga pasar, bahkan sebahagian barang lebih murah dari kedai yang lainnya.<sup>316</sup>

Manakala cara penentuan harga barang yang dijual di kopontren pula pelbagai, terdapat sebahagian barang yang telah ditetapkan oleh pengedar seperti buku, produk kosmetik, pakaian, makanan dari ibu keluarga pondok, dan ada juga yang berdasarkan analisis kakitangan kopontren sendiri. Asas yang digunakan pengurus kopontren dalam menentukan harga barang tersebut ialah tidak melebihi harga pasaran, kira-kira lima peratus hingga sepuluh peratus (5%-10%) dari harga pembelian untuk barang kosmetik, manakala harga untuk buku sekitar sepuluh peratus hingga tiga puluh peratus (10%-30%) dari pembelian barang, bahkan untuk barang makanan yang tidak ditetapkan harga oleh pengedar hanya boleh mengambil keuntungan antara RM 0.05 hingga RM 0.10 sahaja.<sup>317</sup>

#### **6.1.4 Wujudnya lafaz akad (*Ijab dan Qabul*)<sup>318</sup>**

Seluruh ulama' bersepakat bahawa ijab dan qabul (*Sighat*) merupakan syarat yang harus ada dalam akad jual beli bahkan dalam pelbagai bentuk transaksi apapun. Pada

<sup>315</sup> Encik Suhandi, Pelanggan di UKK Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009

<sup>316</sup> Encik Anto, pelanggan di UKK Kopontren Gontor .Temubual pada tarikh 23 oktober 2009

<sup>317</sup> Encik Syahron, pengurusi UKK Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 oktober 2009

<sup>318</sup> Ijab dan Qabul; ijab perkataan penjual sedangkan Kabul perkataan pembeli. Syiekh Hassan Ayob (tj. Abdurrahman Saleh Siregar) (2008), *op.cit*, h. 93

Kopontren Gontor bagi memudahkan para pelanggan, pengguna dan juga pekerja kakitangan-kakitangan di seluruh usaha-usaha ekonomi Kopontren Gontor bermula dari usaha pengeluaran padi hingga kedai makanan telah menetapkan harga, iaitu dengan cara melekatkan harga di barang itu sendiri mahupun berupa tulisan yang telah disenaraikan pada tanda harga. Perkara ini tidak lagi menjadikan keraguan bagi pembeli terhadap harga dan juga tidak adanya sistem tawar menawar harga. Ketika pelanggan berhasrat untuk mendapatkan barang seperti beras, pelanggan boleh datang ke kilang beras atau cukup menelefon ke kilang tersebut, manakala barang-barang yang tidak boleh dihantar oleh pihak pengurus kopontren semacam buku, peralatan kosmetik, dan makanan ringan barang tersebut boleh didapatkan di kaunter pembayaran. Dalam hal ini tidak terjadi *ijab* dan *qabul* berupa ucapan. Aktiviti perniagaan seperti ini telah lama diamalkan bukan hanya dikawasan pesantren akan tetapi juga di kawasan bandar.

Dalam hal ini sesuai dengan firman Allah dalam surat an-Nisa' ayat 29:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ عَامَنُوا لَا تُكُلُّو أَمْوَالَكُمْ بِيُنْكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجْرَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ .

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan cara yang bathil, kecuali dengan cara perniagaan yang berlaku dengan redha sama redha di antara kamu”

Surat an-Nisa' (4):29

Dalil di atas menjelaskan bahawa setiap muslim dilarang mengambil sesuatu benda milik orang lain, kecuali terdapat pemindahan barang secara ikhlas. Sifat ikhlas memang masih abstrak akan tetapi dalam hal ini ikhlas dalam perniagaan sama seperti dengan memanfaatkan barang yang di perlukan dengan cara mengganti nilai barang tersebut kepada pemilik pertama tanpa ada unsur paksaan seperti jual beli, sewa, nikah

dan lain sebagainya. Hal itu boleh dilakukan dengan cara ucapan, tulisan atau perbuatan yang menggambarkan bahawa mereka setuju dengan hal tersebut.

Oleh itu, pembayaran barang yang terjadi di Kopontren Gontor dari segi akad ijab dan qabulnya dilaksanakan dalam bentuk perbuatan, iaitu dengan cara pembeli membawa barang yang dia perlukan ke kaunter pembayaran lalu membayar sesuai dengan harga yang telah dilekatkan di barang tersebut. Maka dapat disimpulkan bahawa pihak Kopontren Gontor telah mengamalkan syarat sah jual beli yang sesuai dengan syariat dan sah hukumnya.

## **6.2 Analisis Pelaksanaan Usaha-Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor dari Perspektif Syariah**

### **6.2.1 Prinsip *bay' al-Murabahah* pada usaha ekonomi di Kopotren Gontor**

*Bay' al-Murabahah* iaitu jual beli barang pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang dipersetujui. Manakala kadar keuntungan mengikut kesepakatan antara kedua belah pihak dan pembayaran harga barang boleh dibayar secara kredit atau tunai. Beberapa usaha ekonomi di Kopontren Gontor melaksanakan sistem bay' murabahah, usaha-usaha itu ialah pengeluaran padi, kedai serbaneka, kedai bahan bangunan, kedai buku, kedai sukan, usaha kesejahteraan masyarakat, dan pasar tani.

Pelaksanaan *bay' al-Murabahah* dapat diperhatikan ketika pengedar (distributor) menawarkan barang kepada pihak pengurus kopontren dengan pemberitahuan harga asal dan keuntungan mengikut kesepakatan kedua belah pihak. Walau bagaimanapun, keuntungan yang terjadi di kedai-kedai kopontren hanya berkisar dari lima peratus

hingga dua puluh lima peratus (5%-25%) dari harga asal. Apabila pihak pengurus kopontren mahupun penjual tidak sepakat terhadap keuntungan yang dipersetujui antara kedua belah pihak, maka jual beli tersebut dibatalkan atau tidak jadi dilaksanakan. Pelaksanaan syarat-syarat *bay' al-Murabahah* pada usaha di Kopontren Gontor ialah seperti berikut:

1. Pemberitahuan harga asal kepada pembeli

Dalam hal ini pihak pengedar akan membawa semua jenis barang beserta harga asalnya, setelah terjadi kesepakatan antara pengurus Kopontren dengan penjual dalam keuntungan maka pengurus kopontren menandatangai kertas perjanjian atas keuntungan tersebut.<sup>319</sup>

2. Pemberitahuan keadaan barang

Pihak pengedar menjelaskan secara terperinci tentang keadaan barang yang ditawarkan, kelebihan yang dimiliki mahupun kekurangannya. Atau pengurus kopontren meminta pengedar menerangkan tentang keadaan barang terlebih dahulu sebelum menandatangi kertas perjanjian jual beli tersebut. Sekiranya terdapat kerosakan di kemudian hari atau tidak bersesuaian dengan kontrak, maka barang tersebut boleh dikembalikan dan persetujuan itu akan terbatal serta merta.<sup>320</sup>

3. Pemberitahuan semua hal yang berhubungkait dengan transaksi

Dalam hal ini pengurus kopontren menjelaskan kepada pihak penjual tentang pembayaran yang diinginkan. Pembayaran yang sentiasa dilakukan ialah pembayaran

---

<sup>319</sup> Ustaz Syahron, pengarah Darussalam Distributor Centre Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di kantor pejabat DCC Ponorogo, pukul 11.10 am

<sup>320</sup> Ustadz Ato', penyelaras di bahagian kedai usaha kesejahteraan keluarga milik Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009, di kedai Usaha Kesejahteraan Keluarga Pondok Gontor, pukul 10.10 am.

secara kredit atau hutang dan belum pernah dilakukan pembayaran secara tunai. Hal itu terjadi apabila pihak penjual yang menawarkan barang, manakala pengurus kopontren yang memerlukan barang atau memesan sesuatu barang, pembayaran akan dilakukan secara tunai. Waktu pembayaran juga ditetapkan mengikut persetujuan antara kedua belah pihak dengan mencatat hari, tarikh, bulan, dan tahun. Hal ini dilakukan untuk mengelakkan berlakunya kerosakan akad.<sup>321</sup>

### **6.2.2 Prinsip *bay' salam* pada usaha ekonomi di Kopontren Gontor**

*Bay' salam* ialah pembelian barang yang diserahkan dikemudian hari, manakala pembayaran dilakukan diawal transaksi atau menjual sesuatu dengan catatan pembayaran dilakukan secara hutang dengan syarat-syarat yang diakui atau dipersetujui.<sup>322</sup> Meskipun transaksi jual beli secara salam masih terdapat beberapa keraguan oleh para sarjana Muslim, akan tetapi menurut fatwa Dewan Syari'ah Nasional No. 05/DSN-MUI/4/2000 telah memberangkan transaksi jual beli salam tersebut dilaksanakan.<sup>323</sup>

Pada Kopontren Gontor tidak semua usaha-usaha ekonominya menjalankan urusniaga dengan menggunakan sistem *bay' salam*. Oleh sebab itu, usaha-usaha di bawah Kopontren Gontor lebih ramai membuat pembayaran pada akhir jual beli setelah barang tersebut ada, berbanding dengan pembayaran yang dibuat pada awal jual beli disebabkan barang belum ada. Sistem pembayaran secara *bay' salam* ini tidak ramai dilakukan di Kopontren Gontor kerana kebanyakan barang yang diniagakan semuanya telah tersedia, di samping hal itu masih menjadi perbezaan pendapat dari kalangan ekonom muslim kerana tidak memenuhi syarat sah jual beli iaitu wujud barang harus ada.

<sup>321</sup> Ustaz Syahron, pengarah Darussalam Distributor Centre Kopontren Gontor, temubual pada tarikh 21 Oktober 2009, di kantor pejabat DCC Ponorogo, pukul 11.10 am

<sup>322</sup> Syiekh Hassan Ayob (tj. Abdurrahman Saleh Siregar) (2008), *op.cit*, h. 269

<sup>323</sup> MUI Majlis Ulama' Indonesia [http://www.mui.or.id/mui\\_in/](http://www.mui.or.id/mui_in/). 6 November 2009

Manakala usaha ekonomi Kopontren Gontor yang melaksanakan sistem *bay' salam* ini ialah di usaha kedai buku, dan percetakan buku sahaja. Hal itu terjadi ketika pelanggan atau pengguna yang tidak menetap di Pesantren Gontor atau jauh dari Bandar Ponorogo untuk mengadakan pemesanan secara langsung.<sup>324</sup> Pelaksanaan syarat-syarat sah *bay' salam* pada Kopontren Gontor ialah sebagai berikut:

(1). Alat pembayaran

Alat pembayaran yang digunakan dalam transaksi ialah berupa wang yang jelas bentuk dan nilainya. Pihak kopontren tidak akan menerima alat pembayaran selain wang, bagi para pengguna yang sibuk dan tidak mempunyai banyak masa, pengguna akan membuat pembayaran pada awal pembelian ketika pemesanan barang dilakukan secara tunai.

(2). Ketentuan barang dan Penyerahannya

Sebagaimana yang dijelaskan di atas bahawa transaksi *bay' salam* hanya terjadi pada bila-bila masa dan tidak terdapat pada seluruh usaha kopontren, kecuali di percetakan buku dan kedai buku. Maka barang yang diperjual belikan jelas bentuk dan ciri-cirinya sesuai dengan kehendak pengguna dan pelanggan, maka sudah pasti hasil dari pemesanan tersebut sesuai dengan kehendak pelanggan, kerana pihak pengurus di usaha percetakan buku tidak akan mencetak atau menjual barang tersebut kecuali sesuai dengan pesanan. Manakala pengiriman barang biasanya dilakukan secara paket kargo melalui Pos Indonesia.

---

<sup>324</sup> Encik Syahron, koordinator diunit usaha kedai buku Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009

### **6.2.3 Prinsip *bay' istiṣna'* pada usaha ekonomi di Kopontren Gontor**

Transaksi jual beli *bay' istiṣna'*, bermaksud kontrak penjualan antara pembeli dan pembuat barang. Dalam pelaksanaannya di Kopontren Gontor *bay' istiṣna'* hanya berlaku pada usaha percetakan buku. Dalam kontrak ini, pembuat barang iaitu pihak kopontren di usaha ekonomi tersebut mendapatkan pesanan dari pelanggan secara langsung tanpa ada perwakilan dari pihak ketiga, manakala pelanggan berkehendak sesuatu barang yang tidak wujud, maka pelanggan tersebut boleh datang terus ke kilangnya atau cukup dengan berhubung melalui telefon. Pada waktu itulah ijab dan qabul antara pengurus kopontren dan pelanggan dilaksanakan.

*Bay' istiṣna'* tidak jauh berbeza dengan *bay' salam*, oleh yang demikian menurut mazhab Hanafi menyetujui transaksi ini atas dasar kebaikan (*istishan*) kerana adanya sebab-sebab berikut:

- (1). Masyarakat awam telah mepraktikan *bay' istiṣna'* ini secara menyeluruh tanpa ada yang merasa keberatan.
- (2). Di dalam syariah memungkinkan adanya penyimpangan terhadap qiyas berasaskan ijma' ulama'
- (3). Pelaksanaan *bay' istiṣna'* berasaskan keperluan masyarakat awam. Kerana banyak orang yang memerlukan barang tetapi tidak terdapat di pasaran sehingga pembeli lebih cenderung untuk mengadakan kontrak pemesanan barang yang sesuai dengan minatnya.
- (4). *Bay' istiṣna'* hukumnya sah kerana kontrak yang terjadi di dalamnya tidak bertentangan dengan nas atau hukum syariah Islam.<sup>325</sup>

---

<sup>325</sup> Muhammad Syafi'I Antonio (2001), *op.cit*, h. 114

Pelaksanaan jual beli *bay' istisna'* ini tidak jauh berbeza dengan jual beli *salam*, yang membezakannya hanyalah cara pembayarannya sahaja, maka hal-hal yang ada di *bay' salam* samada rukun ataupun syarat sah semuanya terdapat di *bay' istisna'*. *Bay' salam*, dilaksanakan dengan pemesanan buku akan mengirimkan wang di awal pembelian, dan pengiriman barang akan dilakukan oleh pihak kopontren setelah jelas wang tersebut masuk di akaun bank kopontren. Manakala bagi sistem *bay' istisna'* ini pembayaran boleh dilakukan secara kredit atau diakhiri ketika pengambilan barang pesanan, tetapi pihak kopontren tidak akan memberikan pesanan kepada pelanggan kecuali setelah kedua pihak mensetujui harga, jenis barang serta batas akhir bayaran.

Beberapa sebab pihak Kopontren Gontor melaksanakan *bay' istisna'* ini iaitu agar para anggota kopontren atau pelanggan yang memerlukan barang sesuai dengan keinginannya dapat dipenuhi. Tetapi transaksi dengan sistem *istina'* hanya dilakukan kepada para pelanggan yang dikenali kawasan tempat tinggalnya dan merupakan pelanggan tetap di Kopontren Gontor. Jika syarat itu tidak dipenuhi, maka transaksi yang berlaku bukan *bay' istisna'* akan tetapi *bay' salam*. Pembeli harus menyerahkan wang di awal pembelian seterusnya pihak kopontren akan menyediakan barang yang dipesan sesuai dengan jumlah, jenis dan bentuk yang dipesan. Dalam pelaksanaanya *bay' istisna'* hanya diperuntukan bagi anggota kopontren, cawangan-cawangan Pondok Moden Gontor dari Gontor 2 hingga Gontor 10 dan pondok-pondok Alumni Pondok Moden Gontor yang telah menjadi pelanggan tetap.

#### **6.2.4 Prinsip Al-Ijarah Pada Usaha Ekonomi di Kopontren Gontor**

*Al-Ijarah* merupakan akad pemindahan hak guna atas barang atau perkhidmatan melalui pembayaran upah sewa tanpa diikuti dengan pemindahan pemilikan atas barang.

Pada asasnya al-ijarah tidaklah jauh berbeza dengan akad jual beli, yang membezakannya adalah bentuk objeknya sahaja. Jual beli adalah dalam bentuk barang, manakala *al-Ijarah* dalam bentuk layanan atau perkhidmatan. Oleh yang demikian, syarat sah dalam akad jual beli juga menjadi syarat sah pada transaksi *al-Ijarah*. Dalam pelaksanaanya di Kopontren Gontor sistem *al-Ijarah* hanya berlaku pada usaha ekonomi berupa Penginapan Wisma Darussalam, dan perkhidmatan kenderaan sahaja. Manakala syarat-syarat sah pada transaksi *al-Ijarah* yang dilaksanakan di Kopontren Gontor ialah seperti berikut:

(1). Akad yang berkaitan dengan kontrak ijarah

Para pengguna perkhidmatan yang disediakan oleh Kopontren Gontor dalam akad pembayaran dimulai ketika ia memesan perkhidmatan tersebut. Pelbagai cara dilakukan untuk memenuhi syarat sah akad ini, sebahagian pelanggan sekedar memaklumkan pesanan melalui telefon bimbit, iaitu seperti kalimat; “ustaz saya memerlukan kereta untuk pergi ke Ponorogo kerana hendak berbelanja untuk keperluan saya”,<sup>326</sup> setelah pihak pengurus kopontren menjelaskan had waktu penyewaan dengan harga yang telah ditentukan dan dipersetujui oleh penyewa maka selepas itu kereta yang dipinjam akan dihantarkan ke tempatnya. Terdapat juga pihak luar pesantren yang hendak menggunakan perkhidmatan sewa kereta, biasanya mereka datang terus ke bahagian kenderaan apabila kedua belah pihak telah bersepakat mengenai harga, maka pihak kakitangan kopontren akan menyediakan kereta beserta pemandunya.

(2). Kelayakan pemberi dan penerima sistem *al-Ijarah*

Dalam hal ini pemberi *al-Ijarah* adalah pihak Koponten Gontor manakala penerima *al-Ijarah* adalah pelanggan. Apabila di lihat dari usia kedua belah pihak

<sup>326</sup> Ustaz Husni Mubarak, pengurus di bahagian Kenderaan Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009, di kantor pejabat Yayasan Pondok Modern Gontor, pukul 13.20 pm

semuanya layak untuk melakukan transaksi urusniaga. Hal itu sesuai dengan syarat akad jual beli yang telah dijelaskan di atas.

(3). Manfaat dan perkhidmatan yang disewakan

Perkhidmatan sewa yang ditawarkan adalah perkhidmatan kenderaan berupa kereta, bus mini, kereta L300 dan kereta elf, dan berupa ruangan istirahat mahupun dewan yang disediakan di wisma Darussalam. Apabila di lihat dari barang dan kemudahan yang disewakan semuanya tidak mengandungi unsur yang diharamkan dan memiliki manfaat yang jelas. Kereta yang disewakan juga jelas bermanfaat bagi penyewa serta bilik mahupun dewan untuk seminar dan simposium juga bermanfaat kepada pengguna.

(4). Ganjaran (*al-ujrah*)

Bentuk ganjaran yang selalu berlaku di Kopontren Gontor berupa wang tunai dan *al-ujrah*. Bayaran khusus yang dikenakan di kopontren dari pelbagai perkhidmatan yang ada sangat berpatutan bahkan di bawah harga pasaran. Hal ini disebabkan penginapan wisma diperuntukan untuk memberikan kemudahan bagi para tetamu yang melawat ke Gontor, serta kenderaan yang disewakan pula lebih kepada tujuan sosial untuk memberi kemudahan kepada anggota kopontren dan masyarakat sekeliling pesantren.

### 6.3 Kesimpulan

Dalam pelaksanaan usaha-usaha ekonomi yang ditubuhkan di Kopontren Gontor semuanya memenuhi syarat sah transaksi sesuai dengan syariah *mua'amalah* iaitu *pertama*, penjual dan pembeli atau penyewa atau pemberi sewa memenuhi syarat samada cukup umur (*baligh*) dan berakal (*'aqil*), *kedua* barang yang diperjual belikan tidak ada

mengandungi unsur haram, pihak Kopontren memiliki sepenuhnya kuasa untuk menjualnya dan seluruhnya memiliki manfaat bagi kedua belah pihak, *ketiga* harga barang yang ditawarkan sangat berpatutan dan tidak ada pihak penjual mahupun pembeli yang merasa rugi atas harga, *keempat* ijab dan qabul dilakukan dalam bentuk perbuatan dan perkataan.

Apabila di lihat dari segi bentuk transaksi yang dilaksanakan di Kopontren Gontor terdapat usaha-usaha yang melaksanakan sistem *bay' murābahah* iaitu pengeluaran padi, kedai serbaneka, kedai bahan bangunan, kedai buku, usaha kesejahteraan masyarakat dan pasar tani. Manakala *bay' salam* tidak banyak dilakukan di Kopontren Gontor hanya berlaku dalam aktiviti ekonomi bahagian kedai buku, dan percetakan buku sahaja. *Bay' istiqna'* juga hanya berlaku dalam aktiviti percetakan buku sahaja. Manakala Konsep *al-Ijārah* berlaku dalam urusniaga yang menawarkan perkhidmatan Penginapan Wisma Darussalam dan perkhidmatan sewa kendaraan.

## **BAB TUJUH**

### **KESIMPULAN**

#### **7.1 Rumusan**

Kopontren memiliki beberapa kelebihan berbanding dengan koperasi konvensional. Di samping kopontren menepati prinsip syariah, kopontren juga lebih menekankan kepada ajaran-ajaran yang dapat membekalkan para ahlinya untuk hidup bermasyarakat. Kopontren sentiasa menjaga ukhuwah persaudaraan antara satu sama lain dengan mengamalkan asas ibadah kerana Allah yang berpandukan nilai-nilai bersumber dari: al-Qur'an, al-Hadith, amalan *al-Khulafā' al-Rāshidīn*, pemikiran klasik beberapa ilmuan Islam, pemikiran atau tulisan ilmuan kontemporeri Islam dan pemikiran dari para ilmuan moden samada Barat atau Timur. Manakala falsafah dan nilai-nilai sosial wujud dalam urusniaga kopontren adalah seperti sifat persaudaraan, tolong menolong, bekerja dengan ikhlas, sifat jujur, menyokong dan turut serta dalam hal kebajikan.

Dalam pelaksanaannya di Kopontren Gontor Ponorogo, dapat disimpulkan bahawa Keahlian yang membentuk ciri khas koperasi adalah bersifat sukarela, terbuka untuk masyarakat awam tidak berlaku di Kopontren Gontor, kerana keanggotaan Kopontren Gontor terhad kepada guru dan para pelapis Pondok Gontor sahaja. Hal ini sesuai dengan AD/ART pada Bab V pasal 5 tentang syarat menjadi anggota di Kopontren Gontor iaitu hanya dibenarkan bagi para guru dan pelapis Pondok Moden Gontor sahaja. Keanggotaan di Kopontren Gontor akan dinyatakan secara bertulis sebagai anggota Kopontren Gontor apabila guru atau pelapis bertugas sebagai pengajar dan mengabdi di Pondok. Manakala seseorang guru atau pelapis pesantren dinyatakan keluar dari keanggotaan kopontren apabila mereka keluar dari pondok. Oleh yang demikian mereka

tidak akan lagi mendapatkan sebarang keuntungan maupun kemudahan dalam bentuk perkhidmatan dari Kopontren Gontor.

Pengurus kopontren juga terhad kepada guru dan pelapis pondok yang telah ditetapkan oleh pimpinan pondok. Oleh sebab itu, pengelolaan usaha-usaha tersebut tetap diwarnai oleh jiwa santri yang meliputi keikhlasan, kejujuran, amanah, tanggung jawab, kesungguhan, pengabdian, dan kesetiaan. Manakala pekerja-pekerja di usaha ekonomi Kopontren Gontor diambil dari masyarakat sekitar pondok.

Pada amnya sumber kewangan koperasi terdiri daripada *modal sendiri* dan *modal pinjaman*, akan tetapi sumber kewangan Kopontren Gontor adalah dari subsidi pondok sepenuhnya samada berupa modal awal atau penyediaan fasiliti bangunan, hal itu kerana Kopontren Gontor tidak mahu terikat dengan sebarang pinjaman yang mengandungi unsur riba. Manakala yuran dari anggota kopontren pula berupa caruman pengorbanan ketaatan kepada institusi pondok iaitu dalam bentuk bukan caruman kewangan.

Dalam pengelolaan baki hasil keuntungan dari usaha ekonomi di Kopontren Gontor memiliki beberapa prinsip. Prinsip yang menjadi asas dalam pengelolaan keuntungan iaitu *pertama*, prinsip kemas dalam pentadbiran ertiya dalam penggelolaanya haruslah berprinsip kepada penulisan yang kemas dengan pengawasan dari pelbagai pihak dan kawalan yang ketat. *Kedua*, prinsip pendidikan sikap mental yang berupa kejujuran, keikhlasan dan amanah serta bertanggungjawab. *Ketiga*, etika kerja yang bertujuan ibadah kerana mengharapkan redha Allah. Dan *keempat*, prinsip berdikari dalam kebersamaan.

Pengagih Disertai keuntungan dari hasil usaha di Kopontren Gontor dalam dua bentuk. *Pertama* berupa pemberian perkhidmatan secara maksimum kepada para anggota kopontren dengan harga di bawah harga pasaran, *kedua* diagihkan untuk pengembangan usaha serta kesejahteraan yang merupakan pembangunan fasiliti untuk para anggota kopontren. Kesejahteraan itu mencakupi seluruh lembaga-lembaga di Gontor iaitu pembiayaan di Institut Studi Islam Darussalam (ISID), Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyyah (KMI), Pengasuhan Santri, Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern (YPPWPM), aktiviti Ikatan Keluarga Pondok Modern Gontor (IKPM), aktiviti di pusat Latihan pengurusan/pentadbiran dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM), Pembangunan pergedungan Pondok, Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM), kesejahteraan para guru samada di Gontor pusat mahupun di cawangan Pondok Gontor.

Manakala masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti di Kopontren Gontor iaitu peranan pelbagai fungsi guru sebagai anggota sekaligus sebagai pengurus di kopontren. Guru bukan hanya menjadi kakitangan kopontren bahkan juga harus mengajar dan kuliah di perguruan tinggi Gontor. Perpindahan guru dari satu bahagian ke bahagian yang lain, kurangnya pengetahuan tentang koperasi dari anggota mahupun pengurus, kurangnya partisipasi dari para anggota kopontren, wujudnyakekangan masa anggota kopontren serta kelemahan dalam pentadbiran kewangan juga memberikan masalah dalam pelaksanaan di Kopontren Gontor.

Beberapa usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kopontren untuk menyelesaikan masalah-masalah tersebut iaitu dengan membentuk lembaga pengawas kopontren di bawah pimpinan Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Modern Gontor. Lembaga ini bertugas untuk memastikan pelaksanaan kopontren dapat

dilaksanakan dengan baik serta sebagai lembaga yang menyelesaikan masalah-masalah di usaha-usaha kopontren. Kiai atau Pimpinan Pondok Gontor juga sentiasa mengawal dan mengawasi pelaksanaan kopontren dengan cara memanggil bahagian usaha ekonomi secara langsung atau tanpa diketahui. Dengan wujudnya pemanggilan tersebut diharapkan setiap pengurus sentiasa mempersiapkan laporan kemajuan dan kemerosotan pada bila-bila masa. Para pengawas dari pihak kopontren juga turut mengawal dan membimbang setiap bahagian usaha ekonomi dalam laporan kewangan yang dilaksanakan setiap tiga minggu sekali.

Pihak kopontren juga mewajibkan di setiap bahagian usaha ekonomi untuk mempersiapkan pelapis setidaknya dua hingga tiga orang yang bertujuan agar sistem yang ada dapat berjalan sesuai dengan perencanaan. Para pelapis ini penting sebagai penganti sekiranya ada pengurus yang berpindah atau dikeluarkan dari keahlian kopontren. Setiap para pengurus atau kakitangan Kopontren sebelum ditempatkan di sebuah bahagian usaha ekonomi dibekalkan dengan latihan dan temuduga terlebih dahulu, dengan harapan mereka dapat mengikuti rancangan-rancangan yang telah ditetapkan oleh pihak kopontren dalam masa satu tahun.

Manakala transaksi yang dilaksanakan di usaha-usaha ekonomi Kopontren Gontor seluruhnya memenuhi syarat sah transaksi sesuai dengan syariah mua'amalah dan tidak ada satu bahagian usaha pun yang bercanggahan dengan konsep Islam, seluruh usaha-usaha ekonomi di kopontren menggunakan sistem jual beli murabahah, jual beli salam, jual beli isitisna' dan al-ijarah yang sesuai dengan syariat Islam. Aktiviti-aktiviti sosial yang dilaksanakan di Kopontren Gontor semuanya tidak ada yang berupa wang, akan tetapi lebih pada perkhidmatan, dan bantuan berupa barang kepada masyarakat sekeliling pondok pesantren.

## **7.2 Saranan dan Cadangan**

Kewujudan koperasi di suatu lembaga pendidikan seperti pondok pesantren sangat membantu perkembangan dan pertumbuhan ekonomi pondok. Pertumbuhan itu akan lebih berkembang lagi apabila sistem anggota yang dilaksanakan di kopontren tidak terhad pada guru atau penghuni pesantren sahaja, akan tetapi lebih bersifat terbuka kepada orang ramai tanpa sebarang syarat-syarat tertentu. Kemasukan keahlian sepatutnya tidak membezakan bangsa, suku, jantina, latar belakang pendidikan, politik dan agama, kerana ciri utama dalam koperasi ialah status anggota sebagai pemilik dan sekaligus pengguna perkhidmatan koperasi.

Kopontren diasaskan untuk bertindak sebagai penggerak aktiviti ekonomi rakyat di desa dan masyarakat sekeliling pondok pesantren yang kukuh dan maju. Sehingga kopontren akan disokong oleh masyarakat sedikit sebanyak untuk merealisasikan fungsi dan peranan kopontren iaitu meningkatkan kehidupan sosial-ekonomi bagi para ahli khasnya dan masyarakat pada umumnya. Oleh yang demikian kewujudan kopontren diharapkan dapat memperluaskan lagi peranannya, bukan hanya terbatas pada penghuni pesantren sahaja akan malah dapat dirasakan oleh masyarakat ramai.

Kiai sebagai ikon dalam pondok yang memiliki peranan penting dalam polisi kopontren sepatutnya memberikan lebih peluang kepada para pengawas dan pengurus untuk mengelola usaha-usaha ekonomi di bawah kopontren secara demokratik terpimpin. Dalam pengelolaan usaha-usaha ekonominya pihak Kopontren diberikan kebebasan, sehingga para pengawas, pengurus dan anggota kopontren terdorong untuk berinovasi bagi memajukan usaha-usaha ekonomi kopontren.

Berdikari pada koperasi dimaksudkan bahwa adanya kemampuan untuk mengambil keputusan dan mengelola dirinya dengan merencanakan, melaksanakan, mengawasi dan menilai aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan. Berdikari juga boleh diertikan sebagai kebebasan yang bertanggung jawab, autonomi, berdaya maju dan keberanian bertanggungjawab dalam segala tindakan/perbuatan sendiri dalam pengelolaan usaha dan organisasi. Walau bagaimanapun terdapat juga halangan kurangnya profesionalisme, lemahnya kemampuan daya manusia dan kurangnya pemahaman prinsip asas koperasi yang itu semua boleh mempengaruhi keberhasilan dalam pengelolaan koperasi. Oleh yang demikian pihak kerajaan sepatutnya merencanakan pembinaan dan pengawalan secara menyeluruh dan sistematik melalui latihan-latihan atau seminar yang dapat difahami oleh pengurus, ahli dan masyarakat tentang koperasi, sehingga produktiviti dan kemajuan dapat dicapai bersama.

Kopontren seperti halnya Usaha Mikro Kecil Menengah (UMKM) yang sepatutnya dikembangkan oleh pihak pemerintah/kerajaan mendapatkan perhatian yang cukup dari pimpinan kopontren, sekaligus mampu menjadi penyelesaian dengan mengurangkan masalah pengangguran. Malah juga diusahakan dengan tepat akan menjadi usaha menengah yang boleh menjana ekonomi masyarakat di desa sekitar Pondok. Walau bagaimanapun masih tiada cadangan daripada pihak pemerintah/kerajaan mengenai bantuan pemberian modal untuk meningkatkan usaha-usahanya dan mencarikan resolusi dalam pemasaran produk-produk kopontren. Maka sepatutnya pemerintah daerah maupun pemerintah Indonesia boleh menyediakan suatu projek yang dapat menyokong pemasaran produk kopontren atau setidaknya bantuan permodalan untuk mengembangkan usaha kopontren.

### **7.3 Kesimpulan**

Kopontren merupakan alat ekonomi di sebuah pondok pesantren seperti Pondok Pesantren Gontor Ponorogo yang dapat menjana kelangsungan dan kemajuan pondok tersebut. Dengan wujudnya usaha-usaha ekonomi di bawah pengawasan dan kawalan kopontren, secara hukum usaha ekonomi tersebut diiktiraf kerajaan. Sehingga usaha itu dapat berkembang bahkan lebih maju berbanding dengan usaha ekonomi persendirian. Hal itu disebabkan wujudnya sokongan dari kerajaan samada berupa bantuan kewangan mahupun latihan-latihan tentang keusahawanan dari kerajaan dan juga wujudnya pengguna barang yang tetap (keuntungan monopoli) iaitu seluruh penghuni pondok dan masyarakat sekitar pesantren.

Kewujudan kopontren di Pondok Pesantren Gontor sangat signifikan sekali, di samping kopontren adalah sebagai penyokong pelaksana kegiatan ekonomi pondok pesantren, kopontren sebagai tempat pembinaan pelapis dan guru untuk berlatih urusniaga. Di samping itu, kopontren juga menjadi sebuah lembaga yang dapat meningkatkan ekonomi masyarakat desa di sekitar Pondok Pesantren Gontor. Selain daripada itu, kewujudan Kopontren Gontor di tengah masyarakat desa Gontor juga mampu memperkenalkan kesedaran berekonomi bagi masyarakat Ponorogo. Kopontren juga mampu menggerakkan sumber ekonomi dan sumber manusia sehingga masyarakat sekitar Pondok Gontor menjadi lebih produktif.

## BIBLIOGRAFI

### 1. Bahasa Melayu

- A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al. (eds), *Manajemen Pesantren*. Cet. I. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara
- Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Raja Grafindo Persada
- \_\_\_\_\_(2005) *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor*, Ponorogo: Trimurti Perss
- \_\_\_\_\_(2009), “Isu Kewangan dan Pembiayaan, Membina Pesantren Yang Mandiri; Pengalaman Pondok Modern Gontor ” (Kertas Kerja Seminar Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan 2009, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan 3-5 mac 2009)
- Abdurrahman Wahid (2001) *Menggerakan Tradisi Esai-Esai Pesantren*. Yogyakarta: LKiS
- Abu Abdullah Hanafi bin Hj Dollah (2006) *Kamus Al-Khalil*, c. 2, Kuala Lumpur: Pustaka Salam, prospecta printers Sdn. Bhd
- Afni Guza (2008) *Undang-Undang Usahak Mikro, Kecil dan Menengah UU RI nomor 20 Tahun 2008*. Jakarta: Asa Mandiri
- Ahamd Hidayat Buang (1995), “Pemasukan Syarat di Dalam ‘Aqd” *Jurnal Syari’ah* 3. Bil. 2. Kuala Lumpur: Ummah Media Sdn. Bhd
- Ahmad Ghazali (1987) “Mengenai Koperasi dan Menilai Kelebihan dan Kelemahan dalam Mengarungi Zaman Kemelesetan Ekonomi Dunia”, (dalam Seminar Koperasi Kebangsaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan kerjasama Angkatan koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad, T.T.P. Persatuan Mahasiswa Fakulti Ekonomi)
- Ahmad Marzuki (2004) *Pelajar Dalam Gerakan Koperasi Sekolah*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_(2004) *Jati Diri Koperasi*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_(2004) *Panduan Asas Gerakan Koperasi Sekolah Di Malaysia*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. Yeoh Princo Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_(2004) *Tadbir Urus Koperasi Sekolah*. Selangor: Yeohprinco Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd
- \_\_\_\_\_(2005) *Kepimpinan Koperasi Memimpin dan Dipimpin*, Selanggor Kuala Lumpur: Kim Guan Press Enterprise Sdn. Bhd. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd

- Akhmad Faozan (2006) "Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi", *Jurnal Ibda*, Purwokerto, jil:4, bil.1
- Akhmad Syakhroza (2007) "Membangun Ekonomi Kerakyatan" *Jurnal Usahawan* Jil. 2 Bil. 36
- Amrullah Nangolah (2006), "Operasi Pelaksanaan Koperasi Beringin Palembang Sumatera Selatan, Indonesia Menurut Perspektif Islam" (Disertasi Ijazah Sarjana Syari'ah, Fakulti Syariah dan Ekonomi, Jabatan Syari'ah Universiti Malaya).
- Arifin Sitio & Halomoan Tamba (2001) *Koperasi Teori dan Praktik*, Jakarta: Erlangga PT. Gelora Aksara Pratama
- Arifin Sitio, Halomoan Tamba (2001) *Koperasi Teori dan Praktik*, Jakarta: Erlangga
- Arman D. Hutasuhut, (2001), "Manajemen Koperasi Menuju Kewirausahaan Koperasi", *Jurnal Manajemen dan Bisnis*, Fakulti Ekonomi Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara, vol: 1. No.1
- Azma binti Che Seman (2000), "Koperasi: Dasar dan Pelaksanaanya dalam system Ekonomi Islam", (Latihan Ilmiah, Fakulti Syari'ah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Bada Pusat Statistik Kota Ponorogo (BPS) (2007), *monografi Kota Ponorogo*. Ponorogo: BPS
- Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil (1998), "Studi Pengembangan Usaha Koperasi Pondok Pesantren", (Departemen Koperasi dan PPK)
- Bahagian Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (1977), "Peranan Belia dalam Pembangunan Koperasi", (Kertas kerja dalam Seminar Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA) Kuala Lumpur)
- Bahri Nurdin (1993) *Perkenalan dengan beberapa Konsep Ekonomi Koperasi*. Jakarta: Salemba
- Burhanuddin (2006), "Evaluasi Program Pendidikan dan Latihan pada Koperasi Pondok Pesantren", *Jurnal Pengkajian Koperasi dan UKM*, Jil:2. Bil: 2
- Choirul Saleh, (2000), "Strategi Pengembangan Perekonomian Rakyat dan Koperasi di Daerah", *Jurnal. Administrasi Negara* FIA, Universitas Brawijaya, Malang, Jil:1 Bil: 1
- Damanik (1962) *Pelajaran Koperasi Indonesia*, Medan: Sriwidjaja
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1992) *Kamus Inggeris – Melayu Dewan*, Selangor: Kementerian Pendidikan Malaysia Kuala Lumpur
- Dwi Mahrussalim (2008), "Partisipasi Pondok Pesantren Al-Manar Salatiga Dalam Pendidikan Kemasyarakatan Terhadap Santri" (kertas projek skripsi, Fakulti Agama Islam, Universiti Muhammadiyah Surakarta)

- Hamat @ Mustafa Abd. Rahman (1989) “Aktiviti Perkoperasian dari kacamata Islam” (dalam seminar ke Arah pembangunan koperasi: satu pendekatan semula), 15 – 17 november 1989, T.T.P, T.P,
- Hans. H. Munkner (1988) *Sepuluh Kuliah Undang-Undang Koperasi*, t. Abu Bakar Sidek, Petaling Jaya: Koperasi Malaysia Bhd
- Hasan Saleh dkk(2008) *Kajian Fiqh Nabawi dan Fiqh Kontemporer*, Jakarta: Rajawali Press
- Hudiyanto (2002) “Koperasi Ideologi dan Pengelolaannya”, (Dalam Proyek peningkatan Penelitian Pendidikan Tinggi Direktorat Jenderal Pendidikan Tinggi. Departemen Pendidikan Nasional. Jakarta)
- Husen Hasan Basri (2007), “Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren:Studi kasus Yayasan Pesantren tiga dimensi pangkep sulawesi selatan”, *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan*, bil:5. Oktober-desember
- Idris Ismail & Mohd Safaai Said (2003) *Pengenalan Koperasi*. Cet. I. Kuala Lumpur: Maziza SDN. BHD
- Ilhaamie bt. Abdul Ghani Azmi (2001) “Pengurusan dari Perspektif Islam”, *Jurnal Syari’ah*. Jil.9. bil. 2. 2001
- Imam Zarkasyi (1939), “Pekan Perkenalan di Kulliyatu al-Mu’allimīn al-Islāmiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia” (Diktat kuliah Umum dalam pekan perkenalan dari tahun ke tahun)
- Jabatan Pembangunan Koperasi (1977) “Pembangunan Koperasi di Malaysia”, (Dalam Seminar Koperasi Belia Nasional Berhad (KOBENA)), Kuala Lumpur
- Jannes Situmorang (2006), “Kaji Tindak Peningkatan Peran Koperasi Dan UKM Sebagai Lembaga Keuangan Alternative”, *Jurnal Keuangan*, Vol.2.no: 20
- John M. Echols (1996) *Kamus Inggeris - Indonesia*,c. 23. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama
- Joni Tamkin Bin Borhan (1998) “bay’ al-Murabahah in Islamic Commercial law” *Jurnal Syari’ah*. J. 6. Kuala Lumpur: Khairom Ilmu Enterprise
- Kamaralsjah (t.t) “aspek kegiatan Usaha Perkumpulan Koperasi (suatu tinjauan permasalahan Koperasi sebagai perusahaan dalam lingkungan masyarakat yang bersuasana tata ekonomi pasar)”, Hendrojogi. (ed) *Koperasi Masalah, Pengembangan dan Pembinaannya*, Jakarta: Bahagian Publikasi Lembaga Management Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia
- Kementerian Negara Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (2008) “Analisis Kinerja Koperasi Tahun 2008”. Jakarta Selatan
- M. Yatimin Abdullah (2007) *Studi Akhlak dalam prespektif al-Qur'an*, Jakarta: Sinar Grafika Offset
- Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid, Paizah Hj Ismail (2006) *Pengantar Pengajian Syari’ah*, c. 2. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd

Maimun dan Subki (2007), "Modernisasi Pengelolaan Pendidikan Pesantren; Studi Kasus di Pondok Pesantren Nurul Haramain Putri Narmada", *Jurnal Penelitian Keislamanan*, jil. 3, bil. 2, Jun 2007

Masngudi (1990), *Penelitian Tentang Sejarah Perkembangan Koperasi di Indonesia*, Jakarta: Badan Penelitian Pengembangan Koperasi Departemen Koperasi

Mayra Wals (2002) "Pondok Pesantren dan Ajaran Ekstrim; studi kasus di Pondok Pesantren Modern Putri Darur Ridwan, Parangharjo, Banyuwangi" (Kerta projek kerja, fakulti ilmu sosial dan politik, Universiti Muhammadiyah Malang)

Miftah Arifin (2004) "Peran Koperasi Pesantren dalam Pemberdayaan Ekonomi di Kabupaten Jember". *Jurnal Penelitian*, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember, jil: 3. bil.3

Moh Ali Aziz (2005) "Pesantren dan pengembangan ekonomi umat" Dalam, A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As (2005) *Manajemen Pesantren*, Cet. I. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara

Mubin dan Hidayat (2006) "Kinerja Manajemen dan proses pembelajaran pada pondok pesantren Ibnul Amin Pamangkikh Rasyidiyah Khaudiyah Amuntai dan Darussalam Martapura" *Jurnal Fikrah*, Jil. 5 Bil. 2, July – Desember 2006

Muhammad Abdul Mannan (1997) *Islamic Economic, Theory and Practice*. Teori dan Praktek Ekonomi Islam. T. Nastangin. Yogyakarta: PT. Dana Bakti Wakaf. PT. Amanah Bunda Sejahtera

Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007) *Ensiklopedi Islam al-Kamil*. t. Achmad Munir Badjeber dkk. C.3. Jakarta: Darus Sunnah Press

Muhammad Jafar Hafsah (2004), "Upaya Pengembangan Usaha Kecil dan Menengah", *Jurnal Infokop* Jakarta: Deputi Bidang Pengkajian Sumberdaya UKMK Jil. 25 Bil: 20.

Muhammad Syafi'I Antonio (2001) *Bank Syari'ah dari Teori ke Praktik*.c.2. Jakarta: Gema Insani press

Musa Bin Nasri (tt) "Gerakan Koperasi Pengguna Satu Cabaran Masa Kini Dan Akan Datang", dalam *Koperasi: Membina Minda Rakyat Melalui Koperasi*. Kuala Lumpur

Muslich (2007) *Bisnis Syari'ah*. Yogyakarta: Unit penerbit dan percetakan sekolah tinggi Ilmu Manajemen YKPN

Noor Hidayah Binti Abd Kadir (2004), "Peranan Koperasi Pekan Rabu Alor Star Dalam Meingkatkan Taraf Sosio Ekonomi Ahli Koperasi" (Latihan Ilmiah, fakulti Sastera, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Nurcholish Madjid (1985) "Merumuskan kembali Tujuan Pendidikan Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren Membangun dari Bawah*, dalam Dawan Rahardjo (eds), Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, Media Pertama Offset

Revisond Baswir (2000) *Koperasi Indonesia*, Yogyakarta: BPFE Fakultas Ekonomi Universitas Gadjah Mada

Ruzana bt Ariffin (2002), “Pendekatan Koperasi dalam Sistem perbankan Islam: kajian di Bank Rakyat Malaysia”, (latian Ilmiah Ijazah sarjana Muda Syari’ah, Fakulti Syari’ah dan pengurusan, bahagian Syari’ah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Salim Akhmadiyanto (2007) “Profil Pondok Pesantren Asrama Perguruan Islam Tegalrejo Sebagai Media Dakwah Islam di Kabupaten Magelang Tahun 1950 hingga 2006 ” (kertas Projek kerja Skripsi, fakulti Ilmu Sosial bahagian Sejarah Universiti Negeri Semarang)

Saudin Sijabat (2008) “Potret Iklim Usaha Pemberdayaan UMKM”, *Jurnal Infokop*, Jakarta: Jil. 16, September 2008

Shalah ash-Shawi & Abdulah al-Mushlih (t.t) *Fikih Ekonomi Keuangan Islam*. Abu Umar Basyir (terj), Jakarta: Darul Haq

Shamsiyah Mohammad (2002) *Ciri-ciri keuntungan menurut Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: Jurnal Syariah, Jil: 1 Bil: 10

Sri Harningsih (2008) “Peran Strategis Pesantren, Madrasah Dan Sekolah Islam Di Indonesia” *Jurnal el-Tarbawi*, Jurnal Pendidikan Islam, jil. 1 bil. 1

Studi Pengembangan Usaha Koperasi Pondok Pesantren (1998) Badan Peneliti dan Pengembangan Koperasi dan Pengusaha Kecil,T.T.P, Departemen Koperasi dan PPK

Subandi (2009) *Ekonomi Koperasi, Teori Dan Praktik*. Bandung: Alfabeta

Suhartini (2005) “Problem Kelembagaan Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren” A. Halim, et al. (eds), *Manajemen Pesantren*.Yogyakarta: Pustaka Pesantren, LKiS Pelangi Aksara

Sujari (2008) “Pendidikan Pondok Pesantren Tradisional dalam Prespektif Pendidikan Islam Indonesia” (Skripsi Program Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember)

Sujari (2008) “Pendidikan Pondok Pesantren Tradisional Dalam Prespektif Pendidikan Islam Indonesia” (Kertas projek, Fakulti Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Jember)

Sukamto (1999), *Kepemimpinan Kiyai dalam Pesantren*, Jakarta: LP3ES

Sunarto Zulkifli (2003) *Panduan Praktis Transaksi Perbankan Syari’ah,c.2*, Jakarta: Zikrul Hakim

Syaikh Muhammad bin Ibrahim bin Abdullah at-Tuwaijiri (2007) *Ensiklopedi Islam al-Kamil*. C.3. Jakarta: Darus Sunnah Press

Syeikh Hassan Ayob (2008) *Fiqh Muamalah*, c.1. t. Abdurrahman Saleh Siregar, Selangor: Berlian Publications Sdn Bhd

Syekh Abdurrahman as-Sa'di (2008) *Fiqh Jual Beli Panduan Praktis Bisnis Syari'ah*. Jakarta: Senayan Publishing

Syekh Abdurrahman as-Sa'di, dkk (2008) *Fiqh Jual- Beli*, t. Abdullah, Jakarta: Senayan Publishing

Tajul Ariffin & Abdul Raof Dalip (1986) "Pendidikan Sepadu". (Di dalam kumpulan Seminar Pendidikan Sepadu 30 oktober 1984. Banggi: Universiti Kebangsaan Malaysia)

Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, c.3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka

Tiktik Sartika Partomo, Abd Rachman Soejoeno (2004) *Ekonomi Skala Kecil/Menengah dan Koperasi*, c. 2. Bogor: Ghalia Indonesia

Tiktik Sartika Partomo, dan Abd. Rachman Soejoedono (2004) *Ekonomi Skala Kecil dan Menengah dan Koperasi*. C.2. Bogor: Ghalia Indonesia

Tim penyusun (2004), *Ensiklopedi Islam*, Selangor:Dewama Sdn.Bhd.

Tim Penyusun (2009) Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor, Ponorogo: Darussalam Press

Tim penyusun AD & ART Badan Wakaf Pondok Gontor (1944) *Piagam Penyerahan Wakaf Pondok Modern dan AD & ART Badan Wakaf Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia*. C.2. Ponorogo: Sekretariat Pondok Modern Gontor

Tim penyusun Kamus Bahasa Melayu (2003) *Kamus Besar Bahasa Melayu*, Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam

Tim penyusun Kamus Besar Indonesia (1988) *Kamus Besar Indonesia*, Jakarta: Pusat Pembina dan Pengembangan Bahasa, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Republik Indonesia

Tim Penyusun Wardun (2006) *Wardun Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*, Ponorogo – Jawa-Timur: Darussalam Press

Tim penyusun(2006) *Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo*, Ponorogo: Darussalam Press

Tim penyususn (1994) *Piagam Penyerahan Wakaf Pondok Modern Gontor dan AD & ART Badan Wakaf Pondok Gontor Ponorogo*, c, II, Ponorogo: Sekretaris Pondok Gontor

Untung Tri Basuki (2005) *Arah Kebijakan Pembangunan Koperasi Untuk Memantapkan Kedudukan Kopeasi Dalam Perekonomian Nasional*, Infokop. Jil. 26. Bil: XX

W. M. Chik (1990) *Bagaimana mengendalikan Koperasi*, Kuala Lumpur, Selangor: Sri Nakhoda Sdn. Bhd

Yasmadi (2005) *Modernisasi Pesantren kritik Nurcholish Madhid terhadap Pendidikan Islam Tradisional*. Ciputat: Quantun Teaching. Ciputat Press

Yusof bin Hj Samsudin (2006), “Pembangunan Ekonomi Negara Melalui Gerakan Koperasi dan Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN)” (Di dalam Simposium Serantau Pembangunan Ekonomi Melalui Gerakan Koperasi Islam. Kuala Lumpur: Jabatan Pembangunan Koperasi)

Zainal Abidin Hashim (1997) *Koperasi di Malaysia Asas dan Pergerakan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

## **2. Bahasa Arab**

Abd al-Rahman Muhammad Muhammad Abd al-Qādir (1993) *al-Wasiṣ fī ‘aqdi al-Islāmī*. Al-Qahirah: Dar al-Nahḍah al-‘Arabiyyah

Abd al-Samī’ al-Miṣrī (1986) *al-Tijarah fī al-Islāmī*. Al-Azhar: Dar al-Taufiq al-Namūdzajiyah

Abu al-Futūh Muhammad Basūnī (1988) *al-Huriyah al-Iqtisadiyah fī al-Islāmi wa Āṭharuhā fī al-Tanmiyah*. Dar al-Wafaa Li Ṭaba’ah wa al-Nashar wa al-Tauzi’ al-Mansūrah

Ahmad Al-Sharbasi (1981) *al-Mu’jam al-Iqtishad al-islami*. Dar al-Jael

Lewis Ma'lūf (1992) *Al-Munjid fī Lughah wa A'lam*. Lebanon, Birut: Dar el-Machreq Sarl Publishers

Muhammad Ibn Ahmad Ibn Muhammad Ibn Rusyd (1998) *Bidayah Mujtahid wa Nihayah Muqtashid*. Bierut: Dar al-Qalam

Muhammad Najib Ḥamīdī al-Jau’īnī (2005) *Qawāidu al-Tijārah fī al-Iqtisād al-Islāmī*. C.1. Bierut- Libanon: Dar al-Kutub al-‘Alamiyah

Muhammad Najib Hamadi al-Jau’ani (2005) *Dawabit al-Tijarah fī al-Iqtisād al-Islāmī*, Bayrūt Libanon: Dār al-Kutub al-‘Alamiyah

Wahbah al-Zuḥaelī (2004) *al-Fiqh Al- Islāmī Wa Adillatuhu*. J.5. c. 4. Damashq: Dār al-Fikr

## **3. Temubual**

Abdul Rouf, pengurus di unit usaha Kopontren Wisma Darussalam. Temubual pada tarikh 24 Oktober 2009

Agus, pengurus di Penggilingan Padi Kopontren Gontor Ponorogo, Temubual pada tarikh 21 Oktober 2009.

Anto, pelanggan di UKK Kopontren Gontor .Temubual pada tarikh 23 oktober 2009

Ato' Pengurus di salah satu unit usaha Kopontren La-Tansa, temubual pada tarikh 20 Oktober 2009

Husni Mubarak, pengurus bahagian Kenderaan Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 Oktober 2009

Muhammad Aldo Redo pengurus Perkulakan di Kopontren La-Tansa Gontor Temubual pada tarikh 20 Oktober 2009

Nazih Ibadillah, Pengurus Kopontren dan staf pengajar di Pondok Moden Gontor, Temubual pada tarikh 18 Oktober 2009

Suhandi, Pelanggan di UKK Kopontren Gontor. pada tarikh 23 Oktober 2009

Suraji Badi', Ketua Kopontren Gontor La-Tansa, temubual pada 16 Oktober 2009

Syahron, pengurusi UKK Kopontren Gontor. Temubual pada tarikh 23 oktober 2009

Wahyu Diantoro, pengurus Kopontren di unit usaha Kelontong di Pondok Moden Gontor, Temubual pada tarikh 20 Oktober 2009

Zaenal Arifin, Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor, Temubual pada 19 Oktober 2009

#### **4. Laman Web**

Balai Pendidikan Pondok Moden Darussalam Gontor,  
<http://gontor.tripod.com/kopontren.htm/>, 4 September 2009

Berdayakan Ekonomi Pesantren, <http://www.inilah.com/>, 4 september 2009

Berita Harian Kompas "Manajemen Stok Bahan Pokok Perlu diperbaiki" pada isnin, 25 ogos 2008, <http://cetak.kompas.com/>, 6 April 2010

Departemen Keuangan Republik Indonesia, <http://www.sjdih.depkeu.go.id/htm>, 7 April 2010

Forum dan Komunikasi Koperasi Syari'ah. <http://koperasisyariah.com/>, 6 september 2009

Kantor Berita Ekonomi Syari'ah PkesInteraktif <http://www.pkesinteraktif.com>, 5 November 2009

Kementerian Koperasi dan UKM, Deputi bidang pengkajian Sumberdaya UKMK Republik Indonesia, <http://www.smeccda.com/infosmecda/.htm>, 28 July 2010.

Kementerian Koperasi dan UKM, Deputi bidang pengkajian Sumberdaya UKMK Republik Indonesia, <http://www.deptan.go.id/bdd/admin/uu/UU-25-92>, 28 July 2010

Majlis Ulama' Indonesia [http://www.mui.or.id/mui\\_in/](http://www.mui.or.id/mui_in/). 6 November 2009

- Pondok Moden Darussalam Gontor, <http://gontor.ac.id/html>, 30 Oktober 2009
- Pondok Pesantren Darul Rahman, <http://www.ikdar.com/>, 30 July 2010
- Republika Online, <http://republika.co.id/berita>, 4 September 2009
- Sambutan Menteri Negara Koperasi dan Usaha Kecil Menengah Indonesia cabinet 2009 – 2014 oleh: Suryadharma Ali pada jum'at 22 ogos 2009, <http://alkautsar.co.nr>, 26 ogos 2009.
- Sekolah Tinggi Agama Islam Luqman Al-Hakim, <http://www.stail.ac.id/>, 29 July 2010
- Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Perdagangan dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) <http://www.skm.gov.my/>, 6 September 2009
- Wikipedia, <http://id.wikipedia.org/pesantren.html>, 24 Maret 2010.